



SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA
COMPANIES COMMISSION OF MALAYSIA

LAPORAN TAHUNAN • ANNUAL REPORT 2011 Suruhanjaya Syarikat Malaysia



LAPORAN TAHUNAN ANNUAL REPORT 2011



SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA
COMPANIES COMMISSION OF MALAYSIA

www.ssm.com.my

Kandungan

- 04** Perutusan Menteri
- 08** Prakata Pengerusi
- 12** Ulasan Tahunan Ketua Pegawai Eksekutif
- 17** Anggota Suruhanjaya SSM
- 25** Pengurusan Eksekutif SSM
- 33** Tinjauan Ekonomi dan Analisa Statistik Utama SSM 2011
- 41** Laporan Pengurusan
 - 42** Laporan Sistem Penyampaian Perkhidmatan Awam
 - 48** Laporan Inisiatif Penguatkuasaan Dan Pembaharuan Pengawalseliaan
 - 65** Laporan Penglibatan Dan Kerjasama Pihak Berkepentingan
- 73** Penyata Kewangan

**SURUH
COMPAN**



PERUTUSAN **MENTERI**
PRAKATA **PENGERUSI**
ULASAN TAHUNAN **KETUA**
PEGAWAI EKSEKUTIF

PERUTUSAN MENTERI



Sebagai sebuah badan berkanun yang mengawalselia syarikat dan perniagaan di Malaysia, Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) terus mencatat prestasi positif terhadap semua fungsinya di sebalik persekitaran global yang begitu mencabar. SSM telah memperlihatkan pendekatan mudah menerusi peranannya sebagai pihak berkuasa bagi pendaftaran, pembekal maklumat korporat dan perniagaan serta penguatkuasaan bagi pematuhan korporat dalam usaha mempromosikan tadbir urus yang baik ke arah memastikan Malaysia terus berkembang maju sebagai destinasi perniagaan yang aktif dan kondusif.

Tahun 2011 menyaksikan SSM melangkah ke tahun sembilan penubuhannya sejak mula beroperasi pada tahun 2002. Dalam merealisasikan objektif utama penubuhannya, SSM telah berjaya meletakkan asas rangkaian hubungan yang kukuh di kalangan komuniti. Dalam proses pelaksanaan itu, SSM telah meningkatkan reputasi dan imejnya.

SSM telah mencapai kemajuan ketara sebagai sebuah institusi. Ia kini diakui sebagai salah satu pemacu utama untuk mempromosi negara sebagai destinasi perniagaan pilihan di rantau ini dan peranannya telah mendapat pengiktirafan di peringkat antarabangsa. Sebagaimana yang dapat dilihat sepanjang tahun ini, SSM telah menerima satu siri lawatan kajian daripada Pendaftar Korporat asing yang ditaja oleh *International Finance Corporation* (IFC) iaitu ahli kumpulan Bank Dunia, untuk mempelajari proses dan prosedur dalaman SSM dalam penyampaian perkhidmatan, mengendalikan maklumat korporat dan perniagaan, melaksanakan pengawasan, penyiasatan, penguatkuasaan serta latihan dan inisiatif pendidikan yang berkesan.

Juga sesuatu yang memberangsang SSM apabila IFC telah meminta pegawai SSM untuk dipinjamkan sebagai perunding kepada Pendaftar Korporat Timor Leste bagi membantu negara yang baru merdeka itu untuk membangunkan proses operasi dan prosedur dalam menguruskan Pendaftaran Korporat secara keseluruhan. Ini merupakan satu bukti profesionalisme yang cemerlang oleh SSM serta satu pengiktirafan bagi SSM dalam perkhidmatan awam di Malaysia.

SSM telah memainkan peranan fasilitatif apabila berjaya menarik minat sebanyak 45,455 pemerbadanan syarikat baharu dan 284,598 pendaftaran perniagaan baharu pada tahun 2011. Sehingga 31 Disember 2011, SSM merekodkan jumlah pemerbadanan syarikat sebanyak 972,500 manakala pendaftaran perniagaan berjumlah 4.6 juta. Ini merupakan satu petunjuk ketara hasil daripada pertumbuhan ekonomi Malaysia yang berdaya tahan dan tidak terjejas oleh pasaran saham Asia yang merosot akibat daripada krisis hutang di wilayah Eropah dan kemelesetan ekonomi Amerika yang berlaku pada pertengahan tahun.

Pertumbuhan ekonomi domestik Malaysia yang pantas menyebabkan lebih ramai rakyat mempunyai keyakinan terhadap kestabilan ekonomi negara seperti yang digambarkan dalam penyertaan komuniti perniagaan dalam pelbagai perusahaan.

Kebanyakan ekonomi di seluruh dunia kini bergantung kepada inovasi untuk mempromosi kemunculan industri baharu bagi menjana pertumbuhan ekonomi. Malaysia tidak terkecuali di bawah Model Ekonomi Baru (MEB), inovasi telah dikenalpasti sebagai mekanisme utama yang akan menggerakkan Malaysia ke hadapan. Komuniti perniagaan mendapat manfaat ke atas kekayaan kreativiti dan inovasi untuk mencapai prestasi yang lebih berdaya saing serta menjana pembangunan pendapatan negara yang diperlukan untuk menjadi sebuah ekonomi berpendapatan tinggi. Inovasi baharu itu akan mewujudkan produk dan perkhidmatan dengan fokus bagi mencapai nilai kepada pengguna.

Selain daripada inovasi, aspek-aspek yang penting dalam memastikan kemapanan perniagaan adalah urus tadbir yang baik dan tanggungjawab sosial. Syarikat dan perniagaan yang mengamalkan etika, tadbir urus baik dan tanggungjawab sosial akan berusaha untuk mengurangkan kos dan pada masa yang sama akan memastikan nilai ditingkatkan bagi kedua-dua pembeli dan syarikat tanpa menjejaskan alam sekitar, keperluan ekonomi dan kemasyarakatan di mana ia beroperasi. Oleh itu, adalah penting bahawa tadbir urus korporat, tanggungjawab sosial dan inovasi perlu wujud bersama dalam semua syarikat dan perniagaan di Malaysia bagi memastikan pertumbuhan ekonomi negara yang mapan.

Inisiatif SSM pada tahun 2011 melibatkan pelaksanaan pelbagai program bagi memudahkan lebih banyak pembentukan dan pertumbuhan syarikat dan perniagaan baharu di Malaysia. Inisiatif seperti kerjasama antara SSM dengan Telekom Malaysia (TM) dan Bank Simpanan Nasional (BSN) merupakan bukti usaha SSM untuk

menggalakkan dan mengembangkan minat secara lebih luas serta penglibatan semua sektor masyarakat ke arah menceburi bidang perniagaan. Kerjasama dengan TM melibatkan tawaran produk *Office in A Box* (OIAB) oleh syarikat telekomunikasi itu kepada orang ramai yang memperbadankan syarikat dan mendaftarkan perniagaan. OIAB menawarkan kadar panggilan menarik, akses tanpa had menerusi jalur lebar perniagaan, domain e-mel dan perkhidmatan tambah nilai yang menyediakan penyelesaian komunikasi terutamanya kepada operasi perniagaan berpejabat kecil dan berpejabat di rumah *Small Office Home Office* (SOHO) serta industri kecil dan sederhana.

Kerjasama dengan BSN akan memberikan kemudahan besar kepada komuniti peniaga di kawasan terpencil untuk memperbaharuisijil pendaftaran perniagaan menerusi 339 buah cawangan BSN di seluruh Malaysia.

Selain daripada memberi pengetahuan dan menanamkan kesedaran kepada pihak berkepentingan, SSM terus menawarkan program-program latihan yang padat sepanjang tahun. Program tersebut ialah Persidangan Kebangsaan SSM 2011 yang diadakan buat pertama kali telah mendapat sambutan yang menggalakkan daripada syarikat-syarikat dan komuniti perniagaan. Para peserta telah memperolehi pengetahuan serta pendedahan yang tidak ternilai dalam perkembangan terkini berkaitan rangka kerja undang-undang korporat yang baharu, Perkongsian Liabiliti Terhad serta Akta Perlindungan Pemberi Maklumat, falsafah penguatkuasaan SSM dan sistem penyampaian perkhidmatan baharu dalam usaha untuk membawa transformasi dalam perniagaan di negara ini.

Turut menarik perhatian, menerusi penguatkuasaan berkesan dan usaha pengawasan yang digandakan bagi program *outreach* secara meluas, penglibatan pihak-pihak berkepentingan, latihan dan inisiatif pendidikan pada tahun 2011, kadar pematuhan bagi penyerahsimpanan penyata tahunan dan penyata kewangan telah meningkat kepada 90.4%. Ini merupakan satu petunjuk jelas bahawa masyarakat korporat domestik adalah peka terhadap kehendak asas bagi tadbir urus korporat, laporan kewangan dan pematuhan pengemaskinian maklumat korporat yang tepat pada masanya.

Tahun 2011 turut menyaksikan Rang Undang-Undang (Larangan) Kumpulan Wang Kutu (Pindaan) 2011 diluluskan oleh Parlimen pada bulan Julai. Ia merupakan satu permulaan baharu untuk golongan yang tertentu di kalangan komuniti perniagaan. Akta



SSM telah mencapai kemajuan ketara sebagai sebuah institusi. Ia kini diakui sebagai salah satu pemacu utama untuk mempromosi negara sebagai destinasi perniagaan pilihan di rantau ini dan peranannya telah mendapat pengiktirafan di peringkat antarabangsa.

ini dipinda terutamanya bagi mengenakan penalti yang berat terhadap penganjur skim kutu yang beroperasi berasaskan model perniagaan yang dilarang iaitu bagi menjana keuntungan. Pindaan Akta 2011 itu memperuntukkan penjara maksimum selama 10 tahun atau denda RM500,000 atau kedua-duanya. Dengan hukuman yang lebih berat ini, diharap kes orang ramai ditipu oleh skim kutu akan berkurangan. Bagaimanapun Rang Undang-Undang ini tidak membabitkan skim-skim kutu yang dianjurkan oleh kumpulan kecil yang bukan dilaksanakan sebagai perniagaan dan tidak mendatangkan keuntungan dan lebih merupakan struktur simpanan.

Pada masa yang sama, pengenalan Akta Perkongsian Liabiliti Terhad (PLT) yang digubal pada bulan Disember merupakan satu mercu tanda kejayaan kepada SSM dalam usaha menggalakkan budaya keusahawanan di kalangan generasi muda yang berinspirasi di negara ini. PLT yang dijangka dilaksanakan pada bulan Jun 2012 mampu menarik minat usahawan muda untuk menjadi lebih berdaya usaha dan berinovasi terutamanya di kalangan lulusan universiti. Memandangkan regim pematuhan yang liberal dan kos menjalankan perniagaan lebih rendah berbanding dengan syarikat liabiliti terhad, lebih banyak PLT dijangka akan didaftarkan melalui modal teroka untuk memanfaatkan peluang-peluang perniagaan baharu yang akan muncul, sama ada di peringkat domestik dan antarabangsa.

Pada tahun 2012, saya menyeru semua warga SSM untuk terus mencipta lagi kejayaan dengan menggunakan sepenuhnya bakat yang wujud dalam setiap diri individu dan menunjukkan bahawa kita telah bersedia untuk mencapai matlamat yang dikongsi bersama dengan institusi ini. Untuk mencapai kejayaan, kita perlu bekerja sebagai satu pasukan dalam semangat 1Malaysia, satu visi dan satu matlamat serta meneruskan budaya kerja SSM yang berdedikasi dan berkhidmat kepada rakyat.

DATO' SRI ISMAIL SABRI BIN YAAKOB

Menteri Perdagangan Dalam Negeri,
Koperasi & Kepenggunaan

12 April 2012



PRAKATA **PENGERUSI**



Mengimbangi kesan krisis ekonomi global 2008 dan 2009, ekonomi Malaysia berada dalam kedudukan yang baik untuk meneruskan pembangunan pada tahun 2011 walaupun dikekang oleh kesan ramalan suram yang menyelubungi ekonomi global.

Pada tahun-tahun yang mendatang, ekonomi kita yang terbuka tidak terlepas daripada kesan krisis kewangan berterusan di Zon Euro dan kelembapan pemulihan ekonomi Amerika Syarikat. Mendepani cabaran pertumbuhan ekonomi dunia yang lebih getir, namun Malaysia mesti terus berusaha mempromosikan permintaan domestik dan melaksanakan projek pembangunan ekonomi yang kukuh. Keupayaan negara untuk mengekalkan kadar pertumbuhan purata adalah bukti pencapaian hasil daripada pelbagai langkah yang diambil oleh kerajaan dalam mentransformasikan sektor awam dan menyusun semula ekonomi negara di bawah Bidang Utama Ekonomi Negara (NKEA).

Satu perkara yang menarik perhatian adalah pendekatan yang dijalankan SSM terutamanya mendekati diri dengan kalangan komuniti perusahaan kecil dan sederhana (PKS) menerusi program-program turun padang (*outreach*). Dalam pada itu, SSM turut berusaha meluaskan perkhidmatan di kawasan luar bandar melalui penglibatan program-program menemui orang ramai seperti di Sabah, Sarawak dan kawasan Felda di Pahang.

Saya berpuas hati dengan fokus baharu SSM dalam mendidik orang ramai berhubung pelaburan skim kepentingan dan skim cepat kaya. Usaha-usaha seperti ini akan memberi kesan bagi mewujudkan kesedaran orang ramai tentang keperluan untuk lebih berwaspada terhadap skim kepentingan yang tidak berdaftar, skim cepat kaya dan skim yang menyalahi undang-undang. Penyebaran maklumat berkaitan kepada orang ramai oleh pegawai SSM akan memberi gambaran yang lebih jelas kepada pengguna dan ini akan membolehkan mereka untuk membuat penilaian serta keputusan sama ada skim itu boleh disertai dan skim mana yang menyalahi undang-undang.

Saya juga berbangga apabila program *outreach* telah diperluaskan skopnya dengan penglibatan oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan, agensi-agensi serta kementerian lain untuk mengadakan pameran bagi menjelaskan operasi mereka kepada semua lapisan rakyat.

Seiring dengan langkah kerajaan yang melaksanakan pelbagai transformasi, saya ingin memuji usaha SSM memperkenalkan model perniagaan baharu yang dikenali sebagai Perkongsian Liabiliti Terhad (PLT) sebagai alternatif menjalankan perniagaan yang diluluskan oleh Dewan Negara pada 21 Disember 2011. Malaysia kini telah menyertai negara-negara lain seperti di United Kingdom, Singapura, Amerika Syarikat, Jepun dan India yang telah memperkenalkan pilihan PLT sebagai alternatif menjalankan perniagaan di kalangan komuniti perniagaan di negara masing-masing. Menerusi pengenalan PLT ini, orang ramai mempunyai lebih banyak pilihan untuk menjalankan perniagaan di mana tidak hanya terhad kepada bentuk perniagaan bercorak tradisional seperti penubuhan syarikat, milikan tunggal, atau perkongsian.


SSM telah menganjurkan seminar secara bersiri mengenai Tanggungjawab Korporat (CR) dalam usaha mempromosi kesedaran tentang keperluan mengamalkan tanggungjawab korporat di kalangan kumpulan berkepentingan khususnya golongan PKS, selaras Pelan Halatuju Strategik Kedua SSM. Seminar ini juga telah mendedahkan komuniti perniagaan ke atas kaedah dan amalan bagi memastikan perniagaan

yang mampan. Ia juga menggalakkan dan memberi inspirasi kepada masyarakat perniagaan ke arah memenuhi cabaran untuk kekal berkompetitif. Cadangan untuk menganjurkan seminar ini setiap tahun secara berperingkat di semua negeri di Malaysia termasuk Sabah dan Sarawak amatlah dialu-alukan.

Selain daripada inisiatif yang dinyatakan di atas, inisiatif kerjasama berterusan antara SSM dan UNICEF telah menghasilkan satu lagi penerbitan berkaitan CR dan kali ini ia berkaitan dengan satu isu yang penting bagi memastikan kaum wanita terus berada dalam sektor pekerjaan. Penerbitan *Best Business Practice Circular* bertajuk "*Establishing a Conducive Working Environment for Women: Nursing Mothers Programme at the Workplace*" adalah Pekeliling Amalan Terbaik Perniagaan (PATP) SSM yang kedua untuk menggalakkan kesedaran tanggungjawab korporat atau *corporate responsibility* (CR) di kalangan komuniti perniagaan di Malaysia.

PATP menggalakkan syarikat dan perniagaan untuk memainkan peranan mereka dalam mewujudkan persekitaran mesra antara keluarga dan kanak-kanak di tempat kerja dengan menyokong *Nursing Mothers Programme* untuk wanita kekal berada dalam tenaga kerja sejajar dengan Rancangan Malaysia Ke-10 dan Wawasan 2020 yang menggalakkan pembangunan ekonomi yang seimbang.

Akhir kata sebagai sebuah badan kawal selia korporat, pihak pengurusan dan warga kerja SSM telah melaksanakan pelbagai usaha untuk berkhidmat





Pengurusan dan warga kerja SSM telah melaksanakan pelbagai usaha untuk berkhidmat kepada pihak berkepentingan berdasarkan keperluan dan kesedaran amalan perniagaan global yang semakin kompetitif dan mencabar. Ini membolehkan SSM menjadi lebih responsif kepada keperluan komuniti perniagaan tempatan dalam persekitaran perniagaan yang berubah pesat dengan memperkemaskan proses perniagaan, memperhalusi dasar dan rangka kerja perundangan.

kepada pihak berkepentingan berdasarkan keperluan dan kesedaran amalan perniagaan global yang semakin kompetitif dan mencabar. Ini membolehkan SSM menjadi lebih responsif kepada keperluan komuniti perniagaan tempatan dalam persekitaran perniagaan yang berubah pesat dengan memperkemaskan proses perniagaan, memperhalusi dasar dan rangka kerja perundangan.

Walaupun bakal mengharungi tahun mendatang yang penuh cabaran, saya yakin SSM akan terus membina pencapaiannya seperti tahun-tahun sebelum ini bukan sahaja untuk merangsang pertumbuhan perniagaan domestik tetapi juga mewujudkan persekitaran perniagaan yang berdaya saing bagi Malaysia dalam usaha menarik kemasukan pelaburan asing.

DATUK MOHD ZAIN MOHD DOM

Pengerusi,
Suruhanjaya Syarikat Malaysia
23 Disember 2011



SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA
COMPANIES COMMISSION OF MALAYSIA

ULASAN TAHUNAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF



Sepanjang tahun lalu, SSM terus memainkan peranannya dalam menyumbang kepada kemakmuran ekonomi negara dengan menggalakkan pertumbuhan perniagaan dan memastikan tadbir urus korporat yang baik serta tahap pematuhan di kalangan komuniti perniagaan. SSM berterusan melaksanakan pelbagai inisiatif bagi memudahkan perniagaan dalam mengekalkan persekitaran pengawalseliaan yang responsif seperti yang dibuktikan pada tahun ini dan kami berbesar hati menyiarkannya dalam laporan tahunan ini.

Reputasi negara di peringkat antarabangsa dalam laporan-laporan “*Ease of Doing Business*” dan “*Global Competitiveness*” telah meningkat secara mendadak. Menurut laporan *Global Competitiveness 2011*, Malaysia berada pada kedudukan ke-21 paling berdaya saing di dunia, meningkat lima kedudukan berbanding tahun sebelumnya.

Menurut laporan “*Ease of Doing Business*” iaitu laporan *World Bank’s Doing Business 2012 Report* yang dikeluarkan pada bulan Oktober 2011, kedudukan Malaysia telah meningkat ke tangga ke-18 dari 21 berbanding tahun sebelumnya. Laporan itu menyatakan Malaysia mendahului di Asia Timur dan Pasifik berdasarkan petunjuk-petunjuk khusus yang memperlihatkan peningkatan ketara dengan pengenalan sistem pemfailan elektronik di mahkamah, menubuhkan mahkamah sivil dan komersil yang khusus di Kuala Lumpur serta menggabungkan urusan pemerbadanan syarikat, pendaftaran dengan Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM), Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) dan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) di sebuah pusat sehenti untuk memulakan perniagaan. Berkaitan perkara ini, ia khusus merujuk kepada sistem MyCoID sebagai pusat sehenti yang diterajui oleh SSM.

Peningkatan berterusan sistem MyCoID serta pencapaian perkhidmatan di kaunter telah menyaksikan kelulusan yang cepat atau pendaftaran cekap pelbagai transaksi utama yang melibatkan SSM. Menurut rekod, SSM telah mencapai hampir 100% daripada sasaran seperti yang dinyatakan dalam Piagam Pelanggan Perniagaan dan Syarikat. Pencapaian dalam masa memproses urus niaga yang dinyatakan dalam Piagam Pelanggan adalah manifestasi komitmen SSM dalam menyediakan sistem

penyampaian perkhidmatan awam yang proaktif kepada pelanggan ke arah mewujudkan ekonomi negara yang berdaya maju dan berdaya saing.

Kemajuan-kemajuan yang telah dicapai hasil daripada sokongan rakan kongsi dan pihak-pihak berkepentingan di dalam komuniti perniagaan, serta dedikasi dan usaha gigih warga SSM. SSM akan terus meningkatkan usaha untuk melaksanakan transformasi bagi menghadapi cabaran-cabaran pada masa hadapan dan berterusan menyampaikan penambahbaikan perkhidmatan yang ditawarkan kepada pelanggan-pelanggan.

Dalam menghadapi persekitaran ekonomi global yang tidak menentu dan telah memberi kesan besar kepada banyak negara di seluruh dunia, Malaysia kekal fokus dalam menguruskan risiko akibat krisis global. Kerajaan dan semua agensi termasuk SSM bersiap sedia dan berusaha mengatasi cabaran dan menggunakan peluang yang mendatang hasil daripada perubahan yang berlaku di seluruh dunia. Penglibatan bersama pihak-pihak berkepentingan yang berterusan ke arah mewujudkan persekitaran perniagaan yang kondusif kepada negara, kami mendapati pertumbuhan kukuh dalam pemerbadanan syarikat dan pendaftaran perniagaan baharu. Pada tahun 2011, jumlah syarikat tempatan yang diperbadankan meningkat sebanyak 3 peratus berbanding tahun sebelumnya manakala, pendaftaran perniagaan baharu meningkat mendadak sebanyak 5 peratus walaupun dalam persekitaran ekonomi global yang lembap.

Sepanjang tahun ini, komunikasi merupakan faktor utama untuk mendekati pihak-pihak berkepentingan. Penglibatan dengan pihak berkepentingan adalah pendekatan utama SSM dalam meningkatkan pemahaman jelas dan positif menerusi pelbagai aktiviti bagi memastikan sasaran orang ramai memahami polisi SSM, perkhidmatan, nilai utama dan peraturan mengenai pematuhan undang-undang yang digubal untuk menjalankan perniagaan.

Inisiatif SSM bagi penglibatan pihak-pihak berkepentingan meliputi pelbagai sesi seperti Forum Rundingan Amalan Korporat (CPCF), Jawatankuasa Teknikal CPCF, Dialog Tahunan dan Penglibatan Bab Perniagaan. Pada tahun 2011, SSM telah menganjurkan dua Forum Rundingan Amalan Korporat (CPCF) dan dua Dialog Tahunan di Kuala Lumpur dan di Kuching, Sarawak. Selain daripada menggalakkan kerjasama yang lebih erat antara SSM dan ahli-ahli badan profesional, CPCF juga telah menyediakan saluran untuk perundingan dan perbincangan bersama mengenai isu-isu amalan korporat.

Dialog Tahunan ini telah dihadiri oleh pelbagai peserta yang terdiri daripada ahli-ahli dewan perniagaan, persatuan peniaga, badan-badan berkanun, agensi kerajaan, *Government Linked Company* (GLC). Selain daripada memupuk hubungan lebih erat, sesi-sesi dialog tersebut juga membolehkan SSM lebih memahami keperluan dan hasrat pihak-pihak berkepentingan. Maklum balas tidak ternilai yang diterima semasa sesi-sesi tersebut membolehkan SSM melaksanakan beberapa pembaharuan sejak tahun lalu untuk meningkatkan kecekapan dan perkhidmatan. Sesi penglibatan ini turut mempertingkatkan usaha kerjasama bagi menambahbaik persekitaran perniagaan dan perundangan.

Menyedari kepentingan PKS yang terdiri daripada 99% perniagaan yang ditubuhkan di dalam negara dan berperanan sebagai pemacu utama bagi pertumbuhan ekonomi negara, SSM telah mengadakan satu forum dengan PKS pada 18 Oktober 2011, yang dikenali sebagai *Business Engagement Chapter* (BEC). Pembentangan SSM menekankan kepada tiga bidang iaitu:

- a) Kepentingan Pembelajaran Korporat Berterusan di persekitaran perniagaan di abad ke-21.
- b) Pindaan kepada Akta Syarikat 1965 dan Pengenalan kepada Akta Perkongsian Liabiliti Terhad 2012.
- c) Pemerbadanan Satu Hari dan Nombor Identiti Korporat Malaysia.

Di peringkat antarabangsa, SSM terus menyumbang ke arah pembangunan antarabangsa dengan penglibatan dalam beberapa persidangan dan forum antarabangsa pada tahun lepas.

Sebagai salah satu daripada anggota pengasas *Corporate Registers Forum* (CRF), SSM telah menyertai semua sesi CRF sejak penubuhannya pada tahun 2003. CRF 2011 telah berlangsung di Singapura pada tahun ini, dimana SSM telah membentangkan dua kertas kerja.

Kertas pertama menyentuh mengenai inisiatif pembaharuan SSM dalam meningkatkan proses penubuhan, manakala yang kedua bertajuk *SSM's Corporate Responsibility Agenda: Crossing Boundaries towards driving Business Beyond Profitability* bagi mempromosikan Agenda Tanggungjawab Korporat.

Lain-lain acara antarabangsa yang melibatkan SSM pada tahun 2011 adalah:



Menerusi pengenalan PLT ini, orang ramai mendapat lebih banyak pilihan untuk menjalankan perniagaan di mana tidak hanya terhad kepada bentuk perniagaan bercorak tradisional seperti penubuhan syarikat, millikan tunggal, perkongsian atau firma perkongsian.

- i) *Cambridge Symposium on Economic Crime* ke-29 diadakan di Jesus College, Cambridge United Kingdom. Selain daripada menyampaikan ucapan, SSM telah dijemput untuk membentangkan tiga kertas kerja mengenai bidang rangka kerja perundangan ke atas kawalan dalaman, penyiasatan dan pendakwaan di bawah Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Pencegahan Pembiayaan Keganasan (AMLATFA) 2001 dan prosiding berkaitan.
- ii) *Annual European Commerce Registrar's Forum* ke-14 yang diadakan di Bonn, Jerman. Forum ini telah memberi peluang kepada SSM untuk berkongsi pengalaman dan amalan terbaik dengan rakan-rakan Eropah untuk mewujudkan persekitaran yang kondusif dan cekap untuk pembangunan perniagaan di Eropah.
- iii) Forum Global OECD mengenai *Transparency and Exchange of Information for Tax Purposes* diadakan di Paris, Perancis.

Selain daripada penyertaan dalam persidangan antarabangsa di atas, SSM telah membantu Bank Dunia dalam penyediaan Laporan Menjalankan Perniagaan yang melibatkan penilaian dalam tiga bidang iaitu memulakan perniagaan, melindungi pelabur dan insolvensi.

Tahun 2011 menyaksikan perubahan yang penting dalam undang-undang yang ditadbir oleh SSM. Pindaan kepada Akta (Larangan) Kumpulan Wang Kutu 1971 menerima Perkenan Diraja pada 18 Julai 2011 dan pindaan berkuatkuasa pada 16 Ogos 2011. Pindaan itu membolehkan hukuman penalti yang lebih berat dikenakan terhadap penganjur skim kutu haram dengan penalti maksimum sebanyak RM500,000 berbanding RM5,000 sebelum ini.

Akta Perkongsian Liabiliti Terhad 2011 yang baharu, menyediakan wahana perniagaan alternatif untuk menjalankan perniagaan di Malaysia, telah diluluskan oleh Dewan Negara pada 21 Disember 2011 dan dijangka akan dilaksanakan sepenuhnya tahun hadapan.

Rang Undang-Undang Syarikat bagi menggantikan Akta Syarikat 1965, adalah di peringkat akhir penyediaan, dan dijangka dibentangkan di Parlimen pada tahun 2013. Rang Undang-undang baharu ini memberi penekanan kepada PKS, dengan tujuan memudahkan syarikat syarikat kecil untuk memenuhi kewajipan perundangan dan mengurangkan kos. Matlamat utama adalah bagi membolehkan golongan ini lebih fleksibiliti dalam menguruskan syarikat masing-masing. Pindaan juga dibuat kepada Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2011 untuk mengukuhkan lagi kewibawaan SSM sebagai pengawal selia korporat yang cekap dan berkesan.

Dalam usaha untuk menggalakkan pertumbuhan industri skim kepentingan di Malaysia, SSM juga mencadangkan Rang Undang-undang untuk skim kepentingan yang berasingan bagi peruntukan Penggal 5 Bahagian IV Akta Syarikat sedia ada. Rang Undang-Undang Skim Kepentingan kini sedang digubal dan dijangka dimuktamadkan menjelang suku tahun kedua 2012.

Sebanyak empat Nota Amalan telah dikeluarkan pada tahun lalu sebagai sebahagian daripada usaha berterusan SSM untuk membantu kumpulan profesional dan komuniti perniagaan mematuhi peruntukan Akta Syarikat 1965:

- a) PN 10/2011 - *Lodgement of annual return where annual general meeting cannot be convened due to lack of quorum.*
- b) PN 11/2011 - *Clarification on whether a society can be a member of a company.*

- c) PN 12/2011 - *Compliance programme to encourage timely submission of annual returns and audited financial statements.*
- d) PN 13/2011- *Circumstances and procedures for rectification of documents lodged and registered with the Companies Commission of Malaysia.*

Kadar pematuhan SSM untuk penyerahsimplanan penyata tahunan telah bertambah baik sejak pengenalan Nota Amalan 1 pada tahun 2008, yang mewajibkan penyerahsimplanan penyata tahunan oleh syarikat-syarikat disertakan dengan satu salinan penyata kewangan yang teraudit. Kami telah mencapai kadar pematuhan sebanyak 90.3% pada tahun 2011 berbanding dengan 87% tahun sebelumnya, dan 84% pada tahun 2009.

Sejajar dengan usaha untuk mewujudkan persekitaran perniagaan yang kondusif, bahagian penguatkuasaan SSM telah mempergiatkan tindakan penguatkuasaan terhadap pegawai-pegawai syarikat dan pemilik perniagaan yang ingkar. Bilangan kes-kes yang didakwa bagi pelbagai kesalahan di bawah Akta Syarikat 1965 dan Akta Pendaftaran Perniagaan 1956 meningkat dengan ketara, masing-masing dengan peningkatan sebanyak 21% dan 15% berbanding tahun 2010.

Bagi kesalahan-kesalahan yang dilakukan di bawah Akta Syarikat 1965, lebih banyak kes yang melibatkan pelanggaran kewajipan fidusiar dan lain-lain kesalahan serius tadbir urus korporat telah didakwa di mahkamah. Ini termasuk kesalahan di bawah Seksyen-Seksyen 125(1), 130 dan 364(2).

Berkenaan dengan usaha bagi mempromosikan Tanggungjawab Korporat antara pihak yang berkepentingan, kami bekerjasama dengan UNICEF telah menerbitkan Perniagaan Amalan Terbaik Pekeliling 2/2011 bertajuk *Establishing a Conducive working Environment for Women: Nursing Mothers Programme at Workplace.*

Akademi Latihan SSM (COMTRAC) terus memainkan peranan penting dalam melengkapkan inisiatif penguatkuasaan yang seimbang melalui program kesedaran dan pendidikan bagi menggalakkan pematuhan secara sukarela. Pada tahun lalu sebanyak 177 seminar dan sesi latihan telah dijalankan oleh COMTRAC di seluruh negara berbanding 152 pada tahun sebelumnya.

SSM telah mengadakan Persidangan Kebangsaan SSM 2011 pada 13 hingga 14 Jun 2011 di Auditorium Tun Dr Siti Hasmah, Menara SSM@Sentral. Persidangan

dua hari ini telah menarik minat lebih 300 orang peserta yang terdiri daripada profesional korporat, setiausaha syarikat dan wakil-wakil dari pelbagai agensi Kerajaan serta sektor swasta. Persidangan bertema *Driving Business Transformation Dynamics through Regulations and Enforcement*, menyediakan peserta dengan wawasan yang memberi manfaat mengenai trend dan perkembangan terkini dan memberi kesan kepada syarikat-syarikat dan perniagaan dalam usaha mengukuhkan daya saing mereka.

SSM telah mengakhiri tahun kewangannya dengan rekod pendapatan RM357.7 juta, peningkatan sebanyak 5.1% berbanding tahun 2010. Ia sudah tentu satu pencapaian hebat walaupun terdapat kesan negatif ke atas ekonomi tempatan berpunca daripada pasaran kewangan global tidak menentu akibat krisis hutang wilayah di Zon Euro. Peningkatan hasil ini sebahagian besarnya disebabkan oleh kenaikan ketara dalam jumlah pemerbadanan syarikat dan pendaftaran perniagaan serta juga merupakan pendapatan daripada pelaburan.

Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada Anggota Suruhanjaya di atas hala tuju dan sumbangan yang diberikan. Saya juga ingin merakamkan penghargaan kepada pengurusan SSM dan kakitangan di atas kerja keras dan dedikasi mereka sepanjang tahun dalam meraih pencapaian yang ditetapkan.

Tahun 2012 SSM bakal menempuh lebih banyak cabaran dan persekitaran ekonomi yang tidak menentu. Menuju ke hadapan, SSM akan terus berusaha mencipta produk baharu yang berinovasi dan menyemak semula bukan sahaja operasi dalaman kami tetapi juga undang-undang yang dilaksanakan serta mentadbir semua aspek perniagaan dan syarikat-syarikat bagi mencipta lebih banyak pencapaian yang mewujudkan persekitaran perniagaan lebih kompetitif untuk Malaysia. Kejayaan SSM tahun ini adalah hasil daripada usaha bersama antara masyarakat korporat dan perniagaan, pengawal selia lain dan Kerajaan. Dengan kerjasama, sokongan berterusan dan komitmen tidak berbelah bagi daripada kakitangan di semua peringkat, kita semua boleh memandang ke hadapan untuk setahun lagi yang lebih bermanfaat dan cemerlang.

MOHD NAIM BIN DARUWISH
Ketua Pegawai Eksekutif
Suruhanjaya Syarikat Malaysia
18 Mei 2012





ANGGOTA **SURUHANJAYA SSM**

ANGGOTA SURUHANJAYA SSM

Anggota Suruhanjaya SSM diamanahkan untuk bertanggungjawab mentadbir, menerajui dan menentukan hala tuju SSM. Anggota Suruhanjaya dilantik oleh Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan sebagaimana yang diperuntukkan oleh Seksyen 6(1) Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001. Anggota terdiri daripada pengamal undang-undang, pegawai kanan kerajaan dan tokoh korporat terkemuka yang memiliki rekod pencapaian cemerlang. Pelbagai inisiatif, peningkatan dan pencapaian dalam perkhidmatan pelanggan, pentadbiran dalaman, pembaharuan undang-undang dan rangkaian yang telah mengukuhkan SSM adalah hasil daripada sumbangan aktif Anggota Suruhanjaya. Nasihat dan bimbingan

yang berterusan daripada Anggota Suruhanjaya telah membolehkan SSM mencapai kejayaan setakat ini.

Pada tahun 2011, Anggota Suruhanjaya telah bermesyuarat sebanyak tujuh kali bagi membincangkan dan meluluskan pelbagai perkara penting termasuk pelan jangka panjang, inisiatif strategik dan menganalisa KPI yang ditetapkan. Anggota Suruhanjaya terus menjalankan pengawasan ke atas Pengurusan SSM bagi memastikan tadbir urus dan amalan terbaik dimasukkan di dalam pelbagai fungsi dan tugas yang dilaksanakan. Butir-butir mesyuarat yang diadakan bagi tahun 2011 adalah seperti berikut:

Mesyuarat Anggota Suruhanjaya 2011

Anggota	Mesyuarat ke-57 8/2/11	Mesyuarat Khas 1/2011 5/4/11	Mesyuarat ke-58 10/6/11	Mesyuarat ke-59 4/8/11	Mesyuarat ke-60 11/10/11	Mesyuarat ke-61 27/10/11	Mesyuarat Khas 2/2011 19/12/11
Y. Bhg. Datuk Mohd Zain bin Mohd Dom (Pengerusi sehingga 25 Disember 2011)	√	√	√	X	√	√	√
Y. Bhg. Datuk Idrus bin Harun	√	X	X	√	√	√	√
Puan Zaiton binti Mohd Hassan	√	√	√	√	√	X	√
Y. Bhg. Datuk Idris bin Abdullah	√	X	√	√	√	√	√
Y.B. Dato' Hj. Ismail Hj. Mohamed Said	X	X	-	√	√	-	-
Y.B. Datuk Hj. Sapawi bin Ahmad	√	X	√	√	√	X	√
Y. Bhg. Datin Rozaina binti Zainuddin	√	√	X	√	√	√	√
Y. Brs. Prof. Dr. Aishah binti Bidin	√	√	X	√	√	X	√
Y. Bhg. Dato' Azmi bin Ariffin (KPE)	√	√	√	√	√	√	-
Y. Brs. Mohd Naim bin Daruwish (KPE)	-	-	-	-	-	-	√

Y. BHG. DATO' SARIPUDDIN BIN KASIM
(Berkuatkuasa 16 Januari 2012)

Dato' Saripuddin bin Kasim yang berusia 52 tahun adalah lulusan Sarjana Pentadbiran Perniagaan dari University of Hartford, Amerika Syarikat serta Ijazah Sarjana Muda Ekonomi (Kepujian) dari Universiti Malaya.

Beliau memulakan kerjayanya sebagai Penolong Pengarah di Kementerian Perdagangan dan Industri pada tahun 1982. Pada tahun 1984 sehingga 1991, beliau memegang jawatan sebagai Penolong Setiausaha di Kementerian Perusahaan Awam. Pada tahun 1993, beliau berkhidmat sebagai Penolong Pendaftar di Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN) manakala pada tahun 1994, beliau telah dilantik sebagai Penolong Pengarah di Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA). Beliau kemudian menjadi Ketua Penolong Pengarah di JPA dari tahun 1997 hingga 1998. Pada tahun 1998 sehingga 2001, beliau memegang jawatan sebagai Pegawai Khas kepada Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam.



Dato' Saripuddin kemudiannya meneruskan kerjayanya di Tokyo, Jepun sebagai Penasihat Kedutaan/ Kaunselor di Kedutaan Malaysia dari tahun 2001 hingga 2004 dan telah dilantik sebagai Atase Pendidikan dan Latihan di Suruhanjaya Tinggi Malaysia London dari Jun 2004 hingga 2006. Beliau seterusnya dilantik sebagai Setiausaha Bahagian Hubungan Antarabangsa, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Pembangunan Masyarakat dari 2006 hingga 2007 sebelum dilantik sebagai Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian yang sama bermula dari 8 Februari 2008.

Pada 10 September 2008, beliau telah dilantik sebagai Ketua Pengarah Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang di Jabatan Perdana Menteri. Beliau berkhidmat dengan jabatan itu sehingga 25 Disember 2011 sebelum dilantik sebagai Ketua Setiausaha Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) sehingga sekarang. Sebagai Ketua Setiausaha KPDNKK, Dato' Saripuddin juga berkhidmat sebagai Pengerusi Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) dan Ahli Suruhanjaya untuk Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) dan Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM).



Y. BHG. DATUK MOHD ZAIN BIN MOHD DOM
(Sehingga 25 Disember 2011)

Y. Bhg. Datuk Mohd Zain bin Mohd Dom berkelulusan Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Sosiologi. Datuk Mohd Zain memulakan kerjayanya dalam bidang Pentadbiran dan Diplomatik dengan Kerajaan Malaysia pada tahun 1976. Beliau pernah menyandang jawatan sebagai Ketua Penolong Setiausaha dan Ketua Penolong Pengarah Bahagian Perdagangan Antarabangsa, Penolong Wakil Tetap Malaysia di Geneva dan juga Timbalan Wakil Tetap ke Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, Geneva (Bahagian Perdagangan Antarabangsa). Antara jawatan penting lain yang turut dipegang beliau termasuklah menjadi Penasihat Menteri bagi Hal Ehwal Ekonomi di Pejabat Wakil Tetap Malaysia kepada Kesatuan Eropah (EU), Brussels dan Pejabat Wakil Tetap ke Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO), Geneva. Beliau merupakan Perunding Utama Perjanjian Perdagangan Bebas Malaysia – Australia (FTA), FTA Malaysia – New Zealand dan juga FTA ASEAN – Australia – New Zealand pada tahun 2005 dan 2006.

Datuk Mohd Zain telah dilantik sebagai Ketua Setiausaha Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan pada 6 Februari 2007 dan sebagai Pengerusi SSM pada 1 Mac 2007. Beliau merupakan Pengerusi Maktab Kerjasama Malaysia dan juga anggota Suruhanjaya Koperasi Malaysia. Beliau juga pernah dilantik sebagai anggota Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia. Datuk Mohd Zain menamatkan perkhidmatannya sebagai Pengerusi SSM pada tarikh persaraan beliau iaitu 25 Disember 2011.



Y. BHG. DATUK IDRUS BIN HARUN

Y. Bhg. Datuk Idrus bin Harun telah dilantik sebagai Anggota Suruhanjaya pada April 2002. Beliau pemegang Ijazah Sarjana Muda Undang-Undang (Kepujian) dari Universiti Malaya. Datuk Idrus memulakan kerjayanya sebagai Pegawai Undang-Undang pada tahun 1980 dan selepas itu telah berkhidmat dalam pelbagai jawatan penting termasuk Penolong Kanan Pendaftar di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur, Hakim Mahkamah Sesyen di Kota Kinabalu, Timbalan Pendakwaraya di Jabatan Peguam Negara, Penasihat Undang-Undang Kerajaan Negeri Terengganu, Peguam Kanan Persekutuan di Badan Pencegah Rasuah dan Penasihat Undang-Undang Suruhanjaya Pilihanraya. Beliau merupakan Pendaftar Syarikat pada tahun 1998 sehingga 2002. Beliau meneruskan perkhidmatannya di Jabatan Peguam Negara sebagai Ketua Bahagian Penasihat dan Antarabangsa serta sebagai Penggubal Undang-Undang Parlimen sebelum memegang jawatan terkini sebagai Peguamcara Negara.

Datuk Idrus juga pernah berkhidmat sebagai Ahli Lembaga Pengarah Labuan *Offshore Financial Services Authority* (LOFSA), Suruhanjaya Sekuriti dan Jawatankuasa Pelaburan Asing (FIC). Pada masa ini juga beliau merupakan Ahli Lembaga bagi *Malaysia – Thailand Joint Authority* (MTJA), Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) dan Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN).

PUAN ZAITON BINTI MOHD HASSAN (Sehingga 31 Disember 2011)

Puan Zaiton binti Mohd Hassan telah berkhidmat sebagai Anggota Suruhanjaya sejak Disember 2003. Beliau telah menerima kelayakan di bawah *Chartered Association of Certified Accountants*, UK (FCCA) pada tahun 1985. Beliau pernah berkhidmat sebagai juruaudit di PricewaterhouseCoopers sebelum menyertai Bank Pembangunan (M) Berhad. Beliau kemudiannya berkhidmat di Maybank selama 12 tahun sebelum menjadi Presiden di *Malaysian Rating Corporation Berhad* (MARC) bermula tahun 1996 sehingga 2004.

Pada masa ini Puan Zaiton merupakan Pengarah Urusan di Capital Intelligence Advisors Sdn. Bhd. Selain itu beliau juga merupakan Ahli Lembaga Pengarah *Credit Guarantee Corporation Malaysia Berhad*, BIMB Holdings Berhad, Bank Islam Malaysia Berhad, SME Credit Bureau Sdn. Bhd., Malaysian Industrial Development Finance Berhad (MIDF), Sime Darby Berhad dan Sime Darby Overseas (HK) Limited. Puan Zaiton menamatkan perkhidmatannya sebagai Anggota Suruhanjaya pada 31 Disember 2011.



Y. BHG. DATUK IDRIS BIN ABDULLAH

Y. Bhg. Datuk Idris bin Abdullah telah dilantik sebagai Anggota Suruhanjaya berkuatkuasa pada 16 April 2007. Beliau merupakan pemegang Ijazah Sarjana Muda Undang-Undang (Kepujian) Kelas Pertama dari Universiti Malaya dan memulakan kerjaya sebagai peguam di Ting and Company Advocates di Sibu, Sarawak. Antara tahun 1982 dan 1985, beliau telah berkhidmat sebagai penasihat undang-undang dalaman kepada sekumpulan syarikat yang mempunyai kepentingan dalam pembangunan hartanah, penebangan dan pemprosesan balak, perniagaan hiburan dan hospitaliti, perniagaan borong dan perdagangan runcit. Beliau juga terlibat secara langsung dalam beberapa buah syarikat dalam pelbagai syarikat yang berpangkalan di Sarawak. Beliau turut berkhidmat sebagai penasihat dalam pelbagai sektor pembangunan, pembinaan dan dagangan motor serta kelab-kelab rekreasi dan pendidikan.

Datuk Idris merupakan rakan kongsi kanan di Tetuan Idris and Company Advocates. Beliau turut memegang beberapa jawatan penting di Malaysia dan Singapura seperti Pengarah Bank Pembangunan Malaysia Berhad, Pengerusi/Pengarah Magnus Energy Group Ltd (tersenarai di SESDAQ, Singapura) dan Pengerusi/Pengarah Industrial Power Technology Pte. Ltd.. Beliau juga merupakan anggota Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia.

**Y.B. DATO' HJ. ISMAIL BIN HJ. MOHAMED SAID
(Sehingga 31 Mei 2011)**

Y.B. Dato' Hj. Ismail telah dilantik sebagai Anggota Suruhanjaya pada 1 Jun 2009. Beliau berkelulusan Sarjana Muda Undang-Undang (Kepujian) daripada Universiti Kebangsaan Malaysia pada tahun 1990. Dato' Ismail memulakan kerjayanya sebagai Peguambela dan Peguamcara di Tetuan Bahari, Choy dan Nongchik. Kini, beliau merupakan salah seorang rakan kongsi di firma guaman tersebut. Beliau juga turut memegang jawatan sebagai Pengerusi Majlis Pembangunan Usahawan Daerah Temerloh dan Pengarah Malaysia France Institute. Dato' Hj. Ismail juga merupakan Ahli Parlimen Kuala Krau dan Ketua UMNO Kuala Krau. Beliau juga merupakan Pengerusi Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN). Pelantikan Dato' Hj. Ismail sebagai Anggota Suruhanjaya berakhir pada 31 Mei 2011.



Y.B. DATUK HJ. SAPAWI BIN HJ. AHMAD

Y.B. Datuk Hj. Sapawi telah dilantik sebagai Anggota Suruhanjaya pada 20 Julai 2009. Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Sastera (Kepujian) dalam bidang Sejarah dari Universiti Kebangsaan Malaysia. Sebelum penglibatan beliau dalam bidang politik, Datuk Hj. Sapawi memulakan kerjaya beliau dalam bidang pendidikan selama 20 tahun sebelum dilantik sebagai Pengarah Biro Tatanegara (Sabah). Beliau merupakan Ahli Parlimen Sipitang dan Pengerusi Lembaga Kemajuan Tanah Negeri Sabah.

Y. BHG. DATIN ROZAINA BINTI ZAINUDDIN

Y. Bhg. Datin Rozaina binti Zainuddin telah dilantik sebagai Anggota Suruhanjaya pada 25 Ogos 2009. Beliau memiliki Ijazah Sarjana dalam Pengurusan Perniagaan (Keusahawanan-Teknologi) dari Universiti Teknologi Malaysia dan merupakan ahli The Chartered Institute of Transport (UK). Beliau memulakan kerjaya di dalam perkhidmatan awam di Jabatan Pengangkutan Jalan pada tahun 1981 dan bermula dari situ beliau telah berkhidmat di pelbagai badan kerajaan termasuk Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran, Kementerian Pengangkutan, Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN), Lembaga Hasil Dalam Negeri dan Jabatan Perkhidmatan Awam. Beliau kini menjawat jawatan Timbalan Setiausaha Bahagian Dasar Saraan, Wang Awam dan Khidmat Pengurusan di Kementerian Kewangan.



Y. BRS. PROF. DR. AISHAH BINTI BIDIN (Berkuatkuasa 1 Januari 2011)

Dr. Aishah telah dilantik sebagai Anggota Suruhanjaya mulai 1 Januari 2011. Beliau adalah seorang Profesor Undang-Undang Korporat dan Insolvensi dan sekarang ini merupakan Dekan Fakulti Undang-Undang, Universiti Kebangsaan Malaysia. Bidang pengkhususan beliau adalah undang-undang syarikat dan kewangan korporat, regulasi sekuriti, bankrupsi dan insolvensi. Beliau mula mengajar undang-undang syarikat dan perkongsian bermula pada tahun 1989, dan antara bidang lain yang menjadi tumpuan beliau adalah regulasi alam sekitar dan korporat. Dr. Aishah banyak menghasilkan penulisan untuk pelbagai jurnal akademik terbitan Malaysia dan Britain tentang undang-undang syarikat, sekuriti dan insolvensi. Dr. Aishah menerima Ijazah Sarjana Muda LLB (Kepujian) dari Universiti Malaya, Ijazah Sarjana Undang-Undang daripada University of Kent dan Ijazah Kedoktoran Falsafah Undang-Undang daripada University of London.



Dr. Aishah pernah menjadi ahli Malaysian Corporate Law Reform Committee (CLRC). Beliau merupakan Penasihat Undang-undang UKM Holdings, yang merupakan cabang korporat Universiti Kebangsaan Malaysia. Beliau juga merupakan Pengerusi Panel Penasihat COMTRAC (Akademi Latihan Suruhanjaya Syarikat Malaysia), Anggota Panel Penasihat MLTIC (*Malaysian Legal and Tax Information Centre*), anggota Lembaga Pengarah Yayasan Bantuan Guaman Kebangsaan (YBGK) dan ahli Lembaga Penasihat Harta Intelek UKM.



Y. BHG. DATO' AZMI BIN ARIFFIN
(Sehingga 31 Oktober 2011)

Y. Bhg. Dato' Azmi bin Ariffin telah dilantik sebagai Ketua Pegawai Eksekutif, Suruhanjaya Syarikat Malaysia yang ketiga pada 16 April 2009. Sebelum menjawat jawatan sebagai Ketua Pegawai Eksekutif, Dato' Azmi merupakan Ketua Unit Jenayah Perdagangan di Jabatan Peguam Negara di Putrajaya. Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Undang-Undang (Kepujian) dari Universiti Malaya dan memulakan kerjaya dengan Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan pada 1 Oktober 1987.

Beliau telah berkhidmat dalam pelbagai kapasiti sebagai Timbalan Pendakwaraya di Badan Pencegah Rasuah dari tahun 1987 hingga 1990, Majistret Kanan di Mahkamah Majistret Kuching dari tahun 1990 hingga 1991, Timbalan Pendakwaraya di Pejabat Penasihat Undang-Undang Negeri Johor dari tahun 1991 hingga 1994, pegawai penyelidik di Mahkamah Tinggi, Johor Bahru dari Januari hingga Oktober 1994, Timbalan Pendakwaraya di Pejabat Penasihat Undang-Undang Negeri Kedah dari tahun 1994 hingga 2000 dan sebagai Ketua Unit Pendakwaan di Pejabat Undang-Undang Negeri Kelantan dari tahun 2000 hingga 2004. Beliau juga pernah berkhidmat sebagai Timbalan Pendakwaraya Unit Kes-Kes Terkelas dan pernah menjawat jawatan Timbalan Ketua Bahagian Pendakwaan di Jabatan Peguam Negara, Putrajaya. Selain itu, beliau juga merupakan ahli lembaga bagi Lembaga Perkhidmatan Kewangan Labuan (Labuan FSA), ahli lembaga *Corporate Governance Consultative Committee* dan Lembaga Pemantauan Audit di bawah Suruhanjaya Sekuriti Malaysia serta ahli Yayasan Laporan Kewangan. Dato' Azmi berkhidmat sebagai Ketua Pegawai Eksekutif sehingga 31 Oktober 2011.



Y. BRS. MOHD NAIM DARUWISH
(Berkuatkuasa 1 Disember 2011)

Mohd Naim Daruwish berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Undang-Undang (Kepujian) dari Universiti Malaya. Kerjaya beliau bermula pada April 1984 sebagai Pegawai Undang-Undang di Bank Pertanian Malaysia sebelum dilantik sebagai Majistret pada tahun 1985 dan seterusnya sebagai Majistret Kanan.

Beliau kemudiannya telah dilantik sebagai Pengurus dan seterusnya sebagai Pengurus Kanan Bahagian Pendakwaan/Litigasi, Jabatan Undang-Undang Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) Kuala Lumpur. Antara jawatan yang pernah disandang beliau di KWSP ialah sebagai Pengurus Besar Jabatan Penguatkuasaan, Pengurus Besar Kanan, Jabatan Undang-Undang dan Pengurus Besar Kanan Jabatan Caruman. Tuan Mohd Naim dilantik sebagai Ketua Pegawai Eksekutif SSM berkuatkuasa 1 Disember 2011.





SSM
SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA
COMPANIES COMMISSION OF MALAYSIA

PENGURUSAN **EKSEKUTIF SSM**



Y. BRS. MOHD NAIM DARUWISH
Ketua Pegawai Eksekutif
(Berkuatkuasa 1 Disember 2011)

Mohd Naim Daruwish berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Undang-Undang (Kepujian) dari Universiti Malaya. Kerjaya beliau bermula pada April 1984 sebagai Pegawai Undang-Undang di Bank Pertanian Malaysia sebelum dilantik sebagai Majistret pada tahun 1985 dan seterusnya sebagai Majistret Kanan.

Beliau kemudiannya telah dilantik sebagai Pengurus dan seterusnya sebagai Pengurus Kanan Bahagian Pendakwaan/Litigasi, Jabatan Undang-Undang Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) Kuala Lumpur. Antara jawatan yang pernah disandang beliau di KWSP ialah sebagai Pengurus Besar Jabatan Penguatkuasaan, Pengurus Besar Kanan, Jabatan Undang-Undang dan Pengurus Besar Kanan Jabatan Caruman. Mohd Naim dilantik sebagai Ketua Pegawai Eksekutif SSM berkuatkuasa 1 Disember 2011.



DATO' AZMI BIN ARIFFIN
Ketua Pegawai Eksekutif
(Sehingga 31 Oktober 2011)

Dato' Azmi bin Ariffin telah dilantik sebagai Ketua Pegawai Eksekutif, Suruhanjaya Syarikat Malaysia yang ketiga pada 16 April 2009. Sebelum menjawat jawatan sebagai Ketua Pegawai Eksekutif, Dato' Azmi merupakan Ketua Unit Jenayah Perdagangan di Jabatan Peguam Negara di Putrajaya. Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Undang-Undang (Kepujian) dari Universiti Malaya dan memulakan kerjaya dengan Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan pada 1 Oktober 1987.

Beliau telah berkhidmat dalam pelbagai kapasiti sebagai Timbalan Pendakwaraya di Badan Pencegah Rasuah dari tahun 1987 hingga 1990, Majistret Kanan di Mahkamah Majistret Kuching dari tahun 1990 hingga 1991, Timbalan Pendakwaraya di Pejabat Penasihat Undang-Undang Negeri Johor dari tahun 1991 hingga 1994, pegawai penyelidik di Mahkamah Tinggi, Johor Bahru dari Januari hingga Oktober 1994, Timbalan Pendakwaraya di Pejabat Penasihat Undang-Undang Negeri Kedah dari tahun 1994 hingga 2000 dan sebagai Ketua Unit Pendakwaan di Pejabat Undang-Undang Negeri Kelantan dari tahun 2000 hingga 2004. Beliau

juga pernah berkhidmat sebagai Timbalan Pendakwaraya Unit Kes-Kes Terkelas dan pernah menjawat jawatan Timbalan Ketua Bahagian Pendakwaan di Jabatan Peguam Negara, Putrajaya. Selain itu, beliau juga merupakan ahli lembaga bagi Lembaga Perkhidmatan Kewangan Labuan (Labuan FSA), ahli lembaga *Corporate Governance Consultative Committee* dan Lembaga Pemantauan Audit di bawah Suruhanjaya Sekuriti Malaysia serta ahli Yayasan Laporan Kewangan.



ZAHRAH ABD WAHAB FENNER **TIMBALAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF (PERKHIDMATAN)**

Zahrah dilantik sebagai Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Perkhidmatan) [TKPE (Perkhidmatan)] pada 1 Jun 2002. Sebagai TKPE (Perkhidmatan), Zahrah mengetuai Bahagian Sumber Korporat, Bahagian Teknologi Maklumat dan Komunikasi; dan Seksyen Perhubungan Awam. Beliau merupakan ahli Jawatankuasa Kelulusan dan Pelaksanaan, Pihak Berkuasa Wilayah Pembangunan Iskandar Malaysia (IRDA) dan juga merupakan ahli majlis Institut Akauntan Malaysia sejak dari 16 Julai 2011. Zahrah telah menyertai SSM pada Julai 1995 dan dilantik sebagai Ketua Akauntan SSM (sebelum ini dikenali sebagai Pendaftar Syarikat). Beliau adalah

pemegang Ijazah Perakaunan (Kepujian) dari Universiti Kebangsaan Malaysia dan merupakan Akauntan Bertauliah. Beliau memulakan kerjayanya sebagai Penasihat Akauntan di Jabatan Kastam dan Eksais DiRaja antara Ogos 1984 sehingga April 1992 selaku penasihat hal ehwal berkaitan penilaian mutu antarabangsa secara praktis di pasaran terbuka. Zahrah telah menyertai Kementerian Luar Negeri antara Mei 1992 sehingga Julai 1995 di mana beliau bertanggungjawab dalam akaun kewangan dan audit untuk Kedutaan Tinggi Malaysia di seluruh dunia.

ROKIAH MOHD NOR **TIMBALAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF (OPERASI)**

Rokiah telah dilantik sebagai Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Operasi) [TKPE (Operasi)] berkuatkuasa 5 Julai 2008. Beliau bertanggungjawab mengetuai Bahagian Perkhidmatan Pendaftaran, Bahagian Pembangunan Korporat dan Polisi, dan Seksyen Operasi Cawangan yang bertanggungjawab menyelia dan memantau 14 pejabat negeri, 4 pejabat cawangan dan satu pusat perkhidmatan di seluruh negara. Rokiah berkelulusan Sarjana Muda Sains (Kepujian) dari Universiti Sains Malaysia. Beliau menyertai perkhidmatan awam sebagai Pegawai Pendaftaran Perdagangan pada Januari 1980. Sepanjang tempoh perkhidmatan beliau telah memegang pelbagai jawatan di Bahagian Pendaftaran dan selepas penubuhan SSM, beliau telah dilantik sebagai Ketua Seksyen Dokumen Am.



DATO' MUHAMMAD REDZUAN ABDULLAH **PENGARAH KANAN, PENGUATKUASAAN** **(Sehingga 31 Oktober 2011)**

Dato' Muhammad Redzuan telah dilantik sebagai Pengarah Kanan Penguatkuasaan SSM pada Januari 2009 sehingga 31 Oktober 2011. Beliau bertanggungjawab dalam portfolio aduan, pematuhan, siasatan litigasi awam dan penasihat undang-undang di SSM. Sebelum pelantikan beliau, antara Januari 2004 dan Disember 2008, beliau pernah memegang jawatan sebagai Pengarah Perkhidmatan Perundangan, Pengarah Pematuhan, Pengurus Besar Kanan Penguatkuasaan dan Pengurus Besar Jabatan Perundangan. Dato' Muhammad Redzuan merupakan lulusan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia dengan Sarjana Muda Undang-Undang (Kepujian) dan memulakan kerjaya sebagai Pegawai Polis, berkhidmat dari April 1974 sehingga Mac 1995. Beliau juga pernah menyertai Perkhidmatan Perundangan dan Kehakiman Malaysia pada 15 Mac 1995 dan berkhidmat sebagai Penolong Pendaftar Kanan dan Majistret Kanan.





**MOHAMED
ZANYUIN ISMAIL**
Pengarah, Bahagian
Perkhidmatan
Pendaftaran



KHUZAIRI YAHAYA
Pengarah, Bahagian
Teknologi Maklumat
dan Komunikasi



**NOR AZIMAH
ABDUL AZIZ**
Pengarah, Bahagian
Pembangunan
Korporat dan Polisi



AMIR AHMAD
Pengarah, Bahagian
Sumber Korporat



**AZNORASHIQ
MOHAMED ZIN**
Pengarah, Bahagian
Siasatan



AZRYAIN BORHAN
Pengarah, Bahagian
Akademi Latihan
Suruhanjaya Syarikat
Malaysia (COMTRAC)



ROSLI HAJI AHMAD
Pengarah, Bahagian
Pematuhan



**ISKANDAR SHAH
IBRAHIM**
Pengarah, Bahagian
Perkhidmatan
Perundangan
(Sehingga
31 Oktober 2011)



**MUHAMAD FARIS
OTHMAN**
Pengarah, Bahagian
Pemasaran dan
Pembangunan
Perniagaan

MOHAMED ZANYUIN ISMAIL, Pengarah, Bahagian Perkhidmatan Pendaftaran

- **Portfolio:** Pengurusan pendaftaran dan serah simpan dokumen pemerbadanan, pembubaran syarikat dan pentadbiran skim kepentingan.
- **Karier:** Dilantik sebagai pegawai pendaftar/penolong pendaftar syarikat di bawah Kementerian Perdagangan dan Perindustrian pada tahun 1980; Timbalan Pendaftar Perniagaan pada tahun 1995; Pengurus Kanan Seksyen Pendaftaran Perniagaan pada tahun 1995 dan Pengarah Perkhidmatan Pendaftaran pada tahun 2003.
- **Kelayakan Akademik:** Sarjana Muda Sains Sosial (Kepujian), Universiti Sains Malaysia.

KHUZAIRI YAHAYA, Pengarah, Bahagian Teknologi Maklumat dan Komunikasi

- **Portfolio:** Mengurus teknologi maklumat dan komunikasi SSM.
- **Karier:** Memulakan kerjayanya di Bahagian Teknologi Maklumat, Suruhanjaya Sekuriti selama 14 tahun; dilantik sebagai Pengurus Besar Jabatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi, SSM pada tahun 2003; Pengarah Audit Dalam pada 2007 dan dilantik sebagai Pengarah Bahagian Teknologi Maklumat dan Komunikasi pada tahun 2010.
- **Kelayakan Akademik:** Sarjana Muda Sains Pengurusan (MIS), Purdue University, Amerika Syarikat.

NOR AZIMAH ABDUL AZIZ, Pengarah, Bahagian Pembangunan Korporat dan Polisi

- **Portfolio:** Semakan semula undang-undang, polisi, hubungan domestik dan antarabangsa, statistik, penyelidikan ekonomi, pembangunan akaun, laporan berkala, perancangan strategik, pemantauan dan pengurusan projek, pengurusan risiko, tanggungjawab korporat.
- **Karier:** Bermula sebagai Peguambela dan Peguamcara pada tahun 1992; Pensyarah undang-undang di Jabatan Perakaunan, Fakulti Pengurusan dan Perniagaan, Universiti Kebangsaan Malaysia; dipinjamkan ke Institut Akauntan Malaysia pada tahun 2000; dilantik sebagai Pengurus Besar Jabatan Polisi, Perancangan dan Pembangunan Korporat, SSM pada tahun 2003; pada April 2007, dilantik sebagai Pengarah Akademi Latihan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (COMTRAC). Berkuatkuasa September 2010 dilantik sebagai Pengarah Bahagian Pembangunan Korporat dan Polisi SSM.
- **Kelayakan Akademik:** Sarjana Muda Undang-Undang, Institut Teknologi MARA; Sarjana Undang-Undang (*LLM in Business Law*), University of Wales, United Kingdom.

AMIR AHMAD, Pengarah, Bahagian Sumber Korporat

- **Portfolio:** Pengurusan modal insan, pengurusan bakat, pentadbiran organisasi, integriti dan disiplin, pentadbiran, pengurusan prasarana dan kewangan.
- **Karier:** Pernah berkhidmat bersama PA Management Consulting (M) Sdn. Bhd.; Maybank Bhd; UMW Corporation and Eden Enterprise Bhd.; dilantik sebagai Pengurus Besar Jabatan Sumber Manusia, SSM pada 2004 dan kemudian Pengarah Bahagian Sumber Korporat pada tahun 2007.
- **Kelayakan Akademik:** Sarjana Muda Sains dalam Pentadbiran Perniagaan, Bowling Green State University; Sarjana Pentadbiran Perniagaan (MBA), Western Michigan University, Amerika Syarikat.

AZNORASHIQ MOHAMED ZIN, Pengarah, Bahagian Siasatan

- **Portfolio:** Siasatan.
- **Karier:** Berkhidmat di Jabatan Siasatan, Suruhanjaya Sekuriti selama sembilan tahun; berpengalaman dalam siasatan penipuan korporat dan sekuriti, dan dilantik sebagai Pengarah Bahagian Siasatan, SSM pada tahun 2007.
- **Kelayakan Akademik:** Sarjana Muda Perakaunan (Kepujian), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia; *Certified Fraud Examiner* (CFE); Sarjana Pentadbiran Perniagaan (MBA) bidang Kewangan, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia dan Akauntan Bertauliah, *Malaysia Institute of Accountants* (MIA).

AZRYAIN BORHAN, Pengarah, Bahagian Akademi Latihan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (COMTRAC)

- **Portfolio:** Latihan kepada pengarah syarikat, pegawai, setiausaha syarikat dan orang awam dalam aspek undang-undang korporat dan meningkatkan keupayaan serta kemampuan warga kerja SSM.
- **Karier:** Peguambela dan Peguamcara pada 1999; Pegawai Kanan Pendakwaan, Suruhanjaya Sekuriti (SC) di antara 2000 dan 2004; Pegawai Eksekutif Kanan, Bahagian Terbitan Sekuriti dan Pelaburan, SC; Pengurus Perundangan, Broncos Shipping Sdn. Bhd.; Timbalan Pengurus Besar (Perundangan), Biotech Medical Corporation Sdn. Bhd.; Penolong Naib Presiden, Perundangan dan Kesetiausahaan, Khazanah Nasional Berhad; dilantik sebagai Pengarah Pembangunan Korporat dan Polisi, SSM pada 2007; dan dipinjamkan ke Unit Inovasi Khas Pejabat Perdana Menteri dari Ogos 2010 sehingga April 2011.
- **Kelayakan Akademik:** Sarjana Muda Undang-Undang, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.

ROSLI HAJI AHMAD, Pengarah, Bahagian Pematuhan

- **Portfolio:** Pengurusan aktiviti pematuhan dan pemeriksaan korporat SSM ke atas setiausaha syarikat, juruaudit dan ahli lembaga pengarah syarikat.
- **Karier:** Memulakan kerjaya sebagai Penolong Pendaftar Syarikat pada tahun 1985; Pengurus Cawangan ROC Labuan; Ketua ROC Cawangan Pahang dan Melaka; ahli jawatankuasa pelaksana penubuhan SSM antara tahun 1999 dan 2002; dilantik sebagai Pengarah Negeri SSM Melaka pada tahun 2004; Pengarah Negeri SSM Johor pada tahun 2006 dan kemudiannya Pengarah Bahagian Pematuhan pada tahun 2008.
- **Kelayakan Akademik:** Sarjana Muda Ekonomi, Universiti Kebangsaan Malaysia.


ISKANDAR SHAH IBRAHIM, Pengarah, Bahagian Perkhidmatan Perundangan (Sehingga 31 Oktober 2011)

- **Portfolio:** Penasihat undang-undang kepada SSM dan menguruskan hal-hal berkaitan kes-kes pendakwaan di bawah Akta Syarikat 1965, Akta Pendaftaran Perniagaan 1956 dan Akta Kutu 1971 serta kes-kes sivil oleh dan terhadap SSM.
- **Karier:** Berkhidmat sebagai Timbalan Pendakwaraya dan Peguam Persekutuan di Pejabat Penasihat Undang-undang Negeri Johor pada tahun 1994; Ketua Bahagian Penyiasatan dan Penguatkuasaan, Jabatan Insolvensi pada tahun 2001; Peguam Jabatan Insolvensi pada tahun 2003; Peguam Kanan Persekutuan Unit Perancang Ekonomi di Jabatan Perdana Menteri pada tahun 2004; Peguam Kanan Persekutuan Unit Kerjasama Awam-Swasta di Jabatan Perdana Menteri pada tahun 2009 dan dilantik sebagai Pengarah Bahagian Perkhidmatan Perundangan, SSM pada tahun 2010.
- **Kelayakan Akademik:** Sarjana Muda Undang-Undang (Kepujian), Institut Teknologi MARA.

MUHAMAD FARIS OTHMAN, Pengarah, Bahagian Pemasaran dan Pembangunan Perniagaan

- **Portfolio:** Pembangunan produk dan perkhidmatan SSM, membekalkan maklumat dan sistem penyampaian perkhidmatan awam.
- **Karier:** Bermula sebagai Peguambela dan Peguamcara pada tahun 1993; dilantik sebagai Ketua Seksyen Perundangan, SSM pada tahun 2004 dan dilantik sebagai Pengarah Bahagian Pemasaran dan Pembangunan Perniagaan pada tahun 2010.
- **Kelayakan Akademik:** Sarjana Muda Undang-Undang, Universiti Kebangsaan Malaysia; Sarjana Undang-Undang (LLM), Universiti Malaya.

STRUKTUR KORPORAT







TINJAUAN EKONOMI
DAN ANALISA STATISTIK UTAMA
SSM 2011

TINJAUAN EKONOMI DAN ANALISA STATISTIK UTAMA SSM 2011


Tahun 2011 merupakan tahun yang penuh cabaran bagi ekonomi dunia. Selain daripada mengalami keadaan yang tidak menentu dalam pasaran kewangan ekoran krisis hutang negara zon Euro, inflasi global telah meningkat dengan ketara didorong oleh kenaikan mendadak harga makanan berikutan kenaikan harga komoditi akibat daripada rentetan bencana alam di Pakistan, Vietnam, China, Australia, Amerika Syarikat, Jepun dan Thailand.

Walaupun persekitaran luaran yang mencabar dan kadar inflasi yang lebih tinggi 3.2% (2010:1.7%) dalam ekonomi domestik, ekonomi Malaysia berkembang sebanyak 5.1% pada tahun 2011 disokong oleh permintaan kukuh domestik yang di dorong oleh pengembangan berterusan dalam perbelanjaan isi rumah dan perniagaan serta peningkatan perbelanjaan sektor awam. Kekuatan aktiviti ekonomi dalam negeri dicerminkan dalam pertumbuhan yang memberangsangkan bagi jumlah

syarikat dan perniagaan yang didaftarkan oleh SSM bagi semua sektor ekonomi pada tahun ini. Memandangkan perkembangan dunia telah menjejaskan nilai eksport Malaysia pada tahun ini, kerajaan telah mengambil pelbagai langkah untuk mengekalkan permintaan dalam negeri bagi mengimbangi potensi kelembapan dalam pertumbuhan eksport pada tahun 2012, seperti pelaksanaan Program Transformasi Ekonomi dan pelbagai inisiatif rangsangan lain sebagaimana yang diumumkan dalam Bajet 2012.

Kerajaan telah berusaha memastikan bahawa ekonomi negara kekal berdaya tahan. Walau bagaimanapun, disebabkan oleh keadaan ekonomi global sukar yang berterusan, terutamanya ketidaktentuan dalam pasaran kewangan global dan dijangka inflasi global yang lebih tinggi akibat kenaikan harga minyak, KDNK Malaysia dijangka mencatatkan pertumbuhan sederhana antara 4.5% hingga 5% pada tahun 2012.

Pemerbadanan/Pendaftaran Syarikat dan Perniagaan Baru




PENDAFTARAN SYARIKAT PADA TAHUN 2011

Jumlah syarikat tempatan yang berdaftar pada tahun 2011 meningkat sebanyak 2.8% berbanding tahun lepas walaupun ekonomi dunia berada dalam kelembapan dan tekanan inflasi terhadap harga makanan berikutan kenaikan harga komoditi dan tarif elektrik pada April 2011. Permintaan dalam negeri yang kukuh serta di sokong oleh pengembangan berterusan dalam penggunaan swasta dan perbelanjaan sektor awam yang lebih tinggi menyebabkan peningkatan aktiviti perniagaan dalam semua sektor ekonomi dan seterusnya peningkatan dalam bilangan syarikat yang didaftarkan.

Dalam kes syarikat asing, hanya 47 pendaftaran telah direkodkan pada tahun 2011, menurun sebanyak 13% dari tahun sebelumnya. Ketidaktentuan pasaran kewangan global dan kadar pemulihan yang perlahan di ekonomi maju telah memberi kesan kepada pertumbuhan syarikat asing sepanjang tahun ini. Memandangkan keadaan sukar ekonomi dunia yang berterusan, pendaftaran syarikat asing diunjur perlahan menjelang tahun 2012.

Syarikat yang Didaftarkan Sehingga 31 Disember




PENDAFTARAN PERNIAGAAN PADA TAHUN 2011

Pendaftaran perniagaan baharu pada tahun 2011 meningkat sebanyak 4.8% berbanding tahun lepas kepada 284,598, yang kedua tertinggi dalam tempoh sepuluh tahun (2002-2011) sejak penubuhan SSM pada tahun 2002. Pencapaian ini boleh dikaitkan dengan pelbagai program *outreach* yang tidak henti-henti dijalankan sepanjang tahun untuk menggalak dan memudahkan pendaftaran baharu.


Selain daripada perkhidmatan Kaunter Bergerak Pendaftaran Perniagaan (KBPP) yang menjadi kebanggaan SSM, KBPP terus berkembang dengan pengenalan Kaunter Litar Pendaftaran Perniagaan (KLPP) di pejabat majlis perbandaran tempatan yang bertujuan untuk memudahkan pendaftaran perniagaan bersama-sama lesen yang dikeluarkan oleh majlis tempatan, dan Kaunter Perkhidmatan Pendaftaran Perniagaan (KPPP) yang berada di lokasi strategik di kawasan bandar telah banyak menyumbang kepada kejayaan ini.

Perniagaan yang Didaftarkan Sehingga 31 Disember




ANALISA SEKTOR

Syarikat Yang Didaftarkan Mengikut Kategori Perniagaan Untuk 2009 dan 2010



Syarikat yang Didaftarkan Mengikut Kategori Perniagaan berdasarkan Malaysia Standard Industrial Classification 2008 (MSIC 2008) untuk tahun 2011



Nota: Sesebuah syarikat mungkin menjalankan perniagaan lebih daripada satu kategori.

Sejak 1 September 2010, SSM telah mula menggunakan *Malaysia Standard Industrial Classification 2008* atau lebih dikenali sebagai MSIC 2008 yang sedang dilaksanakan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOS) sejak 2008. Langkah ini adalah selari dan selaras dengan *International Standard Industrial Classification of All Economic Activities (ISIC)*, Semakan 4 yang diterbitkan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB). Inisiatif menggunakan MSIC 2008 akan membolehkan perbandingan dibuat di peringkat antarabangsa dan analisa yang dilakukan ke atas data yang dikumpul oleh SSM. Pengkategorian sektor perniagaan berasaskan pada MSIC 2008 adalah seperti yang ditunjukkan dalam jadual di sebelah.

SEKTOR PERKHIDMATAN

Sektor perkhidmatan yang kini merangkumi sektor di bawah kategori MSIC mencatatkan bilangan yang tertinggi bagi syarikat yang didaftarkan pada tahun 2011. Peningkatan sebanyak 39.5% kepada 28,256 daripada 20,250 pendaftaran pada tahun sebelumnya. Kebanyakan pendaftaran baharu dalam aktiviti perdagangan jual borong dan jual runcit, pembaikan kenderaan bermotor dan motosikal (60.5%), diikuti oleh aktiviti hartanah (7.9%) dan aktiviti kewangan dan insuran/takaful (10.8%).

Sektor perkhidmatan untuk tahun 2011 merangkumi subsektor berikut pendidikan (586); aktiviti hartanah (3,045); aktiviti kewangan dan insuran/takaful (2,230); maklumat dan komunikasi (1,942); penginapan dan aktiviti perkhidmatan makanan (2,067); perdagangan jual borong dan jual runcit, pembaikan kenderaan bermotor dan motosikal (17,096); dan lain-lain aktiviti perkhidmatan (1,290).

Sektor perkhidmatan telah menjadi penyumbang utama kepada pertumbuhan ekonomi Malaysia, iaitu sebanyak 58% daripada KDNK negara pada tahun 2011. Selain daripada permintaan dalam negeri yang kukuh, peningkatan dalam pelaburan langsung asing ke negara ini juga telah dikaitkan dengan peningkatan luar biasa. Malaysia telah mencatatkan rekod RM32.9 bilion dalam FDI pada tahun 2011, peningkatan sebanyak 12.3% berbanding tahun 2010.

Dengan langkah-langkah liberalisasi yang dilaksanakan oleh Kerajaan untuk menarik lebih banyak pelaburan asing dalam sub-sektor perkhidmatan yang utama, menambah pemilikan asing dan dalam kes tertentu sehingga 100% ekuiti asing, sektor perkhidmatan dijangka akan mencatatkan pertumbuhan yang pesat pada tahun-tahun akan datang.

SEKTOR PERTANIAN

Sektor pertanian terus mencatat pertumbuhan kukuh pada tahun 2011 dengan peningkatan 17.9% dalam pendaftaran baharu. Sejumlah 1,552 syarikat baharu diperbadankan pada tahun kewangan berbanding 1,316 pada tahun lalu. Sektor ini terus mendapat manfaat daripada harga komoditi dunia yang lebih tinggi disebabkan bekalan hasil pertanian terjejas oleh bencana alam di kebanyakan negara-negara pengeluar serta pengeluaran juga rendah akibat daripada perubahan iklim. Selain daripada minyak sawit dan getah, bilangan usahawan yang terlibat dalam aktiviti pertanian terus berkembang memandangkan permintaan yang semakin meningkat, terutamanya dalam pengeluaran tanaman makanan seperti ternakan, ikan dan buah-buahan. Pertumbuhan seterusnya dijangkakan pada tahun-tahun akan datang adalah sejajar dengan permintaan dunia yang semakin tinggi, dan usaha bersepadu yang diambil oleh Kerajaan dalam mengembangkan sektor pertanian seperti yang digariskan dalam Rancangan Malaysia Ke-10 yang telah mengenal pasti pertanian sebagai salah satu sumber utama bagi pertumbuhan ekonomi.

SEKTOR PEMBUATAN

Jumlah syarikat baharu yang diperbadankan dalam sektor pembuatan telah meningkat sebanyak 24.7% kepada 3,648 syarikat daripada 2,926 pada tahun sebelumnya. Selain daripada pertumbuhan dalam industri berorientasikan eksport dan industri berorientasikan domestik yang berasaskan sumber, kenaikan mendadak dalam Pelaburan Langsung Asing (FDI) telah menyebabkan peningkatan ketara dalam pendaftaran baharu. Sektor ini menyumbang 50.1% daripada jumlah aliran masuk FDI sebanyak RM 32.9 bilion pada 2011, dengan Wilayah Ekonomi Koridor Utara mencatatkan bilangan terbesar dalam pelaburan yang melibatkan projek-projek bernilai RM15.3 bilion bagi lesen pembuatan yang diluluskan, diikuti oleh Koridor Tenaga Diperbaharui Sarawak (RM8.2 bilion) dan Iskandar Malaysia (RM5.7 bilion).

SEKTOR PERLOMBONGAN

Pada tahun 2011, sebanyak 1,190 syarikat telah didaftarkan dalam sektor perlombongan. Ini merupakan peningkatan sebanyak 65.3% berbanding tahun lalu. Lonjakan dalam jumlah syarikat yang terlibat dalam aktiviti perlombongan terutamanya disebabkan oleh peningkatan aktiviti dalam sektor kecil gas asli disebabkan permintaan yang lebih tinggi daripada industri petrokimia domestik dan eksport ke China, Jepun, Korea dan India.

Sektor minyak dan gas menyumbang kira-kira 20% daripada KDNK negara pada tahun 2011 dan ini dijangka meningkat dengan ketara pada masa akan datang oleh kerana pelaburan yang besar dijangka dalam sektor minyak dan gas pada tahun akan datang.

SEKTOR PEMBINAAN

Sejumlah 2,801 syarikat telah diperbadankan dalam sektor pembinaan pada tahun 2011. Ini merupakan 10.4% lebih rendah berbanding tahun sebelumnya. Kebanyakan syarikat yang diperbadankan telah terlibat dalam pembinaan hartanah kediaman yang disebabkan permintaan yang kukuh disokong oleh sektor kewangan yang akomodatif dan keadaan tenaga pekerja yang stabil.

Selain daripada projek infrastruktur utama yang dijalankan secara berterusan seperti Jambatan Kedua Pulau Pinang dan Terminal Tambang Murah baharu (KLIA2), pelaksanaan projek-projek infrastruktur yang lain di bawah Program Transformasi Kerajaan (GTP) dalam bidang-bidang utama, yang dipanggil Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA), dan pelancaran projek-projek pelaburan dalam lima koridor pembangunan wilayah, iaitu Iskandar Malaysia, Wilayah Ekonomi Pantai Timur, Wilayah Ekonomi Koridor Utara, Koridor Pembangunan Sabah dan Koridor Tenaga Diperbaharui Sarawak, juga telah menyebabkan pendaftaran yang lebih dalam sektor pembinaan. Banyak anak-anak syarikat diperbadankan oleh syarikat pembinaan yang sedia ada untuk melaksanakan projek-projek baharu.


KADAR PEMATUHAN

Pada tahun 2011, kadar pematuhan SSM berkaitan penyerahsimplian penyata tahunan telah menunjukkan rekod terbaik iaitu sebanyak 90.4% sejak pengenalan Nota Amalan 1 (PN1) pada tahun 2008, yang mewajibkan penyerahsimplian penyata tahunan oleh syarikat-syarikat disertakan dengan satu salinan penyata kewangan yang teraudit menurut Seksyen 165 Akta Syarikat 1965.

Kadar terbaharu ini hampir sama dengan kadar pematuhan yang tertinggi sebanyak 91% yang dicapai pada tahun 2007 sebelum pelaksanaan PN1. Prestasi yang luar biasa ini merupakan kejayaan SSM dalam pendekatan penguatkuasaan seimbang dan program pendidikan untuk meningkatkan kesedaran di kalangan pengarah syarikat supaya melaksanakan tugas dan tanggungjawab mereka mengikut kehendak undang-undang.

Selain daripada melaksanakan peranannya sebagai pengawalselia korporat yang cekap, kadar pematuhan yang lebih tinggi yang dicapai menurut Seksyen 165 Akta Syarikat 1965 akan mengukuhkan lagi profil korporat SSM di kalangan komuniti perniagaan sebagai pusat untuk mendapatkan maklumat korporat dan perniagaan yang berguna dan boleh dipercayai.

Kadar Pematuhan



SKIM KEPENTINGAN


Bilangan skim kepentingan yang didaftarkan pada tahun 2011 meningkat kepada 172 pada 31 Disember 2011. Daripada jumlah tersebut, 73% terdiri daripada skim golf dan kelab rekreasi, diikuti oleh skim perkongsian masa (15%). Trend untuk melabur dalam skim kepentingan telah meningkat semenjak dua puluh tahun yang lalu. Pecahan skim kepentingan yang berdaftar dengan SSM adalah seperti berikut:

Kategori dan Nilai Skim Kepentingan Pada Tahun 2011

NO.	KATEGORI	NILAI (RM)
1.	Skim Kongsitani	12.5 juta
		16 juta
		224 juta
		213.3 juta
		260 juta
		29.4 juta
2.	Skim Hartanah	50.4 juta
3.	Skim Peralatan	110 juta
4.	Taman Memorial	429.9 juta
		94.4 juta
5.	Kelab Golf & Rekreasi Dan Kelab Marina	6,414.4 juta
6.	Skim Kongsimasa	2,354.87 juta
JUMLAH		RM 10,209.17 juta

Trend ini menggambarkan peluang perniagaan dan pelaburan yang besar dalam industri skim kepentingan yang mampu ditawarkan kepada pelabur besar dan kecil dalam pelbagai sektor ekonomi, terutamanya sektor pertanian. Aktiviti yang ditawarkan dalam skim kongsitani termasuk skim penternakan ikan keli, ikan tilapia, arowana, ketam, burung walit, ternakan dan kelapa sawit. Pertumbuhan skim kepentingan dalam sektor pertanian adalah sejajar dengan inisiatif Kerajaan untuk menjadikan sektor ini sebagai salah satu pemacu utama ekonomi melalui peningkatan produktiviti modal insan dalam pertanian luar bandar dan industri berasaskan pertanian.

Jumlah nilai bagi 172 skim kepentingan yang berdaftar dengan SSM adalah sebanyak RM10.2 bilion. SSM telah memainkan peranan yang penting untuk memastikan kejayaan bagi skim-skim yang dicadangkan dengan memberi panduan kepada syarikat-syarikat pengendali mengenai proses dan prosedur yang perlu dipatuhi.




Dijangka lebih banyak pendaftaran pada tahun-tahun akan datang dan SSM akan mempergiatkan lagi usaha mempromosi industri ini di seluruh negara. Pada tahun ini, sebanyak sebelas (11) program kesedaran telah diadakan di seluruh negara melalui seminar, ceramah dan pameran.

PEMBEKALAN MAKLUMAT KORPORAT

Jumlah pembekalan maklumat korporat daripada *Corporate and Business Information Data (CBID)*, e-Info dan IDAMAN untuk 2011 meningkat sebanyak 9.8% kepada 1,462,039 berbanding 1,331,896 pada tahun 2010.

Hasil daripada kadar pematuhan yang tinggi dan penyerahsimpanan dokumen berkanun mengikut waktu yang ditetapkan serta penambahbaikan yang berterusan dalam keseluruhan sistem penyampaian perkhidmatan SSM, kualiti data yang disediakan kepada komuniti perniagaan telah dipertingkatkan dengan ketara.



Hasil daripada bekalan maklumat korporat dan perniagaan dijangka meningkat dengan ketara pada masa akan datang, oleh kerana permintaan untuk perkhidmatan tersebut akan terus berkembang dari tahun ke tahun sejajar dengan sasaran negara mencapai pertumbuhan ekonomi di antara 5% sehingga 6% setiap tahun dari 2012 sehingga tahun 2020.

PENGGULUNGAN DAN PEMBATALAN NAMA DARI DAFTAR SYARIKAT

Sejumlah 1,653 syarikat telah dibubarkan pada tahun 2011 berbanding 1,487 pada tahun lalu. Ini merupakan peningkatan sebanyak 10% dalam keadaan persekitaran ekonomi dunia yang mencabar.

Daripada jumlah itu, 95% adalah pembubaran secara sukarela oleh ahli-ahli, manakala bakinya dibubarkan oleh Mahkamah kerana syarikat menjadi insolven.

Bilangan syarikat yang dibatalkan oleh SSM di bawah Seksyen 308 Akta Syarikat 1965 meningkat sebanyak 443% kepada 130,823 berbanding 24,098 pada tahun sebelumnya. Peningkatan yang mendadak ini disebabkan oleh usaha bersepadu yang dijalankan oleh SSM untuk membersihkan daftar syarikat-syarikat yang tidak aktif supaya daftar itu hanya akan mengandungi syarikat aktif yang mempunyai kesan terhadap pertumbuhan ekonomi. Dengan cara ini statistik yang disediakan oleh SSM akan menjadi lebih berguna dan relevan oleh kerana data syarikat aktif yang diperlukan oleh pengguna untuk membuat keputusan mengenai perniagaan dan pelaburan yang berkaitan. Selain itu, amalan ini telah menyebabkan ukuran kadar pematuhan yang lebih bermakna kerana hanya syarikat yang aktif sahaja yang diambil kira.

TAHUN	2008	2009	2010	2011
Penggulungan Syarikat	1,450	2,013	1,487	1,653
Pembatalan Nama Syarikat (S. 308)	26,542	37,062	24,098	130,823


PENAMATAN PERNIAGAAN

Jumlah perniagaan yang ditamatkan pada tahun 2011 meningkat sedikit iaitu sebanyak 1.9% kepada 20,121 berbanding 19,738 pada tahun sebelumnya. Peningkatan ini adalah jauh lebih rendah daripada jumlah pendaftaran baharu sebanyak 284,598 yang dicatatkan pada tahun yang sama.

Data statistik SSM menunjukkan bahawa purata perniagaan yang ditamatkan setiap tahun untuk tiga tahun yang terakhir (2009-2011) adalah sebanyak 19,735, tetapi dalam tempoh yang sama, bilangan purata pendaftaran perniagaan baharu setiap tahun adalah sebanyak 289,531.

Bilangan yang kecil bagi penamatan perniagaan sejak beberapa tahun kebelakangan ini disebabkan oleh pertumbuhan ekonomi negara yang sihat yang disokong oleh permintaan kukuh dalam negeri. Ini hasil daripada pengembangan dalam perbelanjaan pengguna yang didorong oleh keadaan pasaran buruh yang kukuh dan harga komoditi yang tinggi telah membantu mengekalkan operasi perniagaan kecil.

Penamatan Perniagaan





LAPORAN **PENGURUSAN**

LAPORAN SISTEM PENYAMPAIAN
PERKHIDMATAN AWAM

LAPORAN PENGURUSAN

LAPORAN SISTEM PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN AWAM

SSM berkomited untuk memperbaiki kedudukan Malaysia dalam indikator “Starting a Business” di dalam laporan kajian Bank Dunia atau *The World Bank Doing Business Survey*. Demi mencapai matlamat ini, pada tahun lalu, SSM telah mengambil langkah-langkah untuk menyelaraskan proses yang sedia ada dan memperkenalkan langkah baru untuk menyediakan perkhidmatan yang lebih baik kepada komuniti perniagaan. Pembangunan dan kemajuan perkhidmatan telah dicapai melalui penglibatan pihak berkepentingan. Malah, beberapa langkah yang diambil merupakan hasil daripada maklum balas yang diterima semasa sesi pertemuan dengan pihak-pihak yang berkepentingan sejak beberapa tahun kebelakangan ini.

PELAKSANAAN GERBANG SISTEM MYCOID

Bermula pada 6 Februari 2011 Gerbang Sistem *Malaysia Corporate Identity* (MyCoID) yang dibangunkan sejak tahun 2010 telah digunakan untuk pemerbadanan syarikat secara dalam talian. Pada peringkat awal pelaksanaan sistem MyCoID menawarkan perkhidmatan pendaftaran pengguna MyCoID, fungsi carian, pemerbadanan syarikat, penyerahsimpanan borang selepas pemerbadanan dan pembayaran. Menerusi MyCoID, semua data syarikat yang diperbadankan akan dihantar secara serentak kepada lima (5) agensi utama iaitu Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDN), Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO), Pembangunan Sumber Manusia Berhad (PSMB) dan Perbadanan Perusahaan Kecil dan Sederhana Malaysia (SMECorp).

Mulai 6 Jun 2011, penyerahsimpanan borang-borang selepas penubuhan iaitu borang 24, 44 dan 49 boleh dibuat menerusi MyCoID. Pelbagai inisiatif dan promosi telah dijalankan kepada orang awam serta setiausaha syarikat untuk menggalakkan penggunaan MyCoID. Ini termasuk pengecualian bayaran untuk pendaftaran pengguna bagi membolehkan akses kepada sistem MyCoID sehingga 31 Disember 2011.

PENCAPAIAN PIAGAM PELANGGAN

Sepanjang tahun ini, SSM telah berusaha untuk menyampaikan perkhidmatan yang cekap kepada komuniti perniagaan dengan mencapai hampir 100% daripada sasaran yang ditetapkan di dalam Piagam

Pelanggan Perniagaan dan Piagam Pelanggan Syarikat. Jadual di bawah menunjukkan prestasi piagam pelanggan bagi perkhidmatan pendaftaran perniagaan tahun 2011.

Pencapaian Piagam Pelanggan Pendaftaran Perniagaan Tahun 2011

Perniagaan	Piagam Pelanggan	Peratusan
Pendaftaran Perniagaan Baharu	1 jam*	97.2
Pendaftaran Perubahan	1 jam*	97.5
Pendaftaran Penamatan	15 minit*	96.2
Pembaharuan Perakuan Pendaftaran	15 minit*	99.5

* Masa yang diambil daripada bayaran diterima sehingga pendaftaran/kelulusan.

Pada tahun 2011, Piagam Pelanggan Pendaftaran Perniagaan (ROB) telah menunjukkan satu pencapaian yang sangat baik iaitu 97.6% jika dibanding dengan sasaran 95% yang ditetapkan, manakala Piagam Pelanggan Pendaftaran Syarikat (ROC) berjaya mencapai sasaran purata 99.6%.

Pencapaian Piagam Pelanggan Pendaftaran Syarikat Tahun 2011

Syarikat	Piagam Pelanggan	Peratusan
Pemerbadanan syarikat baharu	1 Hari*	100.0
Kelulusan nama	1 Hari*	97.8
Sijil memulakan perniagaan	1 Hari*	100
Perubahan nama syarikat	1 Hari*	99.9
Gadaian	2 Hari*	100.0
Pertukaran status	1 Hari*	100.0

* Masa yang diambil daripada bayaran diterima sehingga pendaftaran/kelulusan.

Pencapaian Piagam Pelanggan pada tahun 2011 telah menetapkan penanda aras dan SSM akan meneruskan usaha untuk berkhidmat kepada komuniti perniagaan dengan perkhidmatan dengan lebih cepat dan cekap.

PERKHIDMATAN E-LODGE MENT SSM

Setelah empat tahun diperkenalkan, maklum balas awam kepada penggunaan perkhidmatan e-Lodgement telah menunjukkan peningkatan yang konsisten. Penambahbaikan sistem dijalankan dari semasa ke semasa bagi memastikan perkhidmatan dalam talian ini lebih cepat dan mesra pengguna berbanding perkhidmatan di kaunter.

Bilangan transaksi e-Lodgement syarikat meningkat sebanyak 13.58% berbanding tahun sebelumnya. Permohonan carian nama syarikat merupakan

perkhidmatan yang mencatatkan permintaan tinggi dengan peningkatan sebanyak 24% berbanding tahun lalu.

Bilangan transaksi e-Lodgement bagi perniagaan pada tahun 2011 menurun sedikit iaitu sebanyak 0.7% berbanding tahun sebelumnya. Pendaftaran perniagaan baharu masih kekal tertinggi bagi transaksi perkhidmatan pendaftaran perniagaan e-Lodgement tetapi semua transaksi bagi perniagaan menunjukkan penurunan kecuali untuk pembaharuan pendaftaran perniagaan yang meningkat 114% berbanding tahun 2010.

Transaksi e-Lodgement Syarikat

Transaksi e-Lodgement Syarikat	2011	2010	2009
Permohonan carian nama syarikat	23,910	19,277	11,144
Permohonan untuk pemerbadanan syarikat-syarikat tempatan	1,283	1,440	1,384
Serah simpan borang 24, 44 dan 49 selepas pemerbadanan	681	766	656
Penyata Tahunan & Sijil Syarikat Persendirian Terkecuali	121	204	170
Penyata Tahunan & Akaun	1,544	1,654	1,340
Borang 44 (<i>Notice of Situation of Registered Office and of Office Hours and Particulars of Changes</i>)	723	1,138	555
Borang 53 (<i>Notice of Place Where Register of Members and Index Kept, or of Change in That Place</i>)	25	19	28
Borang 24 (<i>Return of Allotment of Shares</i>)	221	266	247
Borang 11 (<i>Notice of Resolution</i>)	251	254	214
Borang 49 (<i>Return Giving Particulars in Register of Directors, Managers and Secretaries and Changes of Particulars</i>)	1,629	1,727	1,339
Borang 48B (<i>Application for Company Secretary's Licence</i>)	4	2	2
Borang 48C (<i>Application for Renewal of Company Secretary's Licence</i>)	50	54	30
Bilangan Transaksi	30,442	26,801	17,409

Transaksi e-Lodgement Perniagaan

Transaksi e-Lodgement Perniagaan	2011	2010	2009
Permohonan Carian Nama Perniagaan	51,567	59,147	59,489
Pendaftaran Perniagaan Baharu	30,020	31,100	34,025
Pembaharuan Pendaftaran Perniagaan	15,580	7,268	7,106
Perubahan Maklumat Perniagaan	6,060	6,442	14,800
Penamatan Perniagaan	2,193	2,240	2,016
Bilangan Transaksi	105,420	106,197	117,436

KAUNTER PERKHIDMATAN

Walaupun penyerahsimpan dokumen boleh dilakukan secara elektronik, SSM masih menyediakan kaunter perkhidmatan bagi penyerahsimpanan dokumen syarikat. Dokumen berbayar diterima melalui kaunter telah mencatatkan peningkatan sebanyak 24% manakala dokumen tanpa bayaran pula meningkat sebanyak 21.2% berbanding tahun lalu.

Penerimaan dokumen berbayar Syarikat

Transaksi	2011	2010
Dokumen berbayar	463,515	373,631
Dokumen tanpa bayaran	365,092	301,314

Begitu juga kaunter perkhidmatan bagi pembekalan maklumat perniagaan dan syarikat yang mencatatkan peningkatan sebanyak 7.85% berbanding tahun lepas.

Transaksi Bekalan Maklumat

Transaksi	2011	2010
Jumlah	15,335,601	14,219,044

PERKHIDMATAN E-INFO

Kadar penggunaan sistem e-Info SSM bagi menyediakan maklumat perniagaan dan korporat telah menunjukkan peningkatan sederhana sebanyak 5.6% pada tahun 2011 berbanding tahun 2010. Kadar penggunaan untuk pembelian maklumat pada tahun 2011 dalam talian adalah sebanyak 75.3% manakala untuk transaksi e-Info melalui kiosk adalah sebanyak 24.7%.

Kunjungan pelanggan antarabangsa ke laman sesawang ini telah meningkat sebanyak 27.3% pada tahun ini. Selain daripada peningkatan kesedaran terhadap produk SSM di kalangan komuniti perniagaan, ia juga menunjukkan peningkatan keyakinan pengguna asing terhadap ketepatan data yang disediakan. Jadual menunjukkan bilangan transaksi e-Info untuk 2010 dan 2011:

Perkhidmatan e-Info (Kadar Penggunaan)

Tahun	Dalam Talian	Kadar Penggunaan %	Kiosk	Kadar Penggunaan %	Jumlah Transaksi	Jumlah Hasil (RM)
2011	988,771	75.3	324,705	24.7	1,313,476	18,528,146
2010	992,977	79.7	250,295	20.2	1,243,272	16,632,475

Perkhidmatan e-Info (Transaksi Tahunan)

2011		2010	
Transaksi	Hasil (RM)	Transaksi	Hasil (RM)
1,313,476	18,528,146	1,243,272	16,632,475

Statistik kunjungan ke laman sesawang e-Info

Negara	2011	2010
Singapura	23,571	25,812
Hong Kong	10,185	5,965
United Kingdom	5,482	4,441
Amerika Syarikat	6,231	4,969
Australia	2,740	4,240
India	6,385	3,761
Jepun	1,222	2,033
China	2,365	2,507
Filipina	1,723	625
Lain-lain	14,837	4,377
Jumlah	74,741	58,730

KAUNTER BERGERAK PENDAFTARAN PERNIAGAAN (KBPP)

Kaunter Bergerak Pendaftaran Perniagaan (KBPP) telah menjadi sebahagian daripada sistem penyampaian perkhidmatan SSM sejak ia mula dilancarkan pada bulan September 2005. Selain daripada menyediakan perkhidmatan pendaftaran, ia juga merupakan saluran yang berkesan untuk memupuk kesedaran di kalangan komuniti perniagaan mengenai kehendak Akta Pendaftaran Perniagaan 1956. Program KBPP merupakan satu kejayaan besar untuk SSM dengan pendapatan sebanyak RM9,772,407 dikutip pada tahun 2011, iaitu peningkatan sebanyak 18.5% berbanding tahun 2010.

Selain daripada mempergiatkan aktiviti KBPP di seluruh negara terutamanya kawasan bandar dan di lokasi baharu yang strategik, SSM terus menyediakan khidmat

Maklumat lanjut berkaitan dengan KBPP SSM pada tahun 2011

Negeri	Kekerapan Program KBPP	Pendaftaran Perniagaan Baharu	Perubahan Maklumat	Pembaharuan Perniagaan	Hasil (RM)
Kuala Lumpur	804	10,647	5,684	18,708	2,904,610
Labuan	12	16	0	78	4,375
Perlis	30	88	13	80	9,135
Terengganu	96	834	513	2,613	259,365
Melaka	109	751	373	1,361	201,012
Pahang	155	1,377	820	3,001	410,680
N. Sembilan	133	857	590	3,172	329,925
Kedah	444	5,907	2,854	14,992	1,756,845
Kelantan	105	1,069	459	2,674	268,250
Perak	119	3,142	1,657	8,136	921,685
P. Pinang	140	3,635	1,956	9,391	1,084,890
Selangor	124	1,404	537	2,149	307,495
Johor	173	2,853	1,978	8,464	1,314,140
Jumlah	2,444	32,580	17,434	74,819	9,772,407

Kaunter Litar Pendaftaran Perniagaan di pejabat majlis perbandaran bagi memudahkan pendaftaran dan pembaharuan pendaftaran perniagaan. Sehubungan itu, lesen dan permit perniagaan yang dikeluarkan oleh majlis perbandaran tempatan dapat dilakukan secara serentak dengan pendaftaran atau pembaharuan perniagaan di bawah satu bumbung.

MUAT TURUN BORANG PENDAFTARAN PERNIAGAAN MELALUI LAMAN SESAWANG SSM

Selaras dengan langkah memudahkan pendaftaran perniagaan baharu, mulai 16 April 2011, orang ramai dibenarkan memuat turun Borang Pendaftaran Perniagaan melalui laman sesawang SSM untuk membuat pendaftaran perniagaan baharu di mana-mana pejabat SSM di Semenanjung Malaysia.

PERMOHONAN KORPORAT

Pada tahun 2011, bilangan permohonan korporat telah menurun sebanyak 8.6% berbanding tahun lalu. Permohonan bagi lanjutan masa telah menurun secara mendadak sebanyak 34%. Ini menunjukkan lebih banyak syarikat mematuhi Seksyen 143 dan 169 Akta Syarikat 1965 tanpa memohon lanjutan masa hasil daripada program kesedaran yang dijalankan sepanjang tahun ini. Walau bagaimanapun penyerahsimpan prospektus dan *abridged* prospektus di bawah Seksyen 36A(4) Akta Syarikat 1965 meningkat sebanyak 173%. Ini menunjukkan peningkatan yang ketara dalam aktiviti perniagaan bagi syarikat berhad terutamanya yang melibatkan perolehan dana melalui pasaran modal.

Jumlah Permohonan Korporat Mengikut Jenis

Bil.	Jenis Permohonan	Jumlah Permohonan		
		2011	2010	2009
1.	Permohonan Lanjutan Masa	686	1,039	709
2.	Permohonan pelantikan proksi	8	21	25
3.	Permohonan mendapatkan kelonggaran bagi mengecualikan beberapa keperluan dalam akaun	172	179	220
4.	Permohonan pengecualian bagi menyerahsimpan akaun syarikat asing di Malaysia	55	44	32
5.	Serahsimpan <i>initial public offerings</i> dan <i>abridged</i> prospektus serta dokumen lain di bawah Seksyen 36A(4) Akta Syarikat 1965	443	162	77
6.	Serahsimpan laporan suku tahunan syarikat yang meminjam oleh pengarah syarikat	238	303	393
JUMLAH		1,602	1,748	1,456

PENGENALAN SEMULA TEMP OH MORATORIUM BAGI PEMBATALAN NAMA SYARIKAT UNTUK SYARIKAT DORMAN

Sebagai satu langkah untuk terus membantu para pemegang saham dan pengarah syarikat membubarkan syarikat dormant atau tidak aktif mereka, tempoh moratorium pembatalan syarikat-syarikat yang tidak aktif telah diperkenalkan semula pada 3 Mac 2011 serta syarat-syarat bagi pembatalan nama telah dilonggarkan. Dalam tempoh moratorium dari 3 Mac hingga 30 Jun 2011, pemohon tidak lagi perlu mengemukakan resolusi pemegang saham dan akaun pengurusan sebagai prasyarat bagi permohonan pembatalan nama syarikat. Di samping itu, semua kompaun yang dikeluarkan oleh SSM terhadap syarikat-syarikat dalam tempoh moratorium juga dibatalkan.

Pada 4 April 2011, SSM telah mengeluarkan satu garis panduan bertajuk “Garis Panduan Pembatalan Nama Syarikat yang Tidak Aktif di bawah Seksyen 308(1) Akta Syarikat 1965 semasa tempoh Moratorium”. Garis panduan yang baharu ini mengandungi butiran dan syarat terperinci bagi permohonan di bawah Seksyen 308(1) Akta Syarikat 1965 yang diguna pakai bagi tujuan pembatalan syarikat semasa tempoh moratorium.

Selain daripada memperkenalkan semula tempoh moratorium, pembatalan syarikat yang tidak aktif juga dibuat melalui inisiatif penguatkuasaan dan permohonan biasa di luar tempoh moratorium. Sejumlah 129,019 syarikat dormant telah dibatalkan dari daftar syarikat pada tahun 2011, manakala sejumlah 15,686 permohonan telah diterima dan diproses sepanjang tempoh moratorium.

PENGURUSAN ASET UNTUK SYARIKAT YANG TELAH DIBUBARKAN

Apabila sesebuah syarikat telah dibubarkan, sama ada melalui proses penggulungan syarikat atau proses pembatalan nama syarikat, kewujudan pertubuhan perbadanan akan terhapus. Syarikat yang telah dibubarkan tidak berkeupayaan di sisi undang-undang untuk mengendalikan sebarang transaksi secara sendiri.

Sekiranya sesebuah syarikat yang telah dibubarkan mempunyai sebarang transaksi yang masih belum disempurnakan, permohonan boleh dibuat di bawah Seksyen 309 Akta Syarikat 1965 supaya Pendaftar boleh bertindak sebagai wakil kepada syarikat untuk menyempurnakan transaksi yang berkenaan.

Pada tahun 2011, SSM telah menerima sebanyak 15 permohonan di bawah Seksyen 309 Akta Syarikat 1965

berbanding tujuh permohonan pada 2010. Peningkatan permohonan tersebut disebabkan oleh program kesedaran yang diadakan oleh SSM sepanjang tahun melalui mesyuarat serta taklimat bersama pelanggan dan organisasi yang berkaitan.

PRODUK-PRODUK LAIN

Selain daripada perkhidmatan pendaftaran dan bekalan maklumat korporat dan perniagaan, produk serta perkhidmatan yang lain juga dibangunkan seperti sijil peringatan bagi syarikat dan perniagaan, tender nombor syarikat, pendaftaran syarikat dan perniagaan pada tarikh pilihan oleh komuniti perniagaan telah mendapat sambutan yang baik daripada orang ramai. Jumlah hasil yang diperolehi daripada produk-produk ini adalah sebanyak RM 2,174,744, iaitu peningkatan sebanyak 75.5% daripada RM1,239,242 tahun lepas.

Disebabkan oleh sambutan positif daripada komuniti perniagaan untuk memperbadankan syarikat dan mendaftar perniagaan pada tarikh pilihan mereka, SSM meneruskan program seumpama ini bagi memudahkan pendaftaran pada tarikh yang dianggap istimewa iaitu pada 1 Januari 2011 (1.1.11), 11 Januari 2011 (11.1.11), 1 November 2011 (1.11.11), 11 November 2011 (11.11.11) dan 20 November 2011 (20.11.2011).

INISIATIF-INISIATIF BAHARU

Pelbagai inisiatif baharu telah dilaksanakan untuk memenuhi permintaan komuniti perniagaan dan orang awam. Antara inisiatif-inisiatif yang telah dilaksanakan dengan jayanya adalah seperti berikut:

(a) Perkongsian dan kerjasama strategik

SSM telah menjalinkan perkongsian dan kerjasama strategik dengan Bank Simpanan Nasional (BSN) dan Telekom Malaysia Berhad (TM). Perjanjian antara BSN dan TM Berhad telah ditandatangani pada 12 Julai 2011 adalah seperti berikut:

- i) Kerjasama dengan TM adalah bagi menyediakan pakej langganan telefon dan internet iaitu produk ‘office in a box’; kepada orang ramai yang menubuhkan syarikat atau mendaftarkan perniagaan mereka di SSM. Pakej ini menawarkan penyelesaian komunikasi secara menyeluruh pada harga yang berpatutan terutamanya kepada mereka yang menguruskan pejabat kecil dan pejabat di rumah (SOHO) serta untuk PKS.

ii) Pelantikan BSN sebagai ejen SSM di semua kaunter BSN di seluruh Malaysia adalah bertujuan untuk memudahkan pembaharuan pendaftaran perniagaan. Pengembangan saluran penyampaian perkhidmatan yang ditawarkan memberi lebih kemudahan kepada komuniti perniagaan.

(b) **Pembelian data maklumat perniagaan dan syarikat secara terus melalui integrasi sistem.**

Ini merupakan satu langkah SSM untuk memenuhi keperluan pelanggan korporat supaya dapat menyampaikan maklumat perniagaan dan syarikat secara berkesan. Integrasi sistem ini merupakan satu platform elektronik yang memudahkan pelanggan bagi mendapatkan maklumat perniagaan dan syarikat secara berkala. Perkhidmatan ini juga menawarkan perkhidmatan yang efisien dan keberkesanan kos bagi meningkatkan daya saing.

(c) **Permohonan dalam talian data maklumat korporat dan perniagaan (e-CBID)**

Projek *e-Corporate Business Information Data* atau lebih dikenali sebagai e-CBID telah siap pada tahun 2011. Ia merupakan permohonan dalam talian data maklumat korporat dan perniagaan di mana permohonan boleh dilakukan melalui laman sesawang baharu SSM. e-CBID juga bertindak sebagai direktori elektronik untuk penjualan maklumat perniagaan dan syarikat.

Terdapat peningkatan yang ketara direkodkan bagi pertanyaan melalui hotline SSM sebanyak 37,599 pada tahun 2011 berbanding dengan 33,787 pada tahun 2010 iaitu kenaikan sebanyak 11.3%. Pada tahun 2011, pertanyaan melalui emel telah meningkat sebanyak 73.2% berbanding dengan tahun 2010 iaitu peningkatan dari 3,090 kepada 5,351 pada tahun 2011.

Butiran	2011	2010	2009
Kaunter Penerangan SSM	18,787	53,307	135,943
Hotline (Pusat Panggilan) SSM	37,599	33,787	34,675
e-mel	5,351	3,090	2,998
e-Aduan	960	310	255
Jumlah	62,697	90,494	173,871

SSM semakin diiktiraf sebagai sebuah pusat rujukan, pertanyaan, aduan dan sokongan daripada ahli-ahli perniagaan antarabangsa yang berurusan dengan syarikat atau perniagaan di Malaysia. Pada tahun 2011, SSM telah menerima sebanyak 34 pertanyaan atau aduan daripada ahli-ahli perniagaan dari beberapa negara seperti Asia, Eropah, Afrika, Amerika Tengah dan negara-negara lingkaran Pasifik.

SSM juga telah memainkan peranan memudahkan cara kepada komuniti perniagaan dengan mendidik, memberi kesedaran dan menawarkan penyelesaian alternatif kepada peniaga-peniaga yang terlibat. SSM akan mengambil tindakan penguatkuasaan yang sesuai terhadap sebarang pelanggaran mengikut bidang kuasanya.

PENGURUSAN PERTANYAAN DAN ADUAN

Unit Khidmat Pelanggan SSM menerima dan mengendalikan maklum balas daripada pelanggan terutamanya pertanyaan, cadangan atau aduan mengenai kualiti produk, penyampaian perkhidmatan, prosedur atau perihal pembayaran atau terhadap pemilik syarikat serta perniagaan.

2. LAPORAN INISIATIF PENGUATKUASAAN DAN PEMBAHARUAN PENGAWALSELIAAN

KADAR PEMATUHAN

Sepanjang tahun ini, SSM telah meneruskan inisiatif penguatkuasaan dengan pendekatan yang lebih proaktif dalam memupuk kesedaran melalui penglibatan pihak berkepentingan dan program pendidikan.

SSM berdedikasi dalam memainkan peranannya bagi memastikan tadbir urus korporat yang baik dan pematuhan dengan mengambil tindakan penguatkuasaan yang pantas dan berkesan terhadap pesalah yang melakukan pelbagai jenayah korporat dan pada masa yang sama menyediakan pendidikan dan latihan untuk menggalakkan pematuhan secara sukarela. Hasil daripada langkah-langkah yang diambil oleh SSM terdapat peningkatan dalam kadar pematuhan seperti yang dilaporkan dalam Laporan Tahunan ini.

Hasil daripada kejayaan dalam menangani kesalahan pada tahun-tahun sebelumnya, program kesedaran dan pendidikan yang agresif, bilangan aduan yang diterima berkaitan ketidakpatuhan Akta Syarikat 1965 dan Akta Pendaftaran Perniagaan 1956 telah meningkat secara mendadak pada tahun 2011 berbanding tahun lepas.


Selain daripada mengambil banyak tindakan penguatkuasaan yang berprofil tinggi, SSM memperolehi kejayaan di mahkamah dengan mensabitkan ramai pengarah dan pegawai syarikat kerana melanggar pelbagai peruntukan yang berkaitan dengan tadbir urus korporat yang serius. Ini termasuk Seksyen 132 Akta Syarikat 1965 bagi pelanggaran kewajipan fidusiar, Seksyen 125 Akta Syarikat 1965 untuk kesalahan bertindak sebagai seorang pengarah apabila masih muflis dan belum dilepaskan, Seksyen 364 Akta Syarikat 1965 kerana membuat kenyataan palsu dan mengelirukan dalam dokumen, Seksyen 366 Akta Syarikat 1965 bagi kesalahan mendorong orang lain secara tipuan untuk melabur wang.

PENGURUSAN ADUAN

ADUAN TERHADAP PELANGGARAN UNDANG-UNDANG KORPORAT

Jumlah aduan yang diterima ke atas pelanggaran undang-undang telah meningkat secara mendadak sebanyak 29.7% kepada 2,081, daripada 1,604 pada tahun sebelumnya. Bilangan aduan yang diselesaikan telah meningkat sebanyak 14.9% berbanding tempoh yang sama seperti yang digambarkan dalam jadual di sebelah:

Kategori Isu-isu Aduan Bagi Tahun 2011 Jumlah = 2,081



Aduan yang Diterima dan Diselesaikan (2009-2011)

Aduan Diterima			
Tahun	2011	2010	2009
Syarikat	1,550	1,260	762
Perniagaan	531	344	287
Jumlah	2,081	1,604	1,049


Aduan Diselesaikan			
Tahun	2011	2010	2009
Syarikat	1,356	1,239	702
Perniagaan	445	328	269
Jumlah	1,801	1,567	971

Carta di bawah menunjukkan jenis-jenis aduan yang diterima.

Tiga Kategori Aduan Tertinggi Yang Diterima Pada Tahun 2011

No.	Isu Aduan	Jumlah Aduan
1	Ketidakpatuhan	552
2	Memberi maklumat palsu / Mengelirukan dalam dokumen	212
3	Tidak berdaftar/Skim Pelaburan Haram	207

Tiga Kategori Aduan Tertinggi Bagi Tahun 2011



Selain daripada aduan yang melibatkan ketidakpatuhan di bawah Akta Syarikat 1965 seperti kegagalan menyerahkan penyata tahunan, kegagalan membentangkan penyata kewangan dan tidak mengadakan mesyuarat agung tahunan, terdapat dua kategori aduan yang menunjukkan jumlah yang tinggi iaitu aduan mengenai penyerahsimpanan dokumen yang mengandungi maklumat palsu dan mengelirukan (sebanyak 212 aduan) serta aduan yang melibatkan skim pelaburan haram (sebanyak 207 aduan).

KOMITMEN TERHADAP AKTA PERLINDUNGAN PEMBERI MAKLUMAT 2010

SSM telah dilantik sebagai salah satu daripada tujuh agensi perintis untuk menganggotai pelaksanaan Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 (APPM 10) yang telah dikuatkuasakan pada 15 Disember 2010.

Pada tahun 2011, sebanyak 14 laporan daripada pemberi maklumat menurut peruntukan APPM 10 telah direkodkan. Jumlah yang kecil ini menggambarkan bahawa tahap kesedaran orang awam terhadap mekanisme perlindungan di bawah Akta ini masih rendah, berkemungkinan kerana pelaksanaan Akta ini masih baharu.

AKTIVITI PEMANTAUAN DAN PEMATUHAN

PEMERIKSAAN PANGKALAN DATA DAN FIZIKAL

Sepanjang tahun 2011, sebanyak 568,308 buah syarikat dan 526,515 perniagaan telah diperiksa bagi memastikan tahap pematuhan menurut Akta Syarikat 1965 dan Akta Pendaftaran Perniagaan 1956.

Daripada keseluruhan pemeriksaan yang dijalankan, sebanyak 1,022,961 atau 93.4% merupakan pemeriksaan ke atas maklumat korporat dan perniagaan yang disimpan dalam pangkalan data SSM.

Berdasarkan pemeriksaan yang dijalankan, SSM telah mengambil tindakan penguatkuasaan seperti berikut:

- 1,199,616 notis peringatan dihantar kepada 335,872 syarikat dan pengarah-pengarah syarikat untuk mengadakan Mesyuarat Agung Tahunan masing-masing sebelum tarikh tamat tempoh dan membentangkan akaun beraudit semasa mesyuarat tersebut menurut peruntukan Seksyen 143(1) dan Seksyen 169(1) Akta Syarikat 1965.
- 35 notis yang berkenaan dengan peruntukan Seksyen 125 Akta Syarikat 1965 telah dihantar kepada pengarah-pengarah syarikat yang masih bertindak sebagai pengarah selepas disahkan muflis.
- 85 notis peringatan telah dihantar kepada pengarah dan setiausaha syarikat yang gagal mengemukakan Penyataan Hal Ehwal Syarikat (*Statement of Affairs*) dan akaun kepada Pegawai Penerima (*official receiver*) berdasarkan peruntukan Seksyen 234 Akta Syarikat 1965.
- 1,421 notis berkaitan Seksyen 7(11)(a) Akta Syarikat 1965 telah dihantar kepada 815 buah syarikat dan pegawainya untuk mendapatkan status gadaian berdasarkan Seksyen 113 Akta Syarikat 1965.

Pada tahun 2011, pemeriksaan fizikal telah dijalankan di seluruh negara berdasarkan segmen pasaran dengan tumpuan diberi kepada syarikat dan perniagaan yang menjalankan perniagaan mencuci kereta, tempat letak kereta, stesen minyak, pengurup wang, pusat tuisyen, pusat-pusat hiburan, gerai malam, kantin sekolah dan kompleks membeli-belah.

Sebanyak 71,862 syarikat dan perniagaan telah diperiksa untuk memastikan pematuhan terhadap Seksyen 121(3) Akta Syarikat 1965 dan Kaedah 13A(2) Akta Pendaftaran Perniagaan dan Kaedah-Kaedah 1957 (Akta Pendaftaran Perniagaan 1957) yang menghendaki perniagaan untuk mempamerkan nama syarikat dan nombor pendaftaran di premis perniagaan serta Seksyen 12(1)(a) dan 12(2) Akta Pendaftaran Perniagaan 1956 mengenai kesalahan-kesalahan yang berhubung dengan pendaftaran perniagaan dan paparan perakuan pendaftaran perniagaan di premis perniagaan.

PEMANTAUAN AKTIVITI MEDIA DAN PERNIAGAAN BERASASKAN LAMAN SESAWANG

Pada tahun 2011, SSM telah memantau 1,679 laman sesawang yang melibatkan 1,570 buah syarikat dan perniagaan yang berdaftar untuk tujuan pemasaran melalui Internet. Hasil pemeriksaan ini menunjukkan bahawa 1,444 atau 92% buah syarikat dan perniagaan

tersebut telah mematuhi peruntukan di bawah Akta Syarikat 1965 dan Akta Pendaftaran Perniagaan 1956.

SSM juga memastikan bahawa syarikat dan perniagaan yang telah mengiklankan serta menggunakan media tempatan sebagai medium publisiti untuk aktiviti perniagaan yang dijalankan adalah sah, tulen dan beroperasi mengikut undang-undang.

Pada tahun 2011, sebanyak 1,601 syarikat dan perniagaan yang berdaftar telah dipantau melalui media tempatan. Pemeriksaan itu menunjukkan bahawa 846 atau 53% syarikat dan perniagaan telah mematuhi peruntukan di bawah Akta Syarikat 1965 dan Akta Pendaftaran Perniagaan 1956.

Hasil pemantauan mendedahkan kesalahan-kesalahan syarikat dan perniagaan di bawah akta yang ditadbir oleh SSM seperti berikut:

Jenis Kesalahan	Jumlah Syarikat Dan Perniagaan			
	Laman Sesawang		Media Tempatan	
	2011	2010	2011	2010
Kesalahan di bawah Divisyen 5 Bahagian IV Akta Syarikat 1965 kerana menawarkan perniagaan melibatkan "kepentingan" menurut Seksyen 84 Akta Syarikat 1965.	30	52	5	76
Kesalahan di bawah Akta (Larangan) Kumpulan Wang Kutu 1971	2	10	2	1
Kesalahan melibatkan isu kepentingan awam (contoh : Jualan langsung, pengambilan deposit secara tidak sah, dll)	2	19	4	8
Kesalahan lazim di bawah Akta Syarikat 1965 dan Akta Pendaftaran Perniagaan 1956 (contoh: gagal menyerah simpan penyata tahunan & penyata kewangan, gagal mengadakan mesyuarat agung tahunan)	913	477	366	523
Kesalahan di bawah Seksyen 12(1)(a) dan 12(a)(b) Akta Pendaftaran Perniagaan 1956 berhubung kegagalan mendaftarkan perniagaan dan memperbaharui sijil perakuan pendaftaran perniagaan di bawah Seksyen 5 dan 5A Akta Pendaftaran Perniagaan 1956	584	-	356	-
Jumlah	1,531	558	733	608

Berdasarkan hasil pemeriksaan, kes yang berkaitan dengan kesalahan di bawah akta-akta yang ditadbir oleh SSM diteruskan dengan tindakan penguatkuasaan atau tindakan pentadbiran manakala kes yang tidak berkaitan dirujuk kepada agensi-agensi lain yang berkaitan. Laporan pemantauan serta tindakan penguatkuasaan yang diambil oleh SSM melalui pemantauan laman sesawang turut dilaporkan kepada Majlis Keselamatan Negara secara bulanan.

PEMANTAUAN KE ATAS SKIM KEPENTINGAN

Sehingga 31 Disember 2011, sebanyak 172 skim kepentingan telah didaftarkan di SSM. Jenis-jenis skim seperti jadual di bawah:

Kategori	Bilangan Skim
Kelab Golf & Rekreasi	90
Skim Kongsi Tani	6
Marina	9
Kelab Rekreasi	36
Kongsi Masa	26
Taman Peringatan	3
Sewa Peralatan ICT	1
Skim Hartanah	1
Jumlah	172

Memandangkan skim kepentingan berpotensi besar untuk berkembang, SSM meneruskan aktiviti pemantauan ke atas skim-skim kepentingan yang berdaftar dan tidak berdaftar menurut peruntukan Penggal 5 Bahagian IV Akta Syarikat 1965 untuk memastikan kepentingan awam dilindungi.

Skop pemantauan termasuk melindungi orang awam dan pelabur di samping memastikan integriti data terjamin dengan melakukan pemeriksaan secara berterusan ke atas skim-skim yang berdaftar.

Pada tahun 2011, sebanyak 34 skim berdaftar telah diperiksa berbanding 31 skim pada tahun 2010 seperti yang ditunjukkan dalam jadual di bawah:

Kategori Skim	2011	2010	2009
Kelab Golf & Rekreasi	12	8	7
Kelab Rekreasi	8	9	8
Kongsi Masa	10	9	3
Marina	-	2	5
Skim Kongsi Tani	3	1	-
Taman Peringatan	1	2	-
Jumlah	34	31	23

Berdasarkan kepada hasil pemeriksaan yang dijalankan, tindakan mengkompaun operator skim yang gagal mematuhi peruntukan-peruntukan Akta adalah seperti berikut:

Kesalahan	Bil Kes
Seksyen 93(1) Kegagalan menyerahsimpan kepada Pendaftar Penyata Kepentingan (Borang 32) dalam tempoh 2 bulan selepas tahun kewangan berakhir	2
Seksyen 94(1)(b) Kegagalan mematuhi waad-waad yang terkandung dalam surat ikatan amanah	3
Seksyen 143(1) Kegagalan untuk mengadakan Mesyuarat Agung Tahunan	10
Seksyen 165(4) Kegagalan menyerahsimpan penyata tahunan kepada Pendaftar	13
Seksyen 169(1) Kegagalan untuk membentangkan akaun untung rugi dalam Mesyuarat Agung Tahunan dalam tempoh 6 bulan selepas tahun kewangan berakhir	10

SSM mendapati bahawa skim Arowana merupakan industri hortikultur yang paling dominan terutama bagi skim-skim yang beroperasi di Bukit Merah, Perak di mana terdapat kira-kira 60 pengendali skim operator Arowana. SSM bekerjasama dengan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani serta Pihak Berkuasa Tempatan di Perak untuk memastikan bahawa kesemua skim yang ditawarkan oleh pengendali skim adalah berdaftar dengan SSM.

Kerjasama dengan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani juga melibatkan skim-skim lain yang berkaitan dengan industri pertanian, hortikultur dan akuakultur seperti penternakan burung walit, penanaman stevia, penternakan ikan keli dan lain-lain industri berasaskan pertanian. Statistik terperinci pemantauan skim kepentingan yang tidak berdaftar adalah seperti berikut:

Jenis Skim	Bilangan Kes 2011	Bilangan Kes 2010	Bilangan Kes 2009
Ternakan	80	90	28
Pengurusan Perniagaan	-	2	7
Kongsi Tani	12	11	21
Pelaburan hartanah	6	8	2
Skim Sewa Semula	1	4	5
Keahlian Kelab	1	-	9
Kelab Kecergasan	-	-	5
Jualan Langsung	2	5	11
Skim persaraan	-	-	4
Plot Perkuburan dan Petak Bekas Abu Mayat	18	-	-
Lain-lain	20	31	28
JUMLAH	140	151	120

Menerusi aktiviti-aktiviti pemantauan dan pengawasan berterusan yang dijalankan pada tahun 2011, 12 buah syarikat dan perniagaan telah dirujuk untuk siasatan lanjut kerana menawarkan skim yang mencurigakan kepada orang ramai, sembilan kes telah dirujuk kepada Bahagian Perkhidmatan Perundangan untuk mendapatkan pandangan berhubung dengan kehendak Divisyen 5 Bahagian IV Akta Syarikat 1965. Sebuah syarikat dan pengarahnya telah dikenakan kompaun di bawah Seksyen 94 (1) Akta Syarikat 1965, tiga kes yang didapati bukan di bawah bidang kuasa SSM telah dirujuk ke agensi-agensi berkaitan manakala kes-kes yang lain masih dipantau.

PEMANTAUAN DI BAWAH AKTA (LARANGAN) KUMPULAN WANG KUTU 1971

Pada tahun 2011, SSM meneruskan pemantauan ke atas aktiviti-aktiviti yang mempromosikan skim kutu di bawah Akta (Larangan) Kumpulan Wang Kutu 1971. Disebabkan oleh tindakan proaktif yang diambil pada tahun 2010, bilangan aktiviti skim kutu yang dikenal pasti telah menurun secara mendadak. Sehingga 31 Disember 2011, hanya empat skim telah dikenal pasti berbanding dengan 29 skim pada tahun 2010. Daripada empat skim tersebut, tiga skim didapati tidak aktif dan satu skim telah dirujuk kepada KPDNKK di bawah Akta Jualan Langsung 1993.

PEMANTAUAN JURUAUDIT

Pada tahun 2011, SSM meneruskan pengawasan terhadap juruaudit melalui pemeriksaan terhadap 191 orang juruaudit untuk menilai tahap kecekapan, profesionalisme dan kebebasan juruaudit dalam menjalankan tugas mereka.

Penilaian dijalankan melalui pendekatan yang berasaskan risiko dengan memberi tumpuan kepada kategori juruaudit / firma audit yang dikenal pasti berpotensi tinggi terdedah kepada risiko melibatkan isu-isu di bawah seperti berikut :

- Juruaudit yang berumur melebihi 70 tahun, masih bertugas sebagai juruaudit dan mempunyai lebih dari 200 pelanggan;
- Firma audit bersaiz kecil yang mempunyai lebih dari 500 pelanggan yang mempunyai tahun kewangan yang berakhir pada tarikh yang sama; dan
- Juruaudit yang aktif dan terlibat dalam syarikat dan/atau perniagaan dengan menawarkan perkhidmatan selain daripada pengauditan.

SSM juga melakukan pemeriksaan awal terhadap keupayaan dan akauntabiliti Pelikuidasi dalam menjalankan tanggungjawab dan tugas mereka melalui penyerahsimpan Borang 65 dari tahun 2006 sehingga 2010. Melalui pemeriksaan tersebut, seramai 76 Pelikuidasi telah dikenal pasti untuk menjalani pemeriksaan fizikal.

Skop pemeriksaan difokuskan kepada:

- Pelantikan, penyingkiran atau peletakan jawatan Pelikuidasi dan perubahan alamat pejabat di bawah Seksyen 280(1) dan (3) Akta Syarikat 1965.
- Penyata Hal Ehwal Syarikat di bawah Seksyen 234(3) Akta Syarikat 1965.
- Laporan oleh Pelikuidasi di bawah Seksyen 235 Akta Syarikat 1965 dan Peraturan 36 dan 37 Peraturan Syarikat (Penggulungan) 1972.
- Akaun Pelikuidasi di bawah Seksyen 281(1), 281(2) dan 281(3) Akta Syarikat 1965.
- Notis bahawa syarikat adalah di bawah likuidasi di bawah Seksyen 283(1) Akta Syarikat 1965.

Sehingga 31 Disember 2011, 80% atau 1,531 daripada 1,909 orang juruaudit syarikat masih lagi aktif dan terlibat dalam 1,467 firma audit yang berdaftar dan beroperasi di seluruh Malaysia. Sementara itu, SSM juga telah menerima 27 permohonan untuk mendaftarkan firma audit baharu.

Kategori bagi firma audit yang berdaftar adalah seperti jadual berikut:


Kategori Firma	Tahun	
	2010	2011
Milikan Tunggal	1,063	1,052
Perkongsian	416	415

Selaras dengan pemeriksaan yang dijalankan sepanjang 2011, SSM telah mengambil tindakan penguatkuasaan seperti berikut:

- 14 buah firma audit berdaftar telah di kompaun di bawah Peraturan 8A (4) kerana kegagalan untuk menyerahkan Borang 5 dalam tempoh satu bulan selepas perubahan butiran firma audit atau rakan kongsi.
- 2 orang juruaudit telah di kompaun kerana kegagalan untuk mematuhi peruntukan Seksyen 9(1)(c)(iii) Akta Syarikat 1965 disebabkan juruaudit tersebut telah bertindak sebagai juruaudit kepada syarikat yang mana rakan kongsi beliau merupakan pengarah kepada syarikat terbabit dalam tempoh masa yang sama.
- Satu kes juruaudit telah dikemukakan ke Bahagian Siasatan disebabkan kegagalan untuk mengemukakan dokumen sebagaimana yang dikehendaki oleh Pendaftar Syarikat di bawah Seksyen 7B(2) Akta Syarikat 1965.

Pindaan Akta Syarikat 1965 pada tahun 2007 juga telah mengambil kira fungsi-fungsi dan peranan juruaudit. Antara pindaan tersebut adalah berkenaan dengan kewajipan juruaudit syarikat awam untuk melaporkan apa-apa penipuan dan ketidakjujuran yang dilakukan oleh mana-mana pegawai syarikat seperti yang diperuntukkan di bawah Seksyen 174(8A). Sejak tarikh berkuatkuasa terhadap pematuhan Seksyen tersebut, SSM telah menerima beberapa laporan daripada beberapa buah firma audit. Bilangan laporan yang diterima adalah seperti berikut:

Bilangan Laporan yang diterima di bawah Seksyen 174(8A)



Hasil daripada pemeriksaan awal yang telah dijalankan, didapati sebanyak 28% daripada kes-kes yang dilaporkan merupakan kes yang dikategorikan di bawah kesalahan serius. SSM akan mengambil tindakan yang sewajarnya sekiranya kes memerlukan tindakan siasatan lanjut.

PEMANTAUAN KE ATAS SYARIKAT BERHAD MENURUT JAMINAN (SBMJ)

Sehingga 31 Disember 2011, sejumlah 1,587 SBMJ telah diperbadankan dengan tahap pematuhan berada pada kadar 88.47% iaitu peningkatan sebanyak 2.24% berbanding kadar pematuhan pada tahun 2010. Pemeriksaan ke atas SBMJ diteruskan sepanjang tahun untuk memastikan tahap pematuhan menurut peruntukan Akta Syarikat 1965.

Sejajar dengan pemeriksaan yang dijalankan, SSM telah mengambil tindakan penguatkuasaan seperti berikut:

- Surat Tunjuk Sebab mengenai isu-isu ketidakpatuhan di bawah Akta Syarikat 1965 telah dihantar ke empat SBMJ.
- 255 notis kompaun berhubung dengan ketidakpatuhan peruntukan Akta Syarikat 1965 telah dihantar kepada SBMJ dan pegawai-pegawai syarikat.
- Empat SBMJ telah dirujuk kepada Bahagian Pendakwaan atas ketidakpatuhan kepada peruntukan Akta Syarikat 1965.

PEMANTAUAN SETIAUSAHA SYARIKAT

Sehingga 31 Disember 2011, terdapat seramai 9,677 orang setiausaha syarikat berlesen dan 51,911 pula merupakan ahli-ahli badan profesional yang layak bertindak sebagai setiausaha syarikat di Malaysia.

Pada tahun 2011, SSM telah menerima sebanyak 177 permohonan baharu bagi lesen setiausaha syarikat, ini menunjukkan peningkatan sebanyak 106% berbanding 86% pada tahun 2010. Daripada 152 calon, hanya 64 yang mendapat lesen manakala 64 telah gagal dan baki seramai 24 calon gagal untuk menghadiri sesi temuduga.

Selaras dengan pendekatan 'Penguatkuasaan Seimbang', pelbagai tindakan pentadbiran telah diambil terhadap setiausaha syarikat yang melakukan kesalahan di bawah Akta Syarikat 1965.

Pada tahun 2011, sebanyak 13 orang setiausaha syarikat berlesen dan empat orang setiausaha syarikat daripada ahli-ahli badan-badan yang diiktiraf telah diberikan surat amaran kerana gagal bertindak jujur dan gagal menunaikan kewajipan mereka sebagai setiausaha syarikat; 18 orang setiausaha syarikat berlesen telah menerima surat tunjuk sebab, 363 orang pengarah syarikat telah menerima surat peringatan kerana membenarkan setiausaha syarikat bertindak secara langsung selepas tamat tempoh lesen dan empat orang setiausaha syarikat yang terdiri daripada ahli-ahli badan-badan yang diiktiraf telah dirujuk kepada badan masing-masing untuk tindakan selanjutnya berikutan aduan yang diterima daripada orang ramai.

SIASATAN

SSM telah memperluaskan hubungan dengan agensi –agensi pengawalselia dan korporat dalam usaha untuk memerangi peningkatan jumlah jenayah kolar putih yang melibatkan tokoh-tokoh korporat dan tokoh masyarakat.

Satu seminar kerjasama dan perkongsian maklumat (*Networking Session & Sharing Information*) telah dianjurkan pada 4 April 2011 dan dihadiri oleh wakil-wakil agensi penguatkuasaan, institusi perbankan serta syarikat telekomunikasi. Seminar ini bermatlamat untuk mewujudkan hubungan erat dan kerjasama antara agensi bagi tindakan terhadap jenayah kolar putih.

SSM sekali lagi telah diberikan penghormatan sebagai Sekretariat Jawatankuasa Bersama Memerangi Jenayah Kolar Putih yang ditubuhkan oleh Kabinet dan dipengerusikan oleh YB Menteri KPDNKK manakala Jawatankuasa Kerja diterajui oleh SSM. Mesyuarat Jawatankuasa Kerja telah diadakan pada 23 Ogos 2011 dan mesyuarat Jawatankuasa Kerja pada 22 Februari 2011 manakala mesyuarat Jawatankuasa Bersama diadakan pada 22 Februari 2011. Keputusan mesyuarat Jawatankuasa telah dilaporkan kepada Kabinet dan mendapat liputan yang luas oleh media tempatan. Jawatankuasa ini berperanan dalam penyelarasan


tugas antara agensi-agensi yang terlibat bagi mengelakkan pertindihan dalam tindakan siasatan.

Di samping itu, SSM telah dipilih sebagai ahli dalam pasukan petugas (*task force*) peringkat tinggi yang diterajui oleh Pejabat Peguam Negara bersama dengan beberapa buah agensi antaranya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia, Lembaga Hasil Dalam Negara, Bank Negara Malaysia dan Kastam DiRaja Malaysia. Pemilihan ini jelas menunjukkan pengiktirafan ke atas peranan SSM dalam memerangi jenayah kolar putih serta kredibiliti pegawai-pegawai penyiasat SSM. Sebagai ahli "Ops 3B", pasukan penyiasat SSM terlibat secara aktif di dalam projek pasukan petugas peringkat tinggi yang diketuai oleh LHDN (turut dianggotai oleh SPRM dan KDRM) dalam serbuan serta siasatan bersama terhadap 14 syarikat di bawah Akta Syarikat 1965 dan Akta Pendaftaran Perniagaan 1956. Pada masa yang sama, dua orang pegawai penyiasat dari Bahagian Siasatan telah ditempatkan sepenuh masa bersama pasukan petugas peringkat tinggi ini atas permintaan Pejabat Peguam Negara.

KERTAS SIASATAN (IP) BAHARU YANG DIBUKA DAN SIASATAN YANG SELESAI

Pada tahun 2011, sejumlah 400 kes telah disiasat atas pelbagai kesalahan di bawah Akta Syarikat 1956 dan Akta Pendaftaran Perniagaan 1965. Sejumlah 172 kertas siasatan (IP) telah dibuka dan 188 IP telah selesai.

Berikut adalah pecahan mengikut bilangan kes dan jenis kesalahan yang disiasat:




Daripada jumlah IP yang selesai, 103 merupakan kes-kes penipuan yang berkaitan pelanggaran tugas - tugas yang diamanahkan, yang telah dirujuk kepada pendakwaan bagi tindakan prosiding mahkamah. Jadual menunjukkan pecahan IP:

KERTAS SIASATAN TADBIR URUS KORPORAT (IPS) YANG SELESAI


Terdapat peningkatan ketara dalam bilangan IP yang dibuka untuk siasatan berhubung dengan kes-kes yang berkaitan dengan pelanggaran kewajipan fidusiari pengarah. Ini adalah selaras dengan objektif untuk meningkatkan tahap tadbir urus korporat di Malaysia. Pada November 2011, pasukan penyiasat SSM telah berjaya menyelesaikan sejumlah besar kes-kes tadbir urus korporat yang disiasat di bawah Seksyen 132 Akta Syarikat 1965.

Jadual menunjukkan kes-kes yang telah diselesaikan di bawah Seksyen 131, 132, dan 133 Akta Syarikat 1965 termasuk IP yang dirujuk kepada Timbalan Pendakwa Raya untuk tindakan selanjutnya:



KERTAS SIASATAN (IP) BERPROFIL TINGGI YANG SELESAI

Berikut adalah siasatan-siasatan berprofil tinggi yang selesai dan telah merujuk kepada seksyen pendakwaan untuk tindakan mahkamah.



PENDAKWAAN

Pada tahun 2011, SSM telah mendaftarkan sebanyak 9,806 kes di bawah Akta Syarikat 1965 dan Akta Pendaftaran Perniagaan 1956 di seluruh Malaysia. Daripada jumlah keseluruhan kes yang didaftarkan, sebanyak 9,730 kes melibatkan kesalahan lazim manakala 76 kes melibatkan kesalahan tadbir urus korporat. Jadual pada mukasurat 59 menunjukkan jumlah kes yang didaftarkan pada tahun 2011.

SABITAN YANG DIKENAKAN HUKUMAN PENJARA

Tahun 2011 juga telah menyaksikan seramai 5 pengarah syarikat dikenakan hukuman penjara antara tempoh sehari hingga sebulan bagi kesalahan-kesalahan yang telah dilakukan di bawah Akta Syarikat 1965. Butir-butir kesalahan adalah seperti berikut:

Seksyen 366(1) Akta Syarikat 1965

Tertuduh telah didakwa di bawah Seksyen 366(1) Akta Syarikat 1965 atas kesalahan dengan secara tipuan mendorong sebuah syarikat untuk membayar sejumlah RM10,320,750.00 atas persetujuan membekalkan 'Diesel Petronas'. Hasil

siyasatan mendapati 'Diesel Petronas' tersebut tidak pernah dibekalkan kepada syarikat yang berkenaan dan wang pembayaran tersebut didapati telah dimasukkan ke dalam akaun persendirian tertuduh. Mahkamah Sesyen telah menjatuhkan hukuman penjara selama sebulan dan denda sebanyak RM100,000.00 ke atas tertuduh.

Seksyen 132(1) Akta Syarikat 1965

Pengarah syarikat Golden Rome Sdn. Bhd. telah didakwa atas kesalahan gagal menjalankan tanggungjawabnya sebagai pengarah syarikat apabila beliau didapati telah menggunakan syarikat lain iaitu TYT Resources Sdn. Bhd. untuk menuntut bayaran wang yang sepatutnya dituntut oleh Golden Rome Sdn. Bhd. dan seterusnya telah menggunakan wang hutang tersebut untuk kepentingan TYT Resources Sdn. Bhd. Mahkamah Sesyen memutuskan bahawa pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan kes melampaui keraguan munasabah diakhir kes pembelaan. Mahkamah telah menjatuhkan hukuman satu bulan penjara dan denda sebanyak RM10,000.00.



Kategori Kesalahan Lazim

Kategori Kesalahan di bawah Akta Syarikat 1965 dan Akta Pendaftaran Perniagaan 1956		Jumlah Kes yang didaftar
a	Seksyen 143(1) Akta Syarikat 1965 - Kegagalan mengadakan mesyuarat agung tahunan	2,542
b	Seksyen 165(4) Akta Syarikat 1965 - Kegagalan menyerahkan penyata tahunan	4,750
c	Seksyen 169(1) Akta Syarikat 1965 - Kegagalan untuk membentangkan akaun untung & rugi dalam mesyuarat agung tahunan dalam masa yang ditetapkan	1,952
d	Seksyen 12(1)(a) Akta Pendaftaran Perniagaan 1956 - Menjalankan perniagaan tanpa pendaftaran	68
e	Seksyen 12(1)(b) Akta Pendaftaran Perniagaan 1956 - Menjalankan perniagaan selepas pendaftaran tamat tempoh	339
f	Seksyen 12(1)(c) Akta Pendaftaran Perniagaan 1956 - Kegagalan mematuhi mana-mana saman atau kehendak Pendaftar tanpa sebab yang sah	2
g	Seksyen 12(1)(e) Akta Pendaftaran Perniagaan 1956 - Menentang atau menghalang Pendaftar, mana-mana pemeriksaan atau mana-mana pegawai Suruhanjaya dalam melaksanakan tugas-tugasnya	2
h	Seksyen 12(2) Akta Pendaftaran Perniagaan 1956 - Kegagalan mempamerkan Sijil Pendaftaran Perniagaan	42
i	Kaedah 17A(1)(b) Kaedah-Kaedah Pendaftaran Perniagaan 1956 - Kegagalan untuk menyerahkan butir-butir pendaftaran perniagaan	9
j	Kaedah 17A(2) Kaedah-Kaedah Pendaftaran Perniagaan 1956 - Kegagalan untuk mempamerkan papan tanda	24
JUMLAH		9,730

Kategori Kesalahan Tadbir Urus Korporat

Kategori Kesalahan di bawah Akta Syarikat 1965 dan Akta Pendaftaran Perniagaan 1956		Jumlah Kes yang didaftar
a	Seksyen 7D(5) Akta Syarikat 1965 - Kegagalan hadir di hadapan Pendaftar untuk diperiksa secara lisan di bawah Seksyen 7D(1)	1
b	Seksyen 69F(2) Akta Syarikat 1965 - Kegagalan pemegang saham besar untuk memberi notis kepada syarikat mengenai perubahan kepentingannya	4
c	Seksyen 125(1) Akta Syarikat 1965 - Seorang yang bankrap dan masih belum dibebaskan daripada kebangkrutan bertindak sebagai pengarah syarikat	7
d	Seksyen 130(1)(b) Akta Syarikat 1965 - Menjadi pengarah atau penganjur apabila telah disabitkan di Malaysia atau di luar Malaysia dengan apa-apa kesalahan frod atau tidak jujur dihukum di atas kesalahan dengan penjara untuk tiga bulan atau lebih tanpa kebenaran Mahkamah	2
e	Seksyen 132(1) Akta Syarikat 1965 - Kegagalan melaksanakan kewajipan sebagai pengarah syarikat untuk kepentingan syarikat	14
f	Seksyen 364(2) Akta Syarikat 1965 - Orang yang membuat atau membenarkan buat, pernyataan palsu atau mengelirukan	15
g	Seksyen 363(3) Akta Syarikat 1965 - Dengan secara tipuan telah mempengaruhi orang ramai untuk membuat pelaburan	2
h	Seksyen 366(1)(a) Akta Syarikat 1965 - Mendorong secara tipuan mana-mana pihak bagi melaburkan wang	1
i	Seksyen 366(3) Akta Syarikat 1965 - Memperolehi bayaran wang kepada syarikat dengan sumpah palsu dan dengan niat untuk menipu	5
j	Seksyen 370(1) Akta Syarikat 1965 - Prosiding untuk penalti ingkar bagi kesalahan yang berterusan	17
k	Seksyen 12(1)(d) Akta Pendaftaran Perniagaan 1956 - Membuat atau membekalkan pernyataan palsu kepada Pendaftar	8
JUMLAH		76
JUMLAH KESELURUHAN		9,806

Seksyen 363(5), 366(5) dan 27(1) Akta Syarikat 1965

Tiga pengarah syarikat Island Red Café Franchise Sdn. Bhd. telah dituduh di bawah Seksyen 363(5), 366(5) dan 27(1) Akta Syarikat 1965 atas kesalahan dengan secara tipuan mendorong orang awam untuk melanggan saham syarikat. Ketiga-tiga pengarah tersebut telah disabitkan kesalahan dan dihukum dengan satu hari penjara serta denda sebanyak RM250,000.00.

Ringkasan Sabitan

No.	Kategori	Sabitan Kesalahan Tadbir Urus Korporat	Sabitan Kesalahan Ketidapatuhan	Jumlah Denda oleh Mahkamah
1.	Syarikat	-	145	RM70,390.00
2.	Pengarah	21	535	RM952,950.00
3.	Pemilik Perniagaan/ Individu	1	157	RM94,820.00
JUMLAH		22	837	RM1,118,160.00

PENCAPAIAN SABITAN PENDAKWAAN PADA TAHUN 2011

SSM telah berjaya memperolehi 145 sabitan terhadap syarikat dan 714 sabitan terhadap individu dan pengarah syarikat untuk kesalahan-kesalahan di bawah Akta Syarikat 1965 dan Akta Pendaftaran Perniagaan 1956. Denda sebanyak RM1,118,160.00 telah dikenakan oleh mahkamah-mahkamah di seluruh Malaysia. Jadual di bawah merupakan ringkasan jumlah sabitan yang telah diperolehi sepanjang tahun 2011:

LITIGASI

Terdapat peningkatan fail-fail litigasi sivil baharu pada tahun ini. Bilangan fail yang dibuka telah meningkat tiga kali ganda daripada 59 fail pada tahun 2010 kepada 183 fail pada tahun 2011. Mahkamah telah memberikan keputusan penting di dalam beberapa kes di mana SSM terlibat.

ULASAN KES-KES SIVIL PENTING MELIBATKAN SSM

i) Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur Saman Pemula No. D-24-27-2009 : Profitable Plots Sdn. Bhd. v SSM

Ini merupakan permohonan untuk satu deklarasi bahawa perniagaan Plaintiff bukan merupakan skim kepentingan dan tidak perlu mematuhi syarat-syarat di bawah Bahagian IV Divisyen 5 Akta Syarikat 1965. Profitable Plots Sdn. Bhd. (Plaintiff) telah menawarkan beberapa bidang

tanah di United Kingdom untuk dibeli oleh orang awam Malaysia bagi tujuan pelaburan.

SSM telah membantah model perniagaan plaintiff yang merupakan satu skim kepentingan dengan alasan-alasan berikut:

- Perniagaan plaintiff bukan perjanjian jual beli secara terang-terangan;
- Ini merupakan skim kepentingan dan seorang Pemegang Amanah telah dilantik;

- Para pelabur tiada hak untuk menggunakan tanah itu oleh sebab bidang tanah terlalu kecil dan berada di kawasan hutan simpan;
- Para pelabur dikehendaki menjual tanah mereka kepada Pemegang Amanah yang dilantik oleh Plaintiff;
- Bahagian IV Divisyen 5 adalah untuk melindungi orang awam dan kes ini merupakan satu contoh kes di mana perlindungan orang awam adalah yang diutamakan.

Hakim Mahkamah Tinggi Yang Arif Dato' Tengku Maimun membenarkan bantahan SSM dengan kos dibayar kepada SSM. Plaintiff dikehendaki mematuhi syarat-syarat di bawah Bahagian IV Divisyen 5 Akta Syarikat 1965.

Plaintiff telah memfailkan rayuan di Mahkamah Rayuan terhadap keputusan ini dan masih belum selesai.

ii) Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur Saman Pemula No. 24NCC-85-2010: Highland & Lowlands Berhad v SSM

Kes ini melibatkan 'corporate hijacking'. Highland & Lowlands Berhad merupakan anak syarikat kepada Sime Darby Berhad. Syarikat ini mempunyai tanah bernilai di Sg Buloh yang bernilai beberapa juta ringgit. Terdapat pihak tertentu yang telah menyerahsimpan dokumen-dokumen palsu dengan SSM bagi tujuan

mengambil alih kuasa syarikat dengan niat untuk menjual tanah tersebut.

Pihak yang menipu telah memfailkan pelbagai tindakan undang-undang untuk melemahkan usaha Sime Darby Berhad membuat pembetulan kepada rekod-rekod di SSM.

Dalam tindakan ini, SSM telah membantah permohonan pihak yang menipu untuk mendapatkan deklarasi Mahkamah bahawa mereka adalah pengarah-pengarah yang sah Highlands & Lowlands Berhad. Alasan-alasan kami adalah:

- SSM telah memasuki penghakiman persetujuan dengan Sime Darby Berhad berkenaan dengan komposisi sebenar pengarah-pengarah Highlands & Lowlands Berhad; dan
- Pihak yang menipu telah memfailkan pelbagai tindakan Mahkamah tetapi enggan bekerjasama dengan SSM dalam siasatan walaupun notis-notis rasmi telah dikeluarkan.

Berdasarkan alasan-alasan di atas, Mahkamah menolak permohonan tersebut dengan kos dibayar kepada SSM. Maklumat syarikat Highlands & Lowlands Berhad di SSM telah dibetulkan untuk menunjukkan pihak-pihak sah yang telah dilantik oleh Sime Darby Berhad.

iii) **Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur Petisyen No. D-26NCC-102-2010: Ahmad bin Haron v SSM**

Ini merupakan permohonan untuk memasukkan semula nama syarikat 'Mofza Engineering Sdn. Bhd.' di bawah Seksyen 308(5) Akta Syarikat 1965.

Kes ini merupakan kes pertama SSM membuat bantahan kepada permohonan memasukkan semula nama syarikat yang telah dibatalkan di bawah Seksyen 308 Akta Syarikat 1965.

SSM telah membantah atas alasan-alasan berikut:

- pengarah syarikat telah membuat permohonan untuk pembatalan nama syarikat daripada daftar syarikat secara sukarela;

- peruntukan pembatalan nama syarikat tidak patut digunakan mengelak daripada pihak ketiga; dan
- pengarah-pengarah tidak menunjukkan urus tadbir korporat yang baik berdasarkan rekod-rekod pematuhan syarikat ini.

Hakim Mahkamah Tinggi Yang Arif K Anantham membenarkan bantahan SSM dengan kos dibayar kepada SSM.

Pemohon telah memfailkan rayuan di Mahkamah Rayuan tetapi telah menarik balik rayuan itu pada bulan Julai 2011.

iv) **Mahkamah Tinggi Ipoh Petisyen No. 26-1-2011: Md Mustamam bin Lope v SSM**

Pemohonan ini adalah di bawah Seksyen 308(5) Akta Syarikat 1965 untuk memasukkan semula nama syarikat 'Kitasedia Diversified Resources Sdn. Bhd.'.

Pemohon menyatakan syarikat tersebut masih aktif. Pernyataan ini adalah bertentangan dengan deklarasi Pemohon kepada SSM apabila membuat permohonan untuk memotong nama syarikat tersebut daripada daftar syarikat di bawah Seksyen 308(1) Akta Syarikat 1965.

SSM membantah permohonan tersebut berdasarkan alasan-alasan yang berikut:

- Berdasarkan keputusan terdahulu yang diputuskan oleh Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur dalam kes Mofza Engineering Sdn. Bhd., Mahkamah hendaklah lebih berhati-hati apabila membenarkan permohonan untuk memasukkan semula nama syarikat selepas pengarah sendiri telah membuat permohonan untuk memotong nama syarikat;
- Kemungkinan pengarah ingin mengelak daripada liabiliti dengan pihak ketiga melalui pemotongan nama syarikat. Pengarah akan memohon untuk memasukkan semula nama syarikat selepas beberapa tahun;
- Syarikat ini tidak menyediakan bukti yang mencukupi untuk menunjukkan yang ia masih aktif.

Mahkamah membenarkan bantahan SSM dan memutuskan bahawa pemohon gagal memberi bukti bahawa syarikat masih aktif pada masa nama syarikat dibatalkan. Tambahan pula mahkamah berpendapat bahawa SSM telah mengikut prosedur untuk memotong nama berdasarkan syarikat gagal menyerahsimpan penyata tahunan dan akaun beraudit untuk beberapa tahun. SSM telah bersetuju dengan kos RM5,000.00 setelah defendan memohon pengurangan dari RM20,000.000

AKADEMI LATIHAN SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA (COMTRAC)

Akademi Latihan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (COMTRAC) menerajui pendidikan dan latihan korporat berterusan kepada pihak-pihak berkepentingan. Penubuhan COMTRAC pada 1 April 2007 adalah selaras dengan fungsi SSM yang ditetapkan di bawah Seksyen 17 (d) Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001:

“Fungsi Suruhanjaya adalah untuk mendorong dan menggalakkan tatalaku yang sepatutnya di kalangan pengarah, setiausaha, pengurus dan pegawai lain sesuatu perbadanan, dan pengawalseliaan diri oleh perbadanan, syarikat, perniagaan, kumpulan perindustrian dan badan ikhtisas dalam sektor korporat demi untuk memastikan bahawa segala kegiatan korporat dan perniagaan dijalankan mengikut norma-norma yang telah mantap mengenai pentadbiran korporat yang baik”

PANEL PENASIHAT AKADEMI LATIHAN SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA

Anggota Suruhanjaya SSM dengan sokongan dari Panel Penasihat daripada sektor awam dan swasta serta ahli akademik yang ternama telah menyediakan hala tuju strategik SSM dalam menyediakan latihan bagi pihak-pihak yang berkepentingan. Panel-panel Penasihat ini dianggotai oleh:

1. **Prof. Dr. Aishah Bidin (Pengerusi),**
Dekan Fakulti Undang-undang,
Universiti Kebangsaan Malaysia.
2. **Encik Wong Weng Seong,**
Ketua Penasihat
BDO Binder Malaysia.
3. **Dato’ Sri Abu Kassim Mohamed,**
Ketua Suruhanjaya
Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia
4. **Encik Chen Voon Hann,**
Rakan Kongsi CAS & Associates dan
Ketua Pegawai Eksekutif CAS International
5. **Datuk Idris Abdullah**
Rakan Kongsi Utama
Idris & Co. Advocates.
6. **Dato’ Azmi bin Ariffin,**
Ketua Pegawai Eksekutif
Suruhanjaya Syarikat Malaysia
7. **Datuk Ali Abdul Kadir,**
Mantan Pengerusi
Suruhanjaya Sekuriti Malaysia.

SSM telah menaik taraf sistem perpustakaan dengan membangunkan sistem Virtual Library (V-Lib) pada tahun 2011. Sistem ini membolehkan pengguna perpustakaan untuk mendapatkan/memaparkan bahan seperti buku, majalah, jurnal/artikel, keratan akhbar, laporan dan dokumen lain yang berkaitan. Proses pengkatalogan, pengindeksan, pencarian, tempahan dan ketersediaan buku dilakukan secara dalam talian.


PENYUSUNAN SEMULA LATIHAN DALAMAN DAN MENYEDIAKAN PERKHIDMATAN E-LEARNING UNTUK PEKERJA SSM

Pada tahun 2011, COMTRAC telah meneruskan pelaksanaan pelbagai program pembangunan sumber manusia selaras dengan fungsinya untuk membangun dan meningkatkan kecekapan pekerja SSM.

Salah satu daripada fungsi utama COMTRAC ialah membangun dan meningkatkan kecekapan warga SSM. Sehubungan dengan itu, COMTRAC telah melaksanakan sebanyak 48 program latihan yang meliputi pelbagai tahap kecekapan yang diperlukan oleh pekerja SSM seperti undang-undang syarikat, proses dan prosedur operasi, polisi sumber manusia dan pentadbiran, kemahiran ICT, perakaunan dan analisa kewangan serta kemahiran berbahasa Inggeris. Program-program latihan ini telah dihadiri oleh 1,122 pekerja SSM. Di samping itu, seramai 82 pekerja SSM telah menyertai 14 Program Pembangunan Korporat yang dilaksanakan khusus untuk pihak-pihak berkepentingan.

Bilangan program latihan yang dilaksanakan adalah sebanyak 48 berbanding 67 program yang dijadualkan bagi tahun 2011. Semakan yang dilakukan pada pertengahan tahun ke atas program menunjukkan keperluan penyusunan semula kepada perancangan asal supaya program-program latihan yang dirancang adalah lebih efektif dan memberi impak kepada pekerja. Hasil daripada semakan ini didapati sebahagian program boleh digabungkan manakala sebahagian yang lain telah menjadi tidak relevan disebabkan perubahan dalam keperluan pekerjaan.

Carta menunjukkan varian mengikut klasifikasi program



ANJAKAN PARADIGMA

Sejak empat (4) tahun Seksyen Pembangunan Pekerja ditubuhkan, seksyen ini kini menghadapi pelbagai masalah terutamanya isu penurunan jumlah penyertaan pekerja SSM dalam program latihan yang dicadangkan sebagaimana yang ditunjukkan dijadual berikut:

Tahun	Bilangan Modul	Bilangan Latihan	Bilangan Peserta
2007	11	12	407
2008	43	55	1,631
2009	63	106	2,150
2010	62	73	1,814
2011	47	48	1,122

Berdasarkan rancangan baharu COMTRAC, Seksyen Pembangunan Pekerja dikehendaki melaksanakan penyusunan semula modul latihan yang sedia ada dengan suntikan idea inovasi baharu. Penyusunan semula ini adalah hasil daripada dua sesi makmal mini (Mini Lab Session) untuk pihak-pihak berkepentingan dalaman yang dijalankan pada 18 dan 25 Mei 2011.

SSM sentiasa memberi penekanan kepada pembangunan dan melatih modal insan untuk merealisasikan strategi korporat. Pelbagai program latihan dalaman dan bengkel telah dijalankan sepanjang tahun untuk meningkatkan keberkesanan dan kecekapan pekerja. Program yang dijalankan pada tahun 2011 bagi pengurusan pertengahan SSM dan pekerja sokongan termasuk program *Leadership and Achieving Self Excellence, Executive Development, Succession Planning, Performance Enhancement, Customer Service*


Excellence, dan SSM 2011 *Program Top Management* bagi pengurusan Eksekutif SSM.

Pada tahun 2011, seramai 1,029 pekerja telah menghadiri program latihan berkaitan. Pekerja juga telah menghadiri program latihan di dalam dan di luar negara. Di samping memastikan latihan pementapan tahap kecekapan, Seksyen Integriti dan Tatatertib SSM turut menjalankan pelbagai seminar, kursus dan forum untuk pekerja mengenai isu-isu integriti dengan kerjasama agensi-agensi lain seperti di Institut Integriti Malaysia (IIM), Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan Polis DiRaja Malaysia (PDRM).

KD04 - MENYEDIAKAN PERKHIDMATAN E-LEARNING KEPADA PIHAK BERKEPENTINGAN LUARAN; KD07 - PUSAT LATIHAN TERKENAL

Pada tahun 2011, COMTRAC telah mengadakan sebanyak 177 seminar dan sesi latihan bagi pelbagai topik [2010: 152 sesi] yang telah dihadiri seramai 7,823 peserta luar [2010: 6,225].

Carta berikut menunjukkan perbandingan prestasi untuk tahun 2009, 2010 dan 2011:



Sebanyak 44 sesi latihan telah diadakan pada tahun 2011 dan 15 merupakan topik-topik baharu. Antara topik-topik tersebut adalah :-

- *Managing Board, Committees & Relationships - Workshop for PLCs*
- *Balancing Conflicting Interests in the Boardroom - Workshop for PLCs*
- *Practical Guide to Related Party Transactions*

- *1-Day Writing Effective Minutes Workshop*
- *2-Day Advanced Effective Minute Writing Workshop*
- *Run Effective AGM & EGM - Essential Guide to Company Secretaries of PLCs*
- *Talk on Challenges in International Financial Reporting Standards*
- *Transforming Corporate Governance into Action - Workshop for PLCs*
- *Independent Directors - Gatekeepers of Corporate Governance*
- *Getting Prepared for Taxation Audits and Investigation*
- The A-Z of Submission of Taxation Return 2010
- COMTRAC & Institute of Internal Auditors Malaysia Seminar 2011

Objektif KD07 Projek adalah untuk membangunkan modul latihan yang kontemporari, relevan dan dinamik bagi pihak-pihak yang berkepentingan domestik dan antarabangsa, memupuk pengetahuan asas kepada pihak korporat dan perniagaan ke arah mencapai kemapanan perniagaan dan menjalankan kerjasama yang mantap serta pendekatan strategik yang berimpak tinggi bagi pendidikan pihak berkepentingan.

PROGRAM LATIHAN PENGARAH KORPORAT (CDTP)

COMTRAC menawarkan 1-Hari CDTP dan 2-hari CDTP pada tahun 2011. CDTP telah dibangunkan supaya pengarah-pengarah dapat menjalankan tugas dan tanggungjawab mereka dengan cekap, berkesan dan selaras dengan standard dan keperluan yang ditetapkan oleh Akta Syarikat 1965.

Pada tahun 2011, sebanyak lapan program 1-Hari CDTP telah dianjurkan berbanding 11 pada tahun 2010 dan dihadiri seramai 168 peserta berbanding 157 pada tahun 2010. Bagi program 2-Hari CDTP, sebanyak enam program telah dianjurkan berbanding 4 pada tahun 2010 dan dihadiri seramai 136 peserta berbanding 68 pada tahun 2010.

PROGRAM LATIHAN SETIAUSAHA BERLESEN (LSTP)

Mulai 2010, Program Latihan Setiausaha Berlesen (LSTP) adalah mandatori untuk semua setiausaha syarikat

yang diberikan lesen oleh Pendaftar Syarikat di bawah Seksyen 139A (b) Akta Syarikat 1965. LSTP ini bertujuan untuk memantapkan pengetahuan, kemahiran dan kecekapan setiausaha syarikat dalam peranan mereka sebagai penasihat kepada lembaga pengarah. LSTP terdiri daripada tiga tahap dan setiap tahap mempunyai dua modul. Setiausaha berlesen dikehendaki menghadiri semua tahap bagi program LSTP itu.

Pada tahun 2011, sebanyak 57 sesi LSTP berbanding 60 pada tahun 2010 telah dianjurkan di Kuala Lumpur, Sandakan, Miri, Sibul, Pulau Pinang, Kota Kinabalu, Kuching dan Johor Bahru yang dihadiri oleh 4,240 peserta berbanding 3,157 pada tahun 2010.

PROGRAM LATIHAN LUARAN IN-HOUSE YANG DIRANGKA KHUSUS

Pada tahun 2011, sebanyak 30 program latihan *in-house* khusus berbanding 17 pada tahun 2010 telah dijalankan khusus untuk pelbagai syarikat, organisasi dan institusi dan dihadiri seramai 800 orang berbanding 488 pada tahun 2010. Di antara organisasi utama yang terlibat ialah Perbadanan Usahawan Nasional Bhd, United Overseas Bank (M) Bhd, Maldives Airport Company Ltd, Akademi Pengarah Malaysia, Pembangunan Sumber Manusia Bhd, Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Perlis, Majlis Amanah Rakyat, PETRONAS, Johor Corporation, Maybank Bhd, Prokhas Sdn Bhd dan PPB Group Bhd.

USAHASAMA DENGAN ORGANISASI/BADAN-BADAN PROFESIONAL

Pelaksanaan Projek KD07 mengguna pakai pendekatan usahasama dengan pihak berkepentingan luar. Pada tahun 2011, COMTRAC telah bekerjasama dengan enam organisasi berbanding tiga pada tahun 2010 untuk menjalankan 16 program latihan bersama berbanding 10 pada tahun 2010 untuk seramai 859 peserta berbanding 921 pada tahun 2010.

PROGRAM-PROGRAM LATIHAN PERCUMA

Sebagai sebahagian daripada tanggungjawab korporat SSM, COMTRAC terus memberi latihan/seminar percuma untuk mendidik dan mewujudkan kesedaran di kalangan graduan universiti, siswazah menganggur dan usahawan. Pada tahun 2011, COMTRAC telah dijemput untuk menganjurkan latihan mengenai '*Start Your Own Business: Registration of Business and Incorporation of Companies*' dan lain-lain topik yang berkaitan yang melibatkan 39 sesi yang berasingan. Di samping itu, COMTRAC juga telah menghantar penceramah mereka bagi program penempatan silang antara agensi untuk pengetahuan teknikal dalam topik-topik seperti

penubuhan syarikat, aspek Akta Syarikat 1965, teknik penyiasatan, kesalihan di bawah Akta Syarikat 1965 dan lain-lain.

PERSIDANGAN KEBANGSAAN SSM 2011

Persidangan Kebangsaan SSM untuk julung kalinya diadakan pada 13 dan 14 Jun 2011 (SSMNC 2011) dengan tema “*Driving Business Transformation Dynamics through Regulations and Enforcement*”. Persidangan tersebut telah diadakan di Dewan Tun Dr Siti Hasmah, Menara SSM@Sentral, Kuala Lumpur dan dihadiri oleh 302 delegasi daripada sektor awam dan juga swasta.

Seramai 18 orang penceramah dan moderator telah membentangkan kertas kerja mereka dan membincangkan perkara-perkara seperti prinsip transformasi, penyampaian perkhidmatan awam, Akta Syarikat baharu, Perkongsian Liabiliti Terhad, kerjasama antara agensi penguatkuasaan, pengurusan aduan, penyiasatan dan lain-lain.

PEMBAHARUAN PENGAWALSELIAAN DAN PENERBITAN PANDUAN KEPADA PIHAK BERKEPENTINGAN

Pembaharuan kawal selia dan penerbitan Nota Amalan terus menjadi agenda utama SSM seiring dengan perubahan baru dan trend yang berkembang daripada senario nasional dan antarabangsa. Pengenalan rangka kerja undang-undang baru, kajian semula kepada undang-undang yang ditadbir oleh SSM serta penerbitan Nota Amalan merupakan inisiatif yang telah dijalankan untuk meningkatkan daya saing negara. Ini adalah selaras dengan perkembangan dinamik dalam industri, serta mewujudkan rangka kerja perundangan yang kondusif, moden dan relevan. Inisiatif ini juga bertujuan untuk menggalakkan penglibatan orang awam menceburi bidang perniagaan serta menggalakkan pelabur asing ke negara kita.

PINDAAN KEPADA AKTA (LARANGAN) KUMPULAN WANG KUTU 1971

Pindaan kepada Akta (Larangan) Kumpulan Wang Kutu 1971 telah memperuntukkan hukuman yang lebih berat terhadap sesiapa yang menjalankan skim kutu dengan denda maksimum telah dinaikkan dari RM5,000 kepada RM500,000 dan tempoh maksimum hukuman penjara dinaikkan dari tiga tahun kepada sepuluh tahun. Tarikh pindaan baharu telah dikuatkuasakan pada 16 Ogos 2011.

PENGENALAN AKTA PERKONGSIAN LIABILITI TERHAD 2012

Pengenalan Akta Perkongsian Liabiliti Terhad 2012 (PLT) yang diperkenalkan sebagai mod baharu untuk menjalankan perniagaan di Malaysia telah diluluskan oleh Dewan Negara pada 21 Disember 2011. Akta Perkongsian Liabiliti Terhad 2012 dijangka akan di laksanakan sepenuhnya pada tahun 2012.

Melalui pengenalan PLT ini, orang ramai akan memiliki lebih banyak pilihan untuk menjalankan perniagaan mereka selain daripada bentuk perniagaan bercorak tradisional sama ada dalam bentuk syarikat, milikan tunggal atau perkongsian.

Sebagai usaha untuk mewujudkan kesedaran di kalangan komuniti perniagaan mengenai undang-undang baharu ini, SSM akan menjalankan program-program kesedaran selama enam bulan di seluruh negara serta juga bekerjasama dengan badan-badan profesional untuk melaksanakan program-program ini.

RANG UNDANG-UNDANG SYARIKAT BAHARU

Rang Undang-undang Syarikat yang baharu telah didrafkan bagi menggantikan Akta Syarikat 1965 dan dijangka akan dibentangkan di Parlimen pada tahun 2012 atau awal tahun 2013. Rang Undang-undang Syarikat ini akan memperkenalkan perubahan besar kepada rangka kerja undang-undang korporat di Malaysia secara keseluruhan. Cadangan perubahan ini bertujuan:

- a) mempermudah undang-undang dan prosedur berhubung pemerbadanan syarikat;
- b) memperkenalkan rejim syer tanpa nilai tara (*no par value regime*) dan memudahkan pengurusan elektronik dan memperkenalkan perubahan rejim penyelenggaraan modal;
- c) mempermudah proses membuat keputusan dalaman bagi sesebuah syarikat;
- d) memperkukuhkan struktur tadbir urus korporat;
- e) mempermudah proses penggulungan syarikat;
- f) memperkenalkan mekanisme alternatif bagi melindungi syarikat korporat yang mengalami masalah kewangan; dan
- g) memodenkan rejim penguatkuasaan.

AKTA SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA 2001 (PINDAAN)

Pindaan juga dibuat kepada Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001 untuk membolehkan SSM memainkan peranan utamanya dengan lebih cekap dan berkesan dalam meningkatkan daya saing Malaysia di pasaran antarabangsa.

PENGENALAN RANG UNDANG-UNDANG SKIM KEPENTINGAN

Sebagai sebahagian daripada usaha untuk menggalakkan penubuhan perniagaan skim kepentingan di Malaysia, SSM telah mengambil langkah untuk menyemak semula peruntukan yang sedia ada mengenai skim kepentingan di bawah Akta Syarikat 1965. SSM telah mencadangkan peruntukan bagi skim kepentingan perundangan yang berasingan bagi mewujudkan persekitaran perundangan yang lebih kondusif bagi pertumbuhan industri skim kepentingan.

Penggubalan Rang Undang-Undang Skim Kepentingan dijangka dimuktamadkan menjelang suku tahun kedua 2012.

Pada dasarnya, cadangan Rang Undang-Undang Skim Kepentingan dirangka dengan objektif berikut:

- a) untuk mencadangkan skim kepentingan sebagai salah satu alternatif kepada syarikat yang mengumpul dana (*fund raising*);
- b) untuk memperjelaskan kerangka undang-undang bagi skim-skim yang dijalankan berasaskan prinsip "*common enterprise*" dan dikawalselia sebagai bukan sekuriti (*non-securities*); dan
- c) untuk mempertingkatkan mekanisme perlindungan dalam memelihara kepentingan pemegang-pemegang skim kepentingan.

Rang Undang-Undang Skim Kepentingan baharu dijangka menyediakan kerangka yang sesuai untuk skim kepentingan yang sedang beroperasi dan memberi potensi besar untuk pertumbuhan PKS dalam industri skim kepentingan.

PENERBITAN NOTA-NOTA AMALAN 2011

Sebagai sebahagian daripada usaha SSM yang berterusan untuk membantu pihak-pihak berkepentingan

dalam pemahaman dan pematuhan peruntukan-peruntukan di dalam Akta Syarikat 1965, sejumlah empat Nota Amalan telah diterbitkan pada tahun 2011:

- a) **Nota Amalan 10/2011** - Penyerahsimpanan penyata tahunan di mana Mesyuarat Agung Tahunan tidak dapat diadakan kerana kekurangan kuorum

Nota Amalan ini dikeluarkan dengan tujuan untuk memaklumkan mengenai maklumat serta prosedur yang perlu dipatuhi berkenaan dengan penyerahsimpanan penyata tahunan oleh syarikat di mana Mesyuarat Agung Tahunan tidak dapat diadakan disebabkan kekurangan kuorum dalam keadaan-keadaan tertentu.

- b) **Nota Amalan 11/2011** - Penjelasan mengenai isu sama ada sesebuah persatuan boleh menjadi ahli sesebuah syarikat

Nota Amalan ini dikeluarkan dengan tujuan untuk memperjelaskan kepada pihak-pihak berkepentingan sama ada sesebuah persatuan dibenarkan menurut undang-undang untuk menjadi ahli sesebuah syarikat dan keperluan-keperluan lanjut yang berkaitan.

- c) **Nota Amalan 12/2011** - Program pematuhan untuk menggalakkan penyerahsimpanan penyata tahunan dan penyata kewangan beraudit mengikut tempoh yang ditetapkan

Nota Amalan ini dikeluarkan sebagai nasihat agar syarikat-syarikat mematuhi program pematuhan bagi menggalakkan penyerahan penyata tahunan dan penyata kewangan beraudit mengikut tempoh yang ditetapkan.

- d) **Nota Amalan 13/2011** - Keadaan dan prosedur untuk pembedahan atau ratifikasi ke atas dokumen-dokumen yang telah diserahsimpan dan didaftarkan dengan SSM

Nota Amalan ini dikeluarkan dengan tujuan untuk memaklumkan mengenai prosedur yang perlu dipatuhi oleh syarikat yang ingin membuat pembedahan atau ratifikasi ke atas sebarang dokumen yang telah diserahsimpan dan didaftarkan dengan SSM.

3. LAPORAN PENGLIBATAN DAN KERJASAMA PIHAK BERKEPENTINGAN

Sejak beberapa tahun yang lalu SSM telah berusaha untuk mengekalkan hubungan baik dengan pihak-pihak berkepentingan. SSM sedar penglibatan pihak yang berkepentingan ini merupakan sebagai komponen penting dalam pendekatan holistik untuk mencapai matlamat bagi menjadikan Malaysia sebagai destinasi pilihan perniagaan di rantau ini.

SSM mengakui betapa pentingnya hubungan rapat dalam mempromosikan pemahaman yang lebih baik dan kerjasama di kalangan pihak-pihak berkepentingan supaya undang-undang dan perkhidmatan mendapat sokongan komuniti perniagaan yang lebih luas. Sebenarnya, banyak pembaharuan dan inisiatif telah diambil hasil daripada maklum balas yang membina daripada pihak berkepentingan.

Pada tahun ini, SSM telah menganjurkan dan mengambil bahagian dalam beberapa aktiviti untuk mempromosi dan mewujudkan kesedaran yang lebih besar di kalangan orang ramai terhadap jenama SSM. Matlamat keseluruhan adalah untuk memastikan bahawa golongan yang berkenaan memahami dasar-dasar SSM, dan menyokong matlamatnya. Selain daripada itu, SSM telah menganjur dan mengambil bahagian secara agresif dalam wawancara media serta siaran berita yang dikeluarkan.

Hasilnya, kempen media mendapat liputan positif dari media cetak dan media elektronik telah membantu menyampaikan mesej utama SSM mengenai tadbir urus korporat, peningkatan sistem penyampaian awam dan isu-isu penguatkuasaan yang berkaitan. Melalui usaha ini, komuniti korporat dan perniagaan telah dimaklumkan mengenai segala aspek terkini tentang SSM.

FORUM RUNDINGAN AMALAN KORPORAT

Pada tahun 2011, SSM telah menganjurkan dua Forum Rundingan Amalan Korporat (CPCF) di Kuala Lumpur. Selain daripada mempromosi kerjasama yang lebih erat antara SSM dan ahli badan profesional, CPCF juga merupakan satu platform perundingan bersama dan perbincangan isu amalan korporat. Berikut adalah topik yang disampaikan semasa forum diadakan:

- a) Garis Panduan bagi permohonan untuk membatalkan nama syarikat yang tidak lagi aktif di bawah seksyen 308(1) Akta Syarikat 1965 semasa tempoh moratorium;

- b) Kadar penggunaan 1-Hari Pemerbadanan Syarikat (*1-Day Incorporation*) dan Nombor Identiti Korporat Malaysia atau MyCoLD (*Malaysia Corporate Identity Number*);
- c) Garis Panduan bagi syarikat-syarikat berhad mengikut jaminan; dan
- d) Transformasi Memulakan Perniagaan di Malaysia.

SESI DIALOG TAHUNAN SSM

Sebanyak tiga sesi Dialog Tahunan telah dianjurkan di tiga tempat pada tahun 2011, yakni di Kuala Lumpur, Kuching, Sarawak dan Kota Kinabalu, Sabah.

Dialog Tahunan ini telah dihadiri oleh peserta dari pelbagai sektor yang terdiri daripada ahli-ahli dewan perniagaan, persatuan perdagangan, badan-badan berkanun dan syarikat berkaitan kerajaan (*GLC*). Selain daripada memupuk hubungan yang lebih erat, sesi dialog ini telah membolehkan SSM lebih memahami keperluan dan hasrat para pihak berkepentingan. Maklum balas membina yang diterima semasa sesi telah menyebabkan beberapa pembaharuan yang dilaksanakan sejak beberapa tahun yang lalu demi meningkatkan kecekapan SSM.

BUSINESS ENGAGEMENT CHAPTER (BEC) BERSAMA PERUSAHAAN KECIL DAN SEDERHANA (PKS)

PKS yang terdiri daripada 99% penubuhan perniagaan di negara ini merupakan pemacu utama bagi pertumbuhan ekonomi negara. Sebagai pengiktirafan peranan yang dimainkan oleh PKS, SSM telah mengadakan forum yang julung-julung kali diadakan pada 18 Oktober 2011 yang dikenali BEC (*Business Engagement Chapter*). Semasa forum diadakan, SSM telah membuat pembentangan yang tertumpu kepada tiga bidang utama seperti berikut:

- a) Kepentingan Pendidikan Korporat yang Berterusan dalam Persekitaran Perniagaan pada abad ke-21;
- b) Pindaan kepada Akta Syarikat 1965 dan Pengenalan Perkongsian Liabiliti Terhad; dan
- c) 1-Hari Pemerbadanan Syarikat (*1-Day Incorporation*) dan MyCoLD.

FORUM PENDAFTAR KORPORAT (CRF) 2011

CRF merupakan sebuah organisasi antarabangsa dan pendaftar sekuriti yang dianggotai oleh negara-negara dari Asia Pasifik dan juga negara - negara Hindia Barat (West Indies), negara-negara Arab, Amerika Selatan dan Afrika.

CRF bertujuan memberi peluang kepada delegasi untuk mengkaji perkembangan terkini dalam pendaftaran perniagaan korporat antarabangsa dan berkongsi pengalaman, khususnya informasi terhadap operasi semasa dan pada masa akan datang mengenai sistem pendaftaran perniagaan korporat dan amalan yang terbaik.

Sebagai ahli pengasas CRF, SSM telah mengambil bahagian dalam semua sesi forum CRF. Forum yang terakhir telah berlangsung di Singapura dari 9 hingga 12 Mei 2011. Forum ini telah dianjurkan oleh Pihak Berkuasa Pengawalselia dan Perakaunan (ACRA) Singapura dengan tema, 'Merentasi Sempadan, Membina Hubungan'.

SSM telah membentangkan dua kertas kerja semasa sesi tersebut. Pembentangan yang pertama telah disampaikan oleh Ketua Pegawai Eksekutif SSM mengenai 1-Hari Pemerbadanan Syarikat dan pelaksanaan Nombor Identiti Korporat Malaysia (MyCoID).

Pembentangan kedua yang bertajuk "SSM's Corporate Responsibility Agenda: Crossing Boundaries towards Driving Businesses beyond Profitability" telah disampaikan oleh Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Operasi). Pembentangan tersebut merangkumi tanggungjawab korporat, agenda tanggungjawab korporat SSM, dan inisiatif-inisiatif SSM bagi tahun 2011.

Pembentangan delegasi daripada negara-negara lain merangkumi topik-topik berikut:

- a) Akta Syarikat baharu Afrika Selatan dan penubuhan *Companies and Intellectual Property Commission*;
- b) Akta Syarikat Nepal dan peranan yang dimainkan oleh teknologi maklumat dan komunikasi dalam pembaharuan proses perniagaan;
- c) Pembaharuan yang diperkenalkan oleh *Registrar of Joint Stock Companies di Bangladesh*;
- d) Pembaharuan undang-undang perniagaan serta peningkatan aktiviti-aktiviti pematuhan yang dijalankan oleh ACRA di Singapura;

- e) Pendekatan United Kingdom dalam menghubungkan perkhidmatan dalam kerajaan;
- f) Isu-isu terkini berhubung dengan *Extensible Business Reporting Language (XBRL)* di Singapura.

FORUM PENDAFTAR PERNIAGAAN EROPAH (EUROPEAN COMMERCE REGISTER'S FORUM ECRF)

ECRF telah ditubuhkan bagi meningkatkan perkhidmatan Pendaftar Perdagangan di kalangan pihak berkuasa pendaftaran di Eropah yang bertujuan (i) mewujudkan persekitaran yang kondusif dan efisien bagi memulakan serta membangunkan perniagaan, (ii) mencipta persekitaran perniagaan yang terbuka dan telus di seluruh Eropah serta (iii) memudahkan pengawalseliaan bagi mengurangkan beban perniagaan berhubung urusan pentadbiran.

Pada tahun 2011, SSM telah menghadiri Persidangan Tahunan ECRF yang ke-14 yang diadakan di Bonn, Jerman sebagai pemerhati. SSM telah menggunakan peluang ini untuk berkongsi pengalaman dan amalan terbaik dengan pendaftar-pendaftar perniagaan dan syarikat di Eropah.

Temanya adalah "*International Business Register Network – Ready for a Global Market*". Pada Persidangan Tahunan tersebut topik-topik yang dibentangkan merangkumi:

- a) Rangkaian pendaftar di Eropah;
- b) Perhubungan antara pendaftar pusat, komersil dan perniagaan;
- c) Sistem daftar perniagaan (Macedonia, Serbia dan Jerman); dan
- d) *The Extensible Business Reporting Language (XBRL)*

SIMPOSIUM JENAYAH EKONOMI KE-29 CAMBRIDGE

Simposium Jenayah Ekonomi ke-29 Cambridge telah diadakan dari 4 hingga 11 September 2011 di Jesus College, University of Cambridge, United Kingdom. Ketua Pegawai Eksekutif SSM, Dato' Azmi bin Ariffin telah menyampaikan ucap tama yang selaras dengan tema Simposium bertajuk: "*Responsibility For Risk – At the Sharp End of Fighting Crime and Terror*".

Selain daripada ucap tama itu, SSM juga menyampaikan tiga pembentangan yang bertajuk:

- a) *"Managing Corporate Risk and Achieving Internal Control Through Statutory Compliance"*
- b) *"A Malaysia Perspective: Civil Liability Against Banks and Financial Institutions Pursuant to Investigation and Prosecution under Anti-Money Laundering and Anti Terrorism Financing Act 2001"* dan
- c) *"A Malaysia Perspective: Parallel Proceedings Undertaken by Companies Commission of Malaysia Philosophies and Case Study"*.

PENYERTAAN DALAM PROGRAM-PROGRAM ANTARABANGSA YANG LAIN

Selain daripada mengambil bahagian dalam persidangan Antarabangsa, SSM juga memberi sumbangan kepada program-program yang dijalankan oleh badan-badan antarabangsa seperti Bank Dunia dan *the Organization for Economic Cooperation and Development*.

LAPORAN MENGENAI PEMATUHAN PIAWAIAN DAN KOD (REPORT ON OBSERVANCE OF STANDARDS AND CODES, ROSC)

ROSC ialah satu inisiatif yang dijalankan oleh pihak Bank Dunia bersama dengan pihak Tabung Kewangan Antarabangsa atau *International Monetary Fund* (IMF) ke arah memperkukuhkan struktur kewangan antarabangsa serta menggalakkan kedudukan kewangan yang lebih stabil, sama ada di peringkat domestik mahupun di peringkat antarabangsa, melalui pembangunan, penyebaran, penerimgunaan dan pelaksanaan piawaian dan kod antarabangsa.

Inisiatif ini meliputi dua belas bidang utama iaitu ketelusan data, ketelusan fiskal, pengawasan perbankan, sekuriti, insurans, ketelusan polisi kewangan, sistem pembayaran, tadbir urus korporat, perakaunan dan pengauditan, ketaksolvenan dan hak-hak pemiutang dan pengubahan wang haram dan pencegahan pembiayaan keganasan. Setiap bidang dinilai dan dilaporkan di dalam modul-modul yang tersendiri dan pihak Bank Dunia dan IMF yang dipertanggungjawabkan untuk membuat penilaian bagi bidang-bidang yang berbeza.

Pada tahun 2011 Malaysia telah menjemput ROSC bagi program Perakaunan dan Pengauditan (ROSC PP) untuk menjalankan penilaian. Objektif penilaian tersebut adalah seperti berikut:

- a) menganalisa kebolehbandingan piawaian perakaunan dan pengauditan domestik dengan piawaian perakaunan dan pengauditan antarabangsa dan menentukan tahap pematuhan dengan piawaian perakaunan dan pengauditan yang terpakai; dan
- b) membantu sesebuah negara dalam membangunkan serta melaksanakan satu pelan tindakan bagi memperbaiki kapasiti institusi ke arah memperkukuhkan pelaporan kewangan korporat negara tersebut.

Sehubungan ini, SSM bersama pengawalselia lain telah terlibat dalam penilaian ke atas Malaysia bagi program ROSC PP. Penglibatan SSM adalah seperti berikut:

- a) Penglibatan dalam perbincangan dan persidangan meja bulat pada Misi Peninjauan dan Usaha Wajar (*Scoping and Due Diligence Mission*), mengenai fungsi serta bidang kuasa SSM yang berkaitan dengan industri perakaunan dan pengauditan;
- b) Pembekalan maklumat kepada ROSC bagi tujuan penilaian; dan
- c) Menjadi ahli kepada Jawatankuasa ROSC PP Malaysia yang ditubuhkan bagi mengkaji dan mengesahkan maklumat serta memberi kelulusan berhubung dengan Laporan Draf bagi ROSC PP Malaysia.

Selain daripada ROSC PP, SSM juga terlibat dalam ROSC Bank Dunia berkaitan dengan peraturan dan amalan tadbir urus korporat di Malaysia. Objektif program ini adalah seperti berikut:

- a) menanda aras rangka kerja tadbir urus korporat negara serta amalan-amalan syarikat terhadap Prinsip-prinsip Tadbir Urus Korporat Organisasi Kerjasama dan Pembangunan Ekonomi (OECD);
- b) membantu sesebuah negara dalam membangunkan serta melaksanakan satu pelan tindakan bagi memperbaiki kapasiti institusi ke arah memperkukuhkan rangka kerja tadbir urus korporat negara tersebut; dan
- c) meningkatkan kesedaran mengenai amalan-amalan tadbir urus korporat yang baik di kalangan badan-badan berkepentingan bagi sektor awam dan sektor swasta di negara.

LAPORAN BANK DUNIA *DOING BUSINESS* 2012

SSM telah terlibat secara aktif dalam Laporan *Doing Business* Bank Dunia 2012, khususnya berkenaan dengan petunjuk memulakan perniagaan. Laporan ini menunjukkan kedudukan bagi 183 negara hasil daripada kajian yang dijalankan dalam sepuluh bidang yang merangkumi peraturan bagi memulakan perniagaan, melindungi pelabur, menyelesaikan ketaksolvenan dan juga berdagang merentasi sempadan.

Sebagai pengawalselia korporat yang bertanggungjawab ke atas pengawalseliaan syarikat dan perniagaan, SSM juga terlibat dalam tiga bidang spesifik yang dinilai atau indikator (sebagaimana yang dirujuk oleh Bank Dunia) iaitu memulakan perniagaan, melindungi pelabur dan menyelesaikan ketaksolvenan.

FORUM GLOBAL OECD MENGENAI KETELUSAN DAN PERTUKARAN MAKLUMAT BAGI TUJUAN PERCUKAIAN

Objektif yang utama bagi Forum Global OECD mengenai Ketelusan dan Pertukaran Maklumat bagi Tujuan Percukaaian (Forum Global) adalah untuk memastikan semua negara melaksanakan dengan sepenuhnya piawaian antarabangsa berhubung ketelusan dan pertukaran maklumat.

Bagi memastikan piawaian antarabangsa tersebut dipatuhi secara sepenuhnya, ahli-ahli Forum Global (termasuk Malaysia) serta negara-negara yang telah dikenal pasti oleh Forum Global sebagai relevan kepada bidang kerjanya, akan melalui satu proses kajian semula (*peer review*) yang akan mengkaji semula sistem bagi pertukaran maklumat dalam perihal percukaaian dan proses ini akan dipantau oleh satu Kumpulan Kajian Semula (*Peer Review Group*) yang dianggotai seramai 30 ahli.


Kajian semula tersebut dijalankan oleh pasukan-pasukan penilai berdasarkan dua fasa iaitu:

- a) Fasa 1: penilaian terhadap rangka kerja undang-undang dan pengawalseliaan; dan
- b) Fasa 2: penilaian terhadap amalan pemakaian piawaian.

SSM, bersama-sama dengan Bahagian Percukaaian Kementerian Kewangan, Peguam Cara Perbendaharaan, Lembaga Hasil Dalam Negeri, Bank Negara Malaysia, Pusat Perniagaan dan Kewangan Antarabangsa Labuan dan Suruhanjaya Sekuriti telah bekerjasama dengan

pasukan penilaian dalam menghasilkan kajian semula 1 dan 2 untuk Laporan Fasa 1 bagi Malaysia.

Forum Global telah mengadakan mesyuarat pada 19 – 23 September 2011 di Pusat Persidangan OECD Paris, Perancis yang telah dihadiri oleh SSM sebagai salah satu anggota daripada delegasi Malaysia. Pada Mesyuarat tersebut, Kumpulan Kajian Semula (*Peer Review Group*) telah sebulat suara menerima keputusan kajian semula 2 untuk Laporan Fasa 1. Oleh yang demikian, Malaysia dinaikkan taraf ke Fasa 2 dan penilaian akan dijalankan pada tahun 2013.



Pekeliling Amalan Perniagaan Terbaik 2/2011

Pada tahun ini, SSM dan UNICEF meneruskan kerjasama dalam usaha menerbitkan Pekeliling Amalan Perniagaan Terbaik 2/2011 bertajuk "*Establishing a Conducive Working Environment for Women: Nursing Mothers Programme at the Workplace*". Pekeliling ini telah dilancarkan oleh Timbalan KPE (Operasi) dan wakil UNICEF ke Malaysia semasa Dialog Tahunan Sabah diadakan di Kota Kinabalu, pada 24 November 2011.

Pekeliling ini memberi penekanan kepada syarikat dan perniagaan bahawa mereka boleh memainkan peranan bagi memastikan persekitaran yang mesra kanak-kanak dan keluarga melalui pengendorsan program penyusuan ibu di tempat kerja. Melalui usaha ini, secara

tidak langsung, syarikat dan perniagaan akan dapat menggalakkan kaum wanita untuk terus bekerja ke arah memperkasakan mereka dalam bidang ekonomi selaras dengan Rancangan Malaysia Kesepuluh dan Wawasan 2020 yang menekankan pembangunan sosio-ekonomi untuk negara mencapai taraf ekonomi maju. Salah satu daripada komponen bagi program penyusunan ibu adalah untuk majikan-majikan mempertimbangkan dan mewujudkan kemudahan bilik penyusunan di tempat kerja.



SEMINAR BERSIRI TANGGUNGJAWAB KORPORAT SSM

Selain daripada syarikat-syarikat awam tersenarai yang memainkan peranan yang penting dalam memupuk budaya tanggungjawab korporat, PKS juga memainkan peranan bagi menentukan kejayaan dalam agenda tanggungjawab korporat negara. SSM telah mengadakan seminar tahunan untuk PKS di bawah Siri Tanggungjawab Korporat SSM supaya tanggungjawab korporat akan dapat lebih difahami di kalangan perusahaan kecil dan sederhana ini. SSM telah menyentuh topik-topik tanggungjawab korporat semasa serta inisiatif terkini SSM berkaitan dengan tanggungjawab korporat seperti Pekeliling Amalan Perniagaan Terbaik (BBPC) dan kisah-kisah kejayaan semasa seminar.

Seminar Bersiri Tanggungjawab Korporat SSM yang pertama bertajuk "Ke Arah Kelestarian Perniagaan" telah dilancarkan oleh YB Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob, Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan pada 29 November 2011.

AKTIVITI PROMOSI LAIN

Selain daripada kawasan bandar, SSM telah memperluaskan aktiviti promosi produk dan perkhidmatannya dikawasan luar Bandar. SSM telah terlibat dalam beberapa program "Mendekati Rakyat" atau PSMR (Program SSM Mendekati Rakyat) bagi memperoleh maklum balas secara langsung daripada orang ramai.

PROGRAM SSM MENDEKATI RAKYAT FELDA MAYAM, BERA, PAHANG

Pada 23 April 2011, SSM telah terlibat dalam salah satu PSMR yang diadakan di FELDA Mayam, Bera, Pahang. Lebih 2,000 orang penduduk dari kawasan sekitar telah menghadiri program tersebut. Selain daripada mengadakan Kaunter Bergerak Pendaftaran Perniagaan (KBPP) dan pameran gerai, aktiviti lain yang telah dilaksanakan termasuk pertandingan kuiz mengenai SSM, program pemerbadanan syarikat dan pendaftaran perniagaan serta taklimat berkaitan dengan skim kepentingan atau skim pelaburan cepat kaya. Program tersebut telah mendapat sokongan daripada pelbagai pihak seperti pihak Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) dan agensi di bawahnya seperti Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO), Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM). Agensi lain yang turut mengambil bahagian adalah Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad (Bank Rakyat), Perbadanan Nasional Berhad (PNS), Maktab Koperasi Malaysia (MKM) BSN, CELCOM, TEKUN dan MARA.

PROGRAM SSM MENDEKATI RAKYAT KAMPUNG SATOK, KUCHING, SARAWAK DAN KIMANIS, SABAH

Selepas PSMR berjaya dianjurkan di Bera, SSM turut mengadakan program yang sama di Kuching, Sarawak pada 16 Julai dan di Kimanis, Sabah pada 17 Julai. Kedua-dua program ini berjaya menarik minat seramai 8,000 orang pengunjung iaitu 3,000 orang di Kuching dan 5,000 orang di Kimanis.

MAJLIS MALAM MESRA SSM, MIRI SARAWAK

Majlis Malam Mesra SSM di Miri telah diadakan pada 15 April 2011 sempena majlis ulang tahun SSM ke-9. Hampir 400 orang tetamu terdiri daripada wakil badan

profesional (juruaudit, setiausaha syarikat, peguam dan sebagainya) serta pelanggan-pelanggan SSM dan wakil badan kerajaan Miri telah menghadiri majlis ini.

KEMPEN KESEDARAN – ‘SUPPORTING THE NATIONAL AGENDA: THE SSM’S INITIATIVES IN STARTING A BUSINESS’

Kempen kesedaran inisiatif yang diadakan pada 23 Februari 2011 di kalangan pihak berkepentingan seperti 1-Hari Pemerbadanan Syarikat dan MyCoID telah dijalankan di Menara SSM@Sentral. SSM turut membentangkan kertas kerja bertajuk “*An Analysis of the 2011 World Bank Ranking On Starting of Business In Malaysia*”.

MEMORANDUM PERSEFAHAMAN DENGAN BANK SIMPANAN NASIONAL DAN TELEKOM MALAYSIA

Tahun 2011 telah menyaksikan dua perjanjian kerjasama dimeterai. Satu daripadanya adalah antara SSM dengan Bank Simpanan Nasional (BSN) manakala satu lagi antara SSM dan Telekom Malaysia. Perjanjian yang pertama melibatkan kemudahan kaunter BSN di seluruh negara bagi memudahkan pembaharuan pendaftaran perniagaan. Sejak perkhidmatan baharu ini diperkenalkan, sebanyak 1,331 pemilik perniagaan telah memperbaharui pendaftaran perniagaan mereka di kaunter BSN di seluruh negara.

Hasil daripada kerjasama antara SSM dan TM, satu produk baharu iaitu *Office in A Box* (OIAB) telah diperkenalkan bagi setiap perniagaan baharu. Produk ini telah berjaya meningkatkan bilangan pemerbadanan syarikat dan pendaftaran perniagaan.

SSM ENTERPRISE PORTAL PROJECT (EPP)

Pada 21 Disember 2011, laman sesawang SSM bertukar menjadi format portal yang lebih mesra pelanggan dan mudah dilayari. Portal ini menyediakan elemen baharu seperti maklumat perniagaan, setiausaha syarikat dan juruaudit serta kemudahan carian maklumat pada muka depan. Selain daripada itu ruangan baharu seperti Kerjaya dan e-CBID telah direka. Ruang Kerjaya akan membolehkan mereka yang berminat menyertai SSM menghantar *resume* secara dalam talian manakala e-CBID menyediakan maklumat perniagaan serta syarikat mengikut kehendak pelanggan.

PENGLIBATAN MEDIA DAN PENGIKLANAN

Penglibatan media dan pengiklanan terus memainkan peranan penting bagi menyebarkan kesedaran kepada orang ramai dengan lebih luas mengenai peranan, produk,

perkhidmatan dan inisiatif yang telah dilaksanakan oleh SSM dalam usaha meningkatkan penyampaian perkhidmatan kepada komuniti perniagaan.

Selain daripada isu-isu semasa, semua aktiviti yang mempunyai kesan ketara ke atas pihak berkepentingan telah diketengahkan oleh media. Ini termasuk isu-isu yang berkaitan dengan skim pelaburan, skim Kutu dan aktiviti promosi SSM seperti Program PSMR, Persidangan Kebangsaan SSM 2011, kerjasama antara SSM dengan BSN serta TM.

LAWATAN DELEGASI

Sepanjang tahun ini SSM juga menerima beberapa siri lawatan daripada delegasi luar negara seperti Timor Leste, Pakistan serta lawatan sambil belajar daripada para pelajar universiti tempatan. Kunjungan Timor Leste dan Vietnam telah ditaja oleh IFC, iaitu ahli Kumpulan Bank Dunia, untuk mempelajari secara terperinci proses dalaman SSM dan prosedur penyampaian perkhidmatan, perkhidmatan elektronik yang merangkumi e-Info, e-Lodgement dan MyCoID, pengendalian maklumat korporat dan perniagaan, pelaksanaan inisiatif pemantauan, penyiasatan, penguatkuasaan, latihan sepanjang tahun serta pendidikan.

PAMERAN, PROGRAM-PROGRAM OUTREACH DAN SESI TAKLIMAT

Bagi tujuan melengkapkan usaha promosi berterusan dan program pendidikan awam yang dilaksanakan pada tahun ini, SSM telah mengambil bahagian dalam pelbagai pameran dan ekspo di seluruh negara.

PROGRAM-PROGRAM OUTREACH DI PEJABAT-PEJABAT NEGERI

Pejabat-pejabat negeri SSM yang merupakan sebahagian daripada organisasi, memainkan peranan yang sama penting dalam memastikan kejayaan pelaksanaan langkah-langkah dan dasar yang diadakan untuk memberi perkhidmatan yang lebih baik kepada masyarakat perniagaan. Banyak program *outreach* yang dijalankan oleh ibu pejabat, telah dianjurkan di pejabat-pejabat negeri pada tahun 2011 seperti menjalankan Kaunter Bergerak Pendaftaran Perniagaan, mengambil bahagian dalam ekspo dan pameran, mengadakan ceramah kerjaya di universiti-universiti, dan program-program kesedaran serta latihan untuk pihak-pihak berkepentingan.

Jumlah Pameran & Ekspo Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2011

NO.	PROGRAM/ACARA	TARIKH
	Ekspo & Pameran	
1.	<i>Legal Career Fair 2010 - Fakulti Undang-Undang, UKM - "Legal Profession as a career".</i>	9 Februari 2011
2.	Pameran Program Kemapanan Perniagaan KPDNKK	11-13 Februari 2011
3.	Pameran Sempena Minggu Kesedaran Pengguna UniKL MIIT & KPDNKK	21-23 Februari 2011
4.	Pameran Program Usahawan Muda Francais 1 Malaysia - PNS	9-10 Mac 2011
5.	<i>Law Awareness Day - UNITAR (SSM Selangor)</i>	23-24 Mac 2011
6.	Pameran Sempena Seminar Dan Bengkel Kemahiran Biro Keusahawanan PUSPANITA Kebangsaan	7 April 2011
7.	Pameran <i>Engagement Session With KSN On The World Bank Doing Business Report</i>	18 April 2011
8.	Pameran Minggu Saham Amanah Malaysia 2011 (SSM Perak)	20-26 April 2011
9.	Karnival Bank Rakyat (Melaka)	23-24 April 2011
10.	Hari Harta Intelek Negara – MyIPO, Persada, Johor Bahru, Johor.	26 April 2011
11.	Pameran Karnival Koperasi Wilayah Persekutuan (SKM KL)	23-25 Mei 2011
12.	Kempen Beli Barangan Malaysia KPDNKK di PWTC	25-29 Mei 2011
13.	Karnival Bank Rakyat (Kedah)	27-28 Mei 2011
14.	Pameran sempena Seminar Industri Dipacu Pasaran 2011 (Kementerian Pertanian) di PICC	31 Mei 2011
15.	Karnival Kempen Penderma Darah 2011 di Taman Tasik Titiwangsa, KL	18 Jun 2011
16.	Karnival Bank Rakyat (Terengganu)	24-25 Jun 2011
17.	Klinik Usahawan Sempena Program MITI Bersama Usahawan Gerik, Perak 2011 (Perak)	25-26 Jun 2011
18.	Pameran sempena Program 1 Taska 1 Tempat Kerja di Hotel Shangri-La	27 Jun 2011
19.	Pameran <i>SME Solutions Expo 2011 – Entrepreneurship Expo 2011</i> di Pusat Pameran Mid Valley	30 Jun-2 Julai 2011
20.	Hari Koperasi Negara 2011 - SKM di Medan Letak Kereta Istana Kehakiman, Putrajaya	8-10 Julai 2011
21.	Pameran <i>Franchise International Malaysia 2011</i> di PWTC	22-24 Julai 2011
22.	Pameran sempena - <i>Sixth Asia Pasific Retail Conference</i> di Hotel Hilton Petaling Jaya (KPDNKK)	14 September 2011
23.	Pameran <i>Bizstart 2011 Roadshow</i> di Pusat Konvensyen Sunway Pyramid	28-29 September 2011
24.	Pameran sempena Karnival Kerjaya UniKL-BMI	6 Oktober 2011
25.	Pameran sempena Program Sidang Niaga MPSJ	15 Oktober 2011
26.	Pameran di Kaunter Perundingan pada Taklimat Kes Penipuan Skim Pelaburan Pertanian – Kementerian Pertanian	20 Oktober 2011
27.	Karnival Bank Rakyat (Kelantan)	21-22 Oktober 2011
28.	Pameran sempena Kuala Lumpur International Islamic Festival di PWTC	22-23 Oktober 2011
29.	Pameran Program Francais Komuniti di Pusat Rekreasi Cheras (PRC), Jln. Peel, KL	22 Oktober 2011

Jumlah Pameran & Ekspo Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2011 (sambungan)

NO.	PROGRAM/ACARA	TARIKH
	Ekspo & Pameran	
30.	Pameran sempena Seminar Pelaburan Tempatan (SSM Sabah) di The Magellan Sutera, Sutera Harbour Resort, Kota Kinablu, Sabah	25 Oktober 2011
31.	Pameran <i>1st International Women in Business Convention</i> di MITC, Melaka	25-27 Oktober 2011
32.	Pameran <i>Malaysia International Commodity Conference and Showcase (MICCOS 2011)</i> di Taman Ekspo Pertanian Malaysia Serdang (MAEPS), Selangor.	28-30 Oktober 2011
33.	Pameran <i>MIA-AFA Conference 2011</i> di KLCC	2-3 November 2011
34.	Pameran <i>Roadmap Conference On Entrepreneurship</i> di MAHSA University (Dewan Perniagaan India KL & Putrajaya)	12 November 2011
35.	Pameran <i>BN Youth Job Fair 2011</i> di PWTC	18-20 November 2011
36.	Pameran sempena Hari Kesedaran Jenayah (<i>Crime Awareness Day</i>) di Pejabat Kontinjen Selangor	19 November 2011
37.	Pameran <i>SME Open Week</i> di SME Corp. Malaysia	22-25 November 2011
38.	Karnival Bank Rakyat (SSM Perak)	3-4 Disember 2011
39.	Pameran Satu Daerah Satu Industri (SDSI) di MITC Melaka (SSM Melaka)	9-11 Disember 2011
40.	Pameran sempena Seminar Hukum Islam Semasa VII (Peringkat Kebangsaan) di Universiti Malaya	14-15 Disember 2011
41.	Pameran sempena Karnival Pelancaran 1MYTV (1 MALAYSIAN YOUTH TV) di PWTC	17-18 Disember 2011
42.	Pameran sempena Program Jelajah Francais 1 Malaysia (SSM Pahang)	18 Disember 2011
43.	Pameran sempena Majlis Sambutan Hari Inovasi KPDNKK 2011 di KPDNKK	21-22 Disember 2011
44.	Pameran Karnival Hijrah 2011 (SSM Terengganu)	22-24 Disember 2011
45.	Pameran Program Komuniti Usahawan ICT " <i>The ICT Entrepreneur Community Program Exhibition</i> " di Dynasty Hotel, KL	24-25 Disember 2011



PENYATA **KEWANGAN**



**SIJIL KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2011**

Penyata Kewangan Suruhanjaya Syarikat Malaysia bagi tahun berakhir 31 Disember 2011 telah diaudit oleh wakil saya. Pihak pengurusan bertanggungjawab terhadap Penyata Kewangan ini. Tanggungjawab saya adalah mengaudit dan memberi pendapat terhadap Penyata Kewangan tersebut.


Pengauditan telah dilaksanakan mengikut Akta Audit 1957 dan berpandukan piawaian pengauditan yang diluluskan. Piawaian tersebut menghendaki pengauditan dirancang dan dilaksanakan untuk mendapat kepastian yang munasabah sama ada Penyata Kewangan adalah bebas daripada kesilapan atau ketinggalan yang ketara. Pengauditan ini termasuk memeriksa rekod dan dokumen secara semak uji, menyemak bukti yang menyokong angka dan memastikan pendedahan yang mencukupi dalam Penyata Kewangan. Penilaian juga dibuat terhadap prinsip perakaunan yang digunakan, unjuran signifikan oleh pengurusan dan persembahan Penyata Kewangan secara keseluruhan. Saya percaya pengauditan yang dilaksanakan memberi asas yang munasabah terhadap pendapat saya.

Pada pendapat saya, Penyata Kewangan ini memberi gambaran yang benar dan saksama terhadap kedudukan kewangan Suruhanjaya Syarikat Malaysia pada 31 Disember 2011 serta hasil operasi dan aliran tunainya untuk tahun tersebut adalah selaras dengan piawaian perakaunan yang diluluskan.

(NIKRUL TARMIZI BIN AWALLUDIN)

b.p KETUA AUDIT NEGARA
MALAYSIA


PUTRAJAYA
19 JUN 2012



PENYATA PENERUSI DAN SEORANG ANGGOTA SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA

Kami, **DATO' SARIPUDDIN BIN KASIM** dan **MOHD NAIM BIN DARUWISH**, yang merupakan Pengerusi dan salah seorang Anggota **SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA**, dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat Anggota, Penyata Kewangan yang mengandungi Lembaran Imbangan, Penyata Pendapatan, Penyata Perubahan Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai yang berikut ini beserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya, adalah disediakan untuk menunjukkan pandangan yang benar dan saksama berkenaan kedudukan **SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA** pada 31 Disember 2011 dan hasil kendaliannya serta perubahan kedudukan kewangannya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

Bagi pihak Suruhanjaya,



NAMA : DATO' SARIPUDDIN BIN KASIM
GELARAN : PENERUSI SURUHANJAYA
TARIKH : 18 JUN 2012
TEMPAT : KUALA LUMPUR

Bagi pihak Suruhanjaya,



NAMA : MOHD NAIM BIN DARUWISH
GELARAN : ANGGOTA SURUHANJAYA
TARIKH : 18 JUN 2012
TEMPAT : KUALA LUMPUR

PERAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA YANG BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA

Saya, **ZAHRAH BT ABD. WAHAB FENNER**, pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan dan rekod-rekod perakaunan **SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA**, dengan ikhlasnya mengakui bahawa Lembaran Imbangan, Penyata Pendapatan, Penyata Perubahan Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai dalam kedudukan kewangan yang berikut ini beserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah betul dan saya membuat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ia adalah benar dan atas kehendak Akta Akaun Berkanun, 1960.


Sebenarnya dan sesungguhnya)
diakui oleh penama di atas di)
Kuala Lumpur pada 09 Mar 2012)



.....
Dihadapan saya,



Lot 2.42, Tingkat 2, The Mall
100, Jalan Putra
50350 Kuala Lumpur, Malaysia
H/P: 019-283 9000



.....
PESURUHJAYA SUMPAAH

LEMBARAN IMBANGAN PADA 31 DISEMBER 2011

	Nota	2011 RM	2010 RM
Aset Bukan Semasa			
Harta, kelengkapan dan peralatan	3	179,267,104	188,203,760
Pelaburan jangka panjang	4	125,542,976	120,082,367
Kerja dalam kemajuan	5	3,256,284	6,275,358
Pembiayaan pekerja	6	37,380,389	27,430,333
		345,446,753	341,991,818
Aset Semasa			
Penghutang perdagangan	7	1,223,899	804,531
Penghutang lain, deposit dan pra bayar	8	5,921,966	4,847,228
Pembiayaan pekerja	6	2,715,885	2,226,121
Pelaburan jangka pendek	9	103,905,642	125,242,699
Inventori	10	1,347,240	794,680
Tunai dan kesetaraan tunai	11	278,921,063	211,737,714
		394,035,695	345,652,973
JUMLAH ASET		739,482,448	687,644,791

Nota-nota di muka surat 83 hingga 106 merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

LEMBARAN IMBANGAN PADA 31 DISEMBER 2011

EKUITI DAN LIABILITI

	Nota	2011 RM	2010 RM
Ekuiti			
Geran Kerajaan	12	24,041,453	24,866,596
Lebihan terkumpul		465,502,280	433,828,865
Dana pembiayaan pekerja	13	56,000,000	56,000,000
		545,543,733	514,695,461
Liabiliti Bukan Semasa			
Peruntukan Faedah Pekerja	14	523,991	623,954
		523,991	623,954
Liabiliti Semasa			
Kumpulan Wang Disatukan Persekutuan	15	178,512,770	161,432,699
Pemiutang lain	16	11,634,791	9,836,600
Pemiutang projek jangka pendek	17	3,267,163	1,056,077
		193,414,724	172,325,376
Jumlah Liabiliti		193,938,715	172,949,330
JUMLAH EKUITI DAN LIABILITI		739,482,448	687,644,791

Nota-nota di muka surat 83 hingga 106 merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

PENYATA PENDAPATAN

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2011

	Nota	2011 RM	2010 RM
Pendapatan	18	357,706,236	328,715,698
Kumpulan Wang Disatukan	15	(178,512,770)	(161,432,699)
Persekutuan		179,193,466	167,282,999
Perbelanjaan Operasi			
Kos pekerja	19	72,291,279	71,200,642
Kos pentadbiran	20	57,887,530	53,891,859
Susutnilai	3	20,696,763	17,016,670
Pelunasan ke atas geran yang diterima dan pelaburan jangka panjang		(3,355,521)	(3,198,319)
Kerugian pelupusan harta, kelengkapan dan peralatan		0	1,876,440
		147,520,051	140,787,292
Lebihan sebelum cukai	21	31,673,415	26,495,707
Cukai	22	-	-
Lebihan selepas cukai		31,673,415	26,495,707

Nota-nota di muka surat 83 hingga 106 merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

PENYATA PERUBAHAN EKUITI BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2011

	← Geran Modal Geran Kerajaan RM	Manfaat Peletakhakan RM	→ Lebihan Terkumpul RM	Dana Pembiayaan Pekerja RM	Jumlah RM
Baki pada 1 Januari 2010	20,000,000	11,596	407,333,158	56,000,000	483,344,754
Lebihan bersih tidak diambil kira dalam penyata pendapatan Pelunasan ke atas geran yang diterima	(4,100,000)	-	-	-	(4,100,000)
Geran Kerajaan yang diterima dalam tahun semasa Lebihan selepas cukai	(4,100,000) 8,955,000 -	- - -	- - 26,495,707	- - -	(4,100,000) 8,955,000 26,495,707
Baki pada 31 Disember 2010	24,855,000	11,596	433,828,865	56,000,000	514,695,461
Lebihan bersih tidak diambil kira dalam penyata pendapatan Pelunasan ke atas geran yang diterima	(3,900,000)	(7,853)	-	-	(3,907,853)
Geran Kerajaan yang diterima dalam tahun semasa Lebihan selepas cukai	(3,900,000) 3,082,710 -	(7,853) - -	- - 31,673,415	- - -	(3,907,853) 3,082,710 31,673,415
Baki pada 31 Disember 2011	24,037,710	3,743	465,502,280	56,000,000	545,543,733

Nota-nota di muka surat 83 hingga 106 merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

PENYATA ALIRAN TUNAI

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2011

	2011 RM	2010 RM
Aktiviti Kendalian		
Lebihan sebelum cukai	31,673,415	26,495,707
Pelarasan bagi:		
Susutnilai	20,696,763	17,016,670
Pelunasan ke atas geran yang diterima	(3,907,853)	(4,100,000)
Pelunasan ke atas pelaburan jangka panjang	552,332	901,681
Kerugian dari pelupusan harta, kelengkapan dan peralatan	(408,461)	1,876,440
Keuntungan dan dividen daripada pelaburan	(19,411,186)	(17,051,666)
Keuntungan operasi sebelum perubahan modal kerja	29,195,010	25,138,832
(Pertambahan)/Pengurangan inventori	(552,562)	(794,680)
(Pertambahan)/Pengurangan penghutang	(419,368)	(46,076)
(Pertambahan)/Pengurangan penghutang lain, deposit dan prabayar	(1,074,738)	2,090,248
Pertambahan/(Pengurangan) Kumpulan Wang		
Disatukan Persekutuan	17,080,071	4,480,139
Pertambahan/(Pengurangan) pemiutang lain	1,823,106	3,529,654
Pertambahan/(Pengurangan) pemiutang kerja dalam kemajuan	2,211,086	(4,365)
Pertambahan/(Pengurangan) peruntukan faedah pekerja	(124,878)	(43,471)
Tunai bersih dari aktiviti kendalian	48,137,727	34,350,281
Tunai dari aktiviti pelaburan		
Pemerolehan harta, kelengkapan dan peralatan	(11,856,935)	(193,458,094)
Terimaan daripada pelupusan harta, kelengkapan dan peralatan	505,290	384,525
Kerja dalam kemajuan	3,019,074	171,951,575
Peletakan dalam pelaburan	15,324,116	(3,793,579)
Terimaan keuntungan dan dividen	19,411,186	17,051,666
Pembiayaan pekerja	(12,829,115)	(9,599,053)
Bayaran balik pembiayaan pekerja	2,389,296	1,988,768
Tunai bersih dari/(digunakan untuk) aktiviti pelaburan	15,962,912	(15,474,192)

Nota-nota di muka surat 83 hingga 106 merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

PENYATA ALIRAN TUNAI

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 201

	2011 RM	2010 RM
Tunai dari aktiviti kewangan		
Geran Kerajaan	3,082,710	8,955,000
Tunai bersih dari aktiviti kewangan	3,082,710	8,955,000
(Pengurangan)/Pertambahan bersih tunai dan kesetaraan tunai	67,183,349	27,831,089
Tunai dan kesetaraan tunai pada awal tahun	211,737,714	183,906,625
Tunai dan kesetaraan tunai pada akhir tahun	278,921,063	211,737,714

Nota-nota di muka surat 83 hingga 106 merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2011

1. AKTIVITI UTAMA

Suruhanjaya Syarikat Malaysia (Suruhanjaya) adalah merupakan sebuah badan berkanun yang ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001 (Akta 614). Aktiviti utama Suruhanjaya adalah pengawal selia perbadanan, syarikat dan perniagaan di bawah Akta Syarikat 1965, Akta Pendaftaran Perniagaan 1956, Akta Syarikat Amanah 1949, Akta (Larangan) Kumpulan Wang Kootu 1971 dan mana-mana perundangan subsidiari yang dibuat di bawah Akta-Akta yang disebut di atas.

Tiada perubahan yang signifikan terhadap aktiviti utama dalam tahun semasa.

2. POLISI PERAKAUNAN YANG SIGNIFIKAN

Polisi perakaunan yang dinyatakan di bawah telah diguna pakai secara konsisten oleh Suruhanjaya pada semua tahun terdahulu yang dibentangkan dalam penyata kewangan ini, melainkan jika dinyatakan sebaliknya.

(a) Asas Penyediaan

Penyata kewangan Suruhanjaya telah disediakan mengikut piawaian perakaunan yang diluluskan oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia (MASB) untuk entiti persendirian (Piawaian Pelaporan Entiti Persendirian).

Penyata kewangan Suruhanjaya telah disediakan mengikut asas kos sejarah, kecuali yang didedahkan dalam ringkasan polisi perakaunan yang signifikan.

Penyediaan penyata kewangan memerlukan pengurusan untuk membuat pertimbangan, anggaran dan andaian yang mempengaruhi pemakaian polisi perakaunan dan laporan amaun aset, liabiliti, pendapatan dan perbelanjaan. Walaupun pertimbangan, anggaran dan andaian adalah berdasarkan kepada pengetahuan dan tindakan semasa yang terbaik, keputusan sebenar mungkin berbeza.

Anggaran dan andaian disemak atas dasar berterusan. Semakan anggaran perakaunan diiktiraf dalam tempoh di mana anggaran disemak dan dalam mana-mana tempoh hadapan yang berkenaan.

(b) Peletakhakan Aset, Hak dan Liabiliti

Ini merupakan aset, hak dan liabiliti Kerajaan Malaysia yang dipindahkan kepada dan dipeletakhakan dalam Suruhanjaya. Ianya dinyatakan selepas mengambilkira semua perbelanjaan terus dan susutnilai aset yang dipeletakhakan.

Peletakhakan aset, hak dan liabiliti dinyatakan pada nilai saksama dan diiktiraf dalam lembaran imbangan berdasarkan kepada tarikh peletakhakan.

Peletakhakan aset bukan tunai dilunaskan berdasarkan kepada anggaran hayat penggunaannya. Manfaat ini dinyatakan sebagai pelunasan ke atas geran yang diterima dalam penyata perubahan ekuiti.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2011

2. POLISI PERAKAUNAN YANG SIGNIFIKAN (sambungan)

(c) Harta, Kelengkapan dan Peralatan

Harta, kelengkapan dan peralatan dinyatakan pada kos sejarah setelah ditolak susutnilai terkumpul dan kerugian kemerosotan. Kos adalah termasuk perbelanjaan yang berkaitan terus dengan perolehan sesuatu aset berkenaan.

Kos berikutan diambil kira dalam jumlah bawaan aset atau diiktiraf sebagai aset berasingan, yang mana berkenaan, jika manfaat ekonomi masa hadapan berkaitan item berkenaan berkemungkinan akan mengalir kepada Suruhanjaya dan kos berkenaan boleh diukur dengan pasti.

Harta, kelengkapan dan peralatan disusutnilaikan mengikut kaedah garis lurus untuk menghapus kira kos sesuatu aset, atau amaun nilai semula, kepada nilai baki ke atas anggaran tempoh hayat kegunaan. Kadar susutnilai tahunan yang diguna pakai telah diringkaskan seperti berikut :

Bangunan	2%
Peralatan Bangunan	20%
Kenderaan Bermotor	20%
Perisian dan Perkakasan Komputer	20%-33 $\frac{1}{3}$ %
Peralatan Pejabat, Perabot dan kelengkapan	20%
Ubahsuai	20%-33 $\frac{1}{3}$ %

Susutnilai ke atas harta, kelengkapan dan peralatan dalam pembinaan akan bermula apabila harta, kelengkapan dan peralatan berkenaan diserahkan dan sedia untuk kegunaan yang dimaksudkan. Susutnilai ke atas harta, kelengkapan dan peralatan yang tidak diiktiraf akan dihentikan dan diklasifikasi sebagai harta untuk jualan.

Nilai baki dan tempoh jangka hayat kegunaan harta, kelengkapan dan peralatan akan dikaji dan diselaraskan, jika perlu, pada tarikh pelaporan.

Pada setiap tarikh pelaporan, Suruhanjaya akan menilai sama ada terdapat sebarang petanda kemerosotan. Sekiranya petanda berkenaan wujud, satu analisa akan dilaksanakan untuk menilai sama ada amaun bawaan aset boleh diperolehi semula sepenuhnya. Penurunan nilai dilakukan jika amaun bawaan melebihi amaun boleh pulih. Sila rujuk Nota 2(d) polisi perakaunan mengenai kemerosotan aset.

Keuntungan atau kerugian daripada pelupusan harta, kelengkapan dan peralatan adalah perbezaan antara hasil pelupusan bersih dan amaun bawaan bagi harta, kelengkapan dan peralatan, dan didedahkan dalam penyata pendapatan.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2011

2. POLISI PERAKAUNAN YANG SIGNIFIKAN (sambungan)

(d) Kerosotan Aset

Nilai bawaan harta, kelengkapan dan peralatan disemak semula untuk menentukan sama ada terdapatnya sebarang petunjuk kerosotan. Kerosotan diukur dengan membandingkan nilai bawaan aset dengan jumlah boleh diperolehi semula. Kerugian kerosotan diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam penyata pendapatan dengan serta merta.

Peningkatan jumlah boleh diperolehisemula aset yang berikutnya dianggap sebagai penerbalikan kerugian kerosotan sebelum ini dan diiktiraf sehingga tahap nilai bawaan aset yang akan ditentukan (bersih daripada pelunasan dan susutnilai) sekiranya tiada kerugian kerosotan diiktiraf. Penerbalikan diiktiraf dalam penyata pendapatan dengan serta merta.

(e) Pelaburan Jangka Panjang

Pelaburan jangka panjang dinyatakan pada kos dan dipegang sehingga matang. Peruntukan pengurangan nilai dibuat apabila wujudnya pengurangan yang kekal.

(f) Kerja Dalam Kemajuan

Kerja dalam kemajuan dipermodalkan sebagai harta, kelengkapan dan peralatan setelah sijil akuan siap atau sijil akuan penerimaan diterima oleh Suruhanjaya.

(g) Pembiayaan Pekerja

Pembiayaan pekerja dinyatakan pada kos ditolak peruntukan hutang lapuk dan hutang ragu.

(h) Penghutang Perdagangan

Penghutang perdagangan dinyatakan pada amaun invois ditolak peruntukan hutang ragu. Peruntukan ini dibuat apabila terdapat bukti bahawa Suruhanjaya tidak dapat mengutip amaun berkenaan berdasarkan kepada terma asal penghutang.

(i) Inventori

Inventori dinyatakan pada kos berdasarkan kepada nilai yang diinvois oleh pembekal.

(j) Tunai dan Kesetaraan Tunai

Untuk tujuan penyata aliran tunai, tunai dan kesetaraan tunai adalah terdiri daripada tunai dalam tangan, deposit panggilan dengan bank, lain-lain jangka pendek dan pelaburan berkecairan tinggi dengan tempoh kematangan asal sehingga setahun.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2011

2. POLISI PERAKAUNAN YANG SIGNIFIKAN (sambungan)

(k) Geran Kerajaan

Geran Kerajaan diiktiraf pada nilai saksama apabila terdapat keyakinan munasabah bahawa geran tersebut akan diterima dan kesemua syarat yang ditetapkan akan dipatuhi oleh Suruhanjaya.

Geran kerajaan yang dikaitkan dengan perbelanjaan diiktiraf sebagai pendapatan dalam penyata pendapatan berdasarkan kepada pendekatan yang sistematik ke atas tempoh yang diperlukan untuk memadankan geran tersebut dengan perbelanjaan yang dimaksudkan.

Geran kerajaan yang dikaitkan dengan pembelian aset dimasukkan sebagai pendapatan tertunda pada nilai saksama dan diiktiraf dalam penyata pendapatan berdasarkan jangka hayat aset berkenaan melalui amaun ansuran yang bersamaan.

(l) Faedah Pekerja

Faedah Pekerja Jangka Pendek

Gaji, cuti tahunan dan cuti sakit berbayar, bonus dan faedah bukan kewangan diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam tempoh di mana perkhidmatan berkaitan diberikan oleh pekerja Suruhanjaya.

Pelan Caruman Wajib

Suruhanjaya mencarum kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) untuk pekerja yang memilih skim KWSP dan Kumpulan Amanah Pencen (KWAP) untuk pekerja yang memilih skim pencen Kerajaan. Caruman ini diambil kira dalam penyata pendapatan dalam tempoh di mana ia berkait. Setelah caruman dibayar, Suruhanjaya tidak mempunyai kewajipan pembayaran selanjutnya.

Faedah Pekerja Jangka Panjang

Pembayaran faedah pekerja jangka panjang selepas persaraan dan/atau setelah tamat tempoh perkhidmatan kontraknya akan diiktiraf dalam penyata pendapatan tahun semasa sebagai faedah pekerja, manakala dalam lembaran imbangan, amaun ini diiktiraf sebagai liabiliti yang dikenali sebagai Peruntukan Faedah Pekerja.

Jenis-jenis faedah pekerja jangka panjang yang diiktiraf adalah seperti berikut :

- (i) bayaran gantian cuti rehat dalam bentuk tunai; dan
- (ii) bayaran gratuity kepada pekerja kontrak yang tamat tempoh perkhidmatan.

Kaedah pengiraan tunai boleh bayar untuk gantian cuti rehat kepada pekerja yang bersara dan pengiraan gratuity boleh bayar kepada pekerja kontrak yang tamat tempoh perkhidmatannya adalah berdasarkan kepada maklumat sebenar sedia ada pada tarikh lembaran imbangan dan kelayakan berdasarkan kepada terma dan syarat perkhidmatan Suruhanjaya. Kadar gaji semasa digunakan untuk pengiraan liabiliti ini.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2011

2. POLISI PERAKAUNAN YANG SIGNIFIKAN (sambungan)

(m) Caruman kepada Kumpulan Wang Disatukan Persekutuan

Caruman kepada Kumpulan Wang Disatukan Persekutuan mewakili lima puluh peratus (50%) daripada jumlah hasil diterima sebagaimana yang ditetapkan di bawah seksyen 35(1) Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001 (Akta 614).

Pengiraan amaun caruman boleh bayar kepada Kerajaan adalah berdasarkan kepada jumlah kasar hasil yang diterima dalam sesuatu tahun dan ditolak peruntukan hutang ragu. Caruman ini diakrukan dalam tahun di mana pendapatan diiktiraf.

(n) Pemiutang Lain

Pemiutang lain dinyatakan pada nilai nominal yang merupakan nilai saksama pertimbangan yang perlu dibayar dalam tempoh hadapan untuk barangan dan perkhidmatan yang diterima.

(o) Cukai

Cukai pendapatan ke atas lebihan atau defisit bagi tahun kewangan terdiri daripada cukai semasa dan cukai tertunda. Cukai semasa merupakan amaun cukai pendapatan yang dijangka perlu dibayar ke atas lebihan bercukai bagi tahun semasa dan dikira mengikut kadar cukai yang dikuat kuasakan pada tarikh lembaran imbangan.

Cukai tertunda diperuntukkan mengikut kaedah liabiliti, ke atas perbezaan sementara yang timbul antara asas cukai aset dan liabiliti dan nilai bawaannya dalam penyata kewangan. Pada prinsipnya, liabiliti cukai tertunda diiktiraf bagi semua perbezaan sementara bercukai dan aset cukai tertunda diiktiraf bagi semua potongan perbezaan sementara bercukai, setakat mana terdapatnya kemungkinan keuntungan bercukai masa hadapan yang ada boleh digunakan terhadap potongan perbezaan sementara.

Cukai tertunda dikira pada kadar cukai yang dikuat kuasakan pada tarikh lembaran imbangan.

(p) Peruntukan

Peruntukan diiktiraf apabila Suruhanjaya mempunyai obligasi perundangan atau konstruktif semasa hasil daripada peristiwa terdahulu yang berkemungkinan akan memerlukan aliran keluar sumber untuk menjelaskan obligasi tersebut, dan apabila anggaran berhubung jumlah tersebut boleh dibuat. Jika Suruhanjaya menjangka sesuatu peruntukan akan dibayar balik (contohnya, di bawah kontrak insurans), pembayaran balik tersebut diiktiraf sebagai aset yang berasingan tetapi hanya apabila pembayaran balik tersebut benar-benar boleh dipastikan.

Peruntukan tidak diiktiraf untuk kerugian operasi masa hadapan.

Jika terdapat beberapa obligasi yang serupa, kemungkinan keperluan aliran keluar untuk penyelesaian ditentukan dengan mempertimbangkan obligasi-obligasi tersebut secara keseluruhan mengikut kelas. Peruntukan diiktiraf walaupun kemungkinan aliran keluar berhubung dengan mana-mana perkara yang termasuk dalam sesuatu kelas obligasi yang sama adalah kecil.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2011

2. POLISI PERAKAUNAN YANG SIGNIFIKAN (sambungan)

(p) Peruntukan (sambungan)

Peruntukan diukur sebagai nilai semasa perbelanjaan yang dijangka akan diperlukan untuk menjelaskan obligasi dengan menggunakan kadar sebelum cukai yang menggambarkan taksiran pasaran semasa nilai masa wang dan risiko khusus obligasi. Peningkatan dalam peruntukan yang disebabkan oleh peredaran masa diiktiraf sebagai perbelanjaan faedah.

(q) Pengiktirafan Pendapatan

Pendapatan terdiri daripada nilai saksama pertimbangan diterima atau boleh terima bagi perkhidmatan yang diberikan mengikut aktiviti Suruhanjaya yang biasa. Pendapatan dinyatakan sebagai nilai bersih selepas cukai tambah nilai, pengembalian, rebat dan diskaun.

Suruhanjaya mengiktiraf hasil apabila amaun tersebut boleh diukur dan dipercayai, kemungkinan aliran manfaat ekonomi masa hadapan kepada Suruhanjaya dan kriteria tertentu telah dapat dipenuhi bagi setiap aktiviti Suruhanjaya seperti berikut:

(i) Pendapatan Perkhidmatan

Pendapatan perkhidmatan terdiri daripada kutipan fi pendaftaran syarikat dan perniagaan dan bekalan maklumat korporat sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Akta Syarikat 1965 dan Akta Pendaftaran Perniagaan 1956 masing-masing. Pendapatan ini diiktiraf apabila sesuatu perkhidmatan telah sempurna dilaksanakan.

(ii) Kompaun

Kompaun diiktiraf apabila pembayaran diterima kerana memandangkan setiap kompaun yang dikeluarkan hanyalah merupakan satu tawaran dengan tempoh pembayaran yang ditetapkan oleh Pendaftar. Kompaun yang tidak dijelaskan dalam tempoh yang ditetapkan akan disusuli dengan tindakan pendakwaan selaras dengan peruntukan Akta Syarikat 1965 dan Akta Pendaftaran Perniagaan 1956.

Walau bagaimanapun, denda yang diperolehi daripada keputusan Mahkamah hasil daripada tindakan pendakwaan adalah merupakan hasil Kerajaan dan bukannya Suruhanjaya.

(iii) Program Latihan Korporat

Pendapatan daripada Program Latihan Korporat diiktiraf apabila program selesai dilaksanakan.

(iv) Faedah, Dividen dan Keuntungan

Faedah, dividen dan keuntungan diiktiraf mengikut kaedah perkadaran masa, dengan mengambil kira tunggakan prinsipal dan kadar efektif sehingga tempoh matang, apabila pendapatan berkenaan pasti akan diakrukan kepada Suruhanjaya.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2011

2. POLISI PERAKAUNAN YANG SIGNIFIKAN (sambungan)

(r) Instrumen Kewangan

Instrumen kewangan adalah sebarang kontrak yang meningkatkan aset kewangan sesebuah perusahaan dan liabiliti kewangan atau instrumen ekuiti kepada perusahaan yang lain.

Aset kewangan adalah sebarang aset yang berupa wang tunai, hak berkontrak untuk menerima wang tunai atau lain-lain aset kewangan daripada perusahaan lain, hak berkontrak untuk menukar instrumen kewangan dengan perusahaan lain di bawah syarat yang berpotensi menguntungkan, atau instrumen ekuiti perusahaan lain.

Liabiliti kewangan adalah sebarang tanggungan yang merupakan obligasi berkontrak untuk memberi wang tunai atau aset kewangan lain kepada perusahaan lain, atau menukar instrumen kewangan dengan perusahaan lain di bawah syarat yang berpotensi tidak menguntungkan.

Kaedah pengiktirafan yang diterima pakai bagi instrumen kewangan yang diiktiraf dalam lembaranimbangan didedahkan dalam kenyataan polisi perakaunan individu yang berkaitan dengan setiap instrumen kewangan.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2011

3. HARTA, KELENGKAPAN DAN PERALATAN

Peralatan	Bangunan		Peralatan		Peralatan Pejabat, Perabot dan Kelengkapan		Peralatan dan Perisian Komputer		Kenderaan Bermotor		Ubahsuai		Jumlah	
	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM
Kos														
Pada 1 Januari 2011	135,307,436	15,170,577	13,797,963	55,207,499	6,521,195	36,080,927	262,085,597							
Tambahan	-	1,480,003	248,633	6,352,569	1,851,641	1,924,089	11,856,935							
Pelupusan	-	-	-	(6,060,804)	(1,825,587)	(640,410)	(8,526,801)							
Pada 31 Disember 2011	135,307,436	16,650,580	14,046,596	55,499,264	6,547,249	37,364,606	265,415,731							
Susutnilai terkumpul														
Pada 1 Januari 2011	2,706,149	3,034,116	5,685,347	37,611,671	5,024,918	16,668,655	70,730,856							
Susutnilai tahun semasa	2,706,149	3,330,116	2,258,409	6,298,754	774,505	5,328,830	20,696,763							
Pelupusan	-	-	-	(6,052,754)	(1,825,567)	(551,652)	(8,429,973)							
Kerugian kemerosotan	-	-	-	3,150,981	-	-	3,150,981							
Pada 31 Disember 2011	5,412,298	6,364,232	7,943,756	41,008,652	3,973,856	21,445,833	86,148,627							
Nilai buku bersih														
Pada 31 Disember 2011	129,895,138	10,286,348	6,102,840	14,490,612	2,573,393	15,918,773	179,267,104							
Pada 31 Disember 2010	132,601,287	12,136,461	8,112,616	14,444,847	1,496,277	19,412,272	188,203,760							
Susutnilai bagi tahun berakhir 31 Disember 2010	2,706,149	3,034,116	2,249,599	3,703,272	962,554	4,360,980	17,016,670							

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2011

3. HARTA, KELENGKAPAN DAN PERALATAN (sambungan)

Aset-aset Projek Migrasi telah dipeletakhakan kepada Suruhanjaya mengikut Perjanjian Novasi (Novation Agreement) bertarikh 23 April 2004 dan dinyatakan pada nilai saksama pada tarikh peletakhakan.

Ujian kemerosotan telah dilaksanakan dan kerugian kemerosotan berjumlah RM 3,150,981 telah diiktiraf dalam penyata pendapatan.

4. PELABURAN JANGKA PANJANG

Pelaburan jangka panjang terdiri daripada pelaburan dalam Keluaran Pelaburan Kerajaan, Cagamas Berhad Sukuk dan Islamic Medium Term Notes dengan kadar kupon antara 3.50% hingga 5.0% (2010: 3.04% hingga 5.0%) dengan tempoh sehingga sepuluh (10) tahun.

Dalam tahun semasa, Suruhanjaya telah meletakkan dananya dalam Akaun Amanah Institusi yang diselenggarakan oleh Amanah Raya Berhad, satu syarikat awam berhad dengan saham yang ditubuhkan di Malaysia. Keuntungan kasar boleh terima oleh Suruhanjaya ialah 5% setahun (2009: 5% setahun) dengan tempoh matang peletakan selama lima (5) tahun.

Struktur kematangan pelaburan jangka panjang pada akhir tahun kewangan adalah seperti berikut :

	2011 RM	2010 RM
Sehingga tempoh lima tahun	71,394,300	61,076,700
Lebih daripada lima tahun	54,148,676	59,005,667
	125,542,976	120,082,367

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2011

5. KERJA DALAM KEMAJUAN

	2011 RM	2010 RM
Baki pada 1 Januari	6,275,358	178,226,933
Tambahan kerja dalam kemajuan dalam tahun kewangan	6,676,462	19,900,161
Permodalan kepada harta, kelengkapan dan peralatan	(9,695,536)	(191,851,736)
Baki pada 31 Disember	3,256,284	6,275,358

Kerja dalam kemajuan adalah termasuk pembinaan bangunan dan projek teknologi maklumat dan komunikasi Suruhanjaya yang ditawarkan dalam tahun semasa seperti berikut:

	2011 RM	2010 RM
Peralatan bangunan dalam kemajuan	-	3,219,952
Pembangunan teknologi maklumat dan komunikasi dalam kemajuan	3,256,284	3,055,406
Baki pada 31 Disember	3,256,284	6,275,358

Pembinaan bangunan pejabat Suruhanjaya bersekali dengan kerja-kerja hiasan dalaman telah siap dalam tahun 2009 dan Notis Hak Milik Kosong (Vacant Possession Notice) telah diserahkan kepada Suruhanjaya pada 1 Januari 2010.

Suruhanjaya telah menawarkan beberapa projek teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) dalam tahun semasa berjumlah RM 6,676,462 (2010: RM 10,084,988). Projek ini diklasifikasikan sebagai kerja dalam kemajuan dalam tahun semasa berdasarkan kepada invoice yang diterima.

Kerja dalam kemajuan berjumlah RM 9,695,536 (2010: RM191,851,736) telah dipermodalkan dalam tahun semasa.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2011

6. PEMBIAYAAN PEKERJA

	2011 RM	2010 RM
Pembiayaan perumahan	45,104,899	33,426,954
Pembiayaan kenderaan bermotor	2,278,222	1,621,820
Pembiayaan komputer	172,947	160,100
Amaun kasar pembiayaan	47,556,068	35,208,874
Keuntungan belum diperolehi daripada pembiayaan	(7,459,794)	(5,552,419)
Nilai semasa pembayaran belum terima minima	40,096,274	29,656,455

Struktur kematangan pembiayaan pekerja pada akhir tahun kewangan adalah seperti berikut:

	2011 RM	2010 RM
<i>Amaun kasar pembiayaan:</i>		
Dalam tempoh satu tahun	2,877,150	2,343,870
Lebih daripada satu tahun dan sehingga lima tahun	13,195,773	10,666,364
Lebih daripada lima tahun	31,483,145	22,198,640
	47,556,068	35,208,874

Nilai semasa pembayaran belum terima minima:

	2011 RM	2010 RM
Dalam tempoh satu tahun	2,715,885	2,226,121
Lebih daripada satu tahun dan sehingga lima tahun	12,420,409	10,027,376
Lebih daripada lima tahun	24,959,980	17,402,957
	40,096,274	29,656,454

Pembiayaan pekerja merangkumi pembiayaan perumahan, kenderaan bermotor dan komputer secara Islam kepada pekerja Suruhanjaya. Pembiayaan kenderaan bermotor dan komputer mempunyai tempoh bayaran balik maksima masing-masingnya selama lapan (8) tahun dan empat (4) tahun dengan kadar keuntungan pembiayaan sebanyak 4% setahun (2010: 4% setahun). Pembiayaan perumahan mempunyai tempoh bayaran balik maksima tiga puluh (30) tahun dengan kadar keuntungan sebanyak 2% setahun (2010: 2% setahun).

Kadar keuntungan efektif untuk semua pembiayaan pekerja adalah 7% hingga 9% setahun (2010: 7% hingga 9% setahun).

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2011

7. PENGHUTANG PERDAGANGAN

Penghutang perdagangan terdiri daripada fi perkhidmatan belum terima, termasuk fi perkhidmatan e-info yang dibekalkan oleh ejen yang dilantik, perkhidmatan e-lodgement dan fi daripada Program Latihan Korporat.

Tempoh kredit yang diberikan kepada penghutang perdagangan adalah tiga puluh (30) hari daripada tarikh invoice dikeluarkan atau sebagaimana yang dinyatakan dalam perjanjian dengan agen yang dilantik berkaitan.

8. PENGHUTANG LAIN, DEPOSIT DAN PRA BAYAR

	2011 RM	2010 RM
Keuntungan dan dividen belum terima	2,580,994	2,930,122
Deposit dan pra bayar	2,703,682	1,140,100
Pendahuluan pekerja	599,145	739,781
Lain-lain terimaan	38,145	37,225
	5,921,966	4,847,228

Termasuk dalam keuntungan dan dividen belum terima adalah keuntungan yang diterima terdahulu daripada Akaun Deposit Mudharabah (MDA) berjumlah RM 340,071 (2010: RM 499,260).

9. PELABURAN JANGKA PENDEK

	2011 RM	2010 RM
Sijil Instrumen Hutang Boleh Runding	8,215,383	10,096,199
Deposit Komoditi Murabahah	70,427,559	45,000,000
Pelaburan Jangka Panjang yang matang dalam tempoh dua belas (12) bulan	25,262,700	70,146,500
	103,905,642	125,242,699

Suruhanjaya juga membeli Kertas Komersial Islam, Sijil Instrumen Hutang Boleh Runding, Perjanjian Jual Beli Semula dan Deposit Komoditi Murabahah melalui beberapa institusi kewangan berlesen. Keuntungan efektif boleh terima oleh Suruhanjaya untuk sekuriti ini adalah pada kadar antara 3.15% kepada 3.65% setahun (2010: 3.0% hingga 3.4% setahun) dengan tempoh matang peletakan sehingga dua belas (12) bulan.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2011

10. INVENTORI

	2011 RM	2010 RM
Baki pada 1 Januari	794,680	-
Belian	3,650,000	2,323,100
Jualan	(3,097,440)	(1,528,420)
Baki pada 31 Disember	1,347,240	794,680

Kementerian Kewangan melalui surat bertarikh 24 Mac 2010 telah memberikan kelulusan di bawah seksyen 82 Akta Setem 1949 kepada Suruhanjaya untuk menjual setem hasil untuk dilekatkan atas *Memorandum and Article of Association* syarikat-syarikat yang diperbadankan.

Inventori ini dinyatakan pada kos.

11. TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI

	2011 RM	2010 RM
Baki tunai dan bank	47,939,827	37,437,260
Peletakan deposit dengan:		
Bank tempatan berlesen dan institusi kewangan	230,981,236	174,300,454
	278,921,063	211,737,714

Kadar keuntungan efektif bagi pelaburan am Al-Mudharabah dan pelaburan khas Al-Mudharabah dengan bank-bank dan institusi-institusi kewangan berlesen adalah antara 3.15% hingga 3.65% setahun (2010: 3.0% hingga 3.40% setahun).

Tempoh matang bagi pelaburan am Al-Mudharabah ialah tiga puluh (30) hari hingga 1 tahun (2010: tiga puluh (30) hari hingga 1 tahun) dan pelaburan khas Al-Mudharabah ialah satu (1) malam hingga sembilan puluh (90) hari (2010: satu (1) malam hingga sembilan puluh (90) hari).

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2011

12. GERAN KERAJAAN

	Geran Modal RM	Manfaat Peletakhakan RM	Jumlah RM
Pada 1 Januari 2011	24,855,000	11,596	24,866,596
Tambahan geran diterima dalam tahun semasa	3,082,710	-	3,082,710
Pelunasan ke atas geran yang diterima	(3,900,000)	(7,853)	(3,907,853)
Pada 31 Disember 2011	24,037,710	3,743	24,041,453
Pada 1 Januari 2010	20,000,000	11,596	20,011,596
Tambahan geran diterima dalam tahun semasa	8,955,000	-	8,955,000
Pelunasan ke atas geran yang diterima	(4,100,000)	-	(4,100,000)
Pada 31 Disember 2010	24,855,000	11,596	24,866,596

Geran modal termasuk geran operasi yang diberikan oleh Kerajaan, geran pembangunan yang diluluskan di bawah Rancangan Malaysia Ke Sembilan (RMKe9) dan manfaat peletakhakan. Geran operasi dan pembangunan diberikan bagi menampung perbelanjaan modal untuk bangunan baru dan projek pembangunan teknologi maklumat dan komunikasi Suruhanjaya.

Suruhanjaya telah menerima peruntukan di bawah geran operasi berjumlah RM 3.5 juta dalam tahun kewangan semasa untuk pembangunan Laluan SSM untuk Identiti Korporat Malaysia (MyCoID). Peruntukan ini adalah tambahan kepada jumlah peruntukan sebanyak RM 8.96 juta yang diterima dalam tahun 2010 untuk pembangunan projek teknologi maklumat dan komunikasi dan kerja-kerja hiasan dalaman untuk bangunan baru Suruhanjaya.

Peralatan teknologi maklumat dan komunikasi untuk projek MyCoID berjumlah RM 417,290 telah dipindahkan oleh Suruhanjaya dalam tahun kewangan semasa kepada lima (5) agensi yang menyertai iaitu Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, Lembaga Hasil Dalam Negeri, Pertubuhan Keselamatan Sosial, SME Corporation dan Pembangunan Sumber Manusia Berhad. Jumlah ini telah ditolak daripada geran yang diterima dalam tahun semasa seperti berikut:

	2011 RM	2010 RM
Geran diterima dalam tahun kewangan semasa	3,500,000	-
Geran dipindahkan ke agensi lain	(417,290)	-
Baki pada 31 Disember	3,082,710	-

Manfaat peletakhakan bagi permulaan tahun kewangan adalah merupakan aset yang dipeletakhakan kepada Suruhanjaya dalam tahun 2002 hingga tahun 2004. Ini termasuk harta, kelengkapan dan peralatan, wang yang dikutip daripada Program Latihan Pengarah Syarikat dan novasi Projek Migrasi. Aset Projek Migrasi ini diklasifikasikan sebagai manfaat peletakhakan dan dinyatakan pada nilai saksama.

Pelunasan ke atas geran kerajaan dalam tahun semasa diambil kira sebagai manfaat penggunaan ke atas harta, kelengkapan dan peralatan yang berkenaan yang mana ia bersamaan dengan susutnilai harta, kelengkapan dan peralatan. Amaun ini dinyatakan sebagai pelunasan ke atas geran yang diterima dalam penyata perubahan ekuiti.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2011

13. DANA PEMBIAYAAN PEKERJA

	2011 RM	2010 RM
Dana pembiayaan perumahan	50,000,000	50,000,000
Dana pembiayaan kenderaan bermotor	5,000,000	5,000,000
Dana pembiayaan komputer	1,000,000	1,000,000
	56,000,000	56,000,000

Suruhanjaya telah meluluskan peruntukan sebanyak RM 50.0 juta, RM 5.0 juta dan RM 1.0 juta untuk dana pembiayaan perumahan, kenderaan bermotor dan komputer masing - masing untuk pekerja Suruhanjaya. Dana pembiayaan perumahan telah diperuntukkan daripada lebih terkumpul sebanyak RM 10.0 juta setiap tahun mulai 2002 hingga 2006.

14. PERUNTUKAN FAEDAH PEKERJA

	2011 RM	2010 RM
Baki pada 1 Januari	723,874	767,345
Bayaran kepada pekerja dalam tahun semasa	(124,878)	(43,471)
Baki pada 31 Disember	598,996	723,874

Berkuat kuasa pada Oktober 2004, semua pekerja kontrak yang telah menyelesaikan perkhidmatan kontraknya tidak lagi layak untuk pembayaran gratuity. Ini berikutan keputusan Suruhanjaya untuk menaikkan caruman majikan KWSP daripada 12.5% kepada 17.5% berkuat kuasa pada bulan yang sama.

Struktur kematangan peruntukan faedah pekerja pada akhir tahun kewangan adalah seperti berikut:

	2011 RM	2010 RM
Liabiliti semasa		
Dalam tempoh satu tahun (Lihat Nota 16)	75,005	99,920
Liabiliti jangka panjang		
Lebih daripada satu tahun dan sehingga lima tahun	342,655	350,540
Lebih daripada lima tahun	181,336	273,414
	598,996	723,874

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2011

15. KUMPULAN WANG DISATUKAN PERSEKUTUAN

	2011 RM	2010 RM
Baki pada 1 Januari	161,432,699	156,952,560
Peruntukan hasil belum bayar kepada Kumpulan Wang Disatukan Persekutuan	178,512,770	164,357,849
Kehilangan pendapatan daripada diskaun yang ditawarkan di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi Kedua	-	(2,925,150)
Bayaran kepada Kumpulan Wang Disatukan Persekutuan dalam tahun semasa	(161,432,699)	(156,952,560)
Baki pada 31 Disember	178,512,770	161,432,699

Seksyen 35(1) Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001 (Akta 614) memperuntukkan bahawa Suruhanjaya perlu membayar lima puluh peratus (50%) daripada jumlah hasil tahunan kepada Kumpulan Wang Disatukan Persekutuan.

Suruhanjaya telah diberikan kelulusan bertariikh 23 Mac 2010 oleh Menteri Kewangan untuk menolak 50% daripada jumlah kehilangan pendapatan daripada sumbangan kepada Kumpulan Wang Disatukan Persekutuan untuk tahun 2010. Kehilangan pendapatan ini adalah daripada diskaun yang ditawarkan di bawah inisiatif pengurangan sementara fi pemerbadanan syarikat berhubung dengan Pakej Rangsangan Ekonomi Kedua bagi tempoh daripada 1 April 2010 sehingga 31 Disember 2010.

Tiada inisiatif pengurangan fi diperkenalkan oleh Suruhanjaya dalam tahun kewangan semasa.

16. PEMIUTANG LAIN

	2011 RM	2010 RM
Perbelanjaan belum bayar dan terakru	8,454,979	6,739,960
Perbelanjaan statutori belum bayar	1,686,895	272,550
Akaun amanah	405,940	1,114,201
Lain-lain pemiutang (Lihat Nota 14)	1,086,977	1,709,889
	11,634,791	9,836,600

Tempoh kredit yang diterima untuk pemiutang lain adalah antara tiga puluh (30) hingga enam puluh (60) hari daripada tarikh invoice diterima.

17. PEMIUTANG PROJEK JANGKA PENDEK

Pemiutang projek jangka pendek adalah kos yang ditanggung untuk pembinaan bangunan pejabat Suruhanjaya yang tertunggak pada akhir tahun.

Tempoh kredit yang diterima untuk pemiutang projek jangka pendek adalah antara tiga puluh (30) hingga enam puluh (60) hari daripada tarikh invoice diterima.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2011

18. PENDAPATAN

	2011 RM	2010 RM
Pendapatan bersih daripada aktiviti operasi:		
Pendapatan perkhidmatan	284,734,790	264,553,915
Kompoun	49,407,246	45,025,855
Program Latihan Korporat	1,800,207	1,047,095
Pendapatan lain:		
Keuntungan dan dividen	19,411,186	17,051,666
Lain-lain pendapatan	2,352,807	1,037,167
	357,706,236	328,715,698

Suruhanjaya telah memperkenalkan inisiatif dengan menawarkan diskaun antara 10% hingga 15% untuk menyokong Pakej Rangsangan Ekonomi Kerajaan berkuatkuasa pada 1 April 2009 sehingga 31 Mac 2010. Diskaun ini melibatkan fi yang dikenakan di bawah Akta Syarikat 1965, Akta Pendaftaran Perniagaan 1956 dan Program Latihan Korporat.

Sebagai sambungan kepada inisiatif pertama, Suruhanjaya telah memperkenalkan inisiatif kedua dengan menawarkan diskaun sebanyak 15% ke atas fi pemerbadanan untuk syarikat baru dengan modal dibenarkan kurang daripada RM 1.0 juta berkuatkuasa mulai 1 April 2010 sehingga 31 Disember 2010.

Diskaun yang ditawarkan di bawah inisiatif kedua telah mengurangkan pendapatan Suruhanjaya untuk tahun 2010 sebanyak RM 11,514,025. Pecahan pendapatan kasar Suruhanjaya adalah seperti berikut :

	2011 RM	2010 RM
Pendapatan kasar daripada aktiviti operasi:		
Pendapatan perkhidmatan	284,734,790	276,067,940
Kompoun	49,407,246	45,025,855
Program Latihan Korporat	1,800,207	1,047,095
Pendapatan lain:		
Keuntungan dan dividen	19,411,186	17,051,666
Lain-lain pendapatan	2,352,807	1,037,167
Jumlah Pendapatan Kasar	357,706,236	340,229,723
Diskaun yang ditawarkan di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi	-	(11,514,025)
	357,706,236	328,715,698

Tiada inisiatif pengurangan fi diperkenalkan oleh Suruhanjaya dalam tahun kewangan semasa.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2011

19. KOS PEKERJA

	2011 RM	2010 RM
Gaji	46,993,337	40,995,355
Elaun tetap	7,125,966	4,819,975
Sumbangan berkanun	9,675,520	9,771,800
Elaun lebih masa	712,753	588,630
Bonus dan lain – lain faedah	3,708,125	11,090,809
Faedah perubatan	3,757,529	3,502,328
Elaun Anggota	240,000	321,200
Subsidi pembiayaan pekerja atas pinjaman Kerajaan	78,049	110,545
	72,291,279	71,200,642

20. KOS PENTADBIRAN

	2011 RM	2010 RM
Perjalanan dan penginapan	5,175,510	4,079,563
Komunikasi dan utiliti	7,091,202	7,353,052
Sewa	18,789,884	15,381,197
Percetakan dan alatulis	7,546,972	9,611,312
Penyelenggaraan peralatan	9,577,759	8,104,084
Penyelenggaraan dan kawalan pejabat	2,915,570	2,483,884
Fi professional	726,636	687,366
Keraian dan hospitaliti	5,643,582	5,754,872
Lain-lain kos pentadbiran	420,415	436,529
	57,887,530	53,891,859

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2011

21. LEBIHAN SEBELUM CUKAI

	2011 RM	2010 RM
Lebihan sebelum cukai bagi tahun semasa diperolehi setelah mengambil kira: -		
Keuntungan dan dividen	19,411,186	17,051,666
Lain-lain pendapatan	2,352,807	1,037,167
Keuntungan pelupusan harta, kelengkapan dan peralatan	408,461	-
dan kenaan: -		
Elaun Anggota	240,000	321,200
Ganjaran juruaudit	62,073	56,430
Bonus dan lain-lain faedah	3,708,125	11,090,809
Susutnilai	20,696,763	17,016,670
Pelunasan ke atas geran yang diterima	(3,907,853)	(4,100,000)
Pelunasan ke atas pelaburan jangka panjang	552,332	901,681
Kerugian pelupusan harta, kelengkapan dan peralatan	-	1,876,440

22. CUKAI

Pada 13 Disember 2007, Kementerian Kewangan telah memberi pengecualian pembayaran cukai pendapatan ke atas semua pendapatan statutori Suruhanjaya untuk tempoh sepuluh (10) tahun mulai tahun 2002 hingga tahun 2011.

23. KOMITMEN MODAL

	2011 RM	2010 RM
Komitmen modal:		
Diluluskan dan berkontrak	5,107,040	5,084,957
Diluluskan dan belum berkontrak	-	-
	5,107,040	5,084,957

24. POLISI PENGURUSAN RISIKO

Program pengurusan risiko kewangan Suruhanjaya menumpu kepada ramalan pasaran kewangan dan cubaan untuk meminimumkan potensi kesan yang berlawanan ke atas prestasi kewangan Suruhanjaya. Pengurusan risiko kewangan dilaksanakan melalui kajian risiko, sistem kawalan dalaman, program insuran dan pegangan kepada polisi pengurusan risiko kewangan Suruhanjaya. Suruhanjaya sentiasa mengkaji risiko- risiko ini dan meluluskan polisi perbendaharaan yang merangkumi pengurusan risiko berkenaan.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2011

24. POLISI PENGURUSAN RISIKO (sambungan)

Risiko utama yang timbul daripada aset dan liabiliti kewangan Suruhanjaya adalah risiko kecairan, risiko aliran tunai dan risiko kadar keuntungan dan faedah.

(a) *Risiko Kecairan*

Suruhanjaya mengurangkan risiko kecairannya dengan mengekalkan sebahagian daripada pelaburannya dalam aset cair berbentuk deposit dengan institusi kewangan bagi memenuhi komitmen kewangan jangka pendek.

(b) *Risiko Aliran Tunai*

Suruhanjaya sentiasa mengkaji kedudukan aliran tunainya untuk pengurusan pendedahan turun naik aliran tunai masa hadapan.

(c) *Risiko Kadar Keuntungan dan Faedah*

Suruhanjaya mempunyai tunai, baki di bank dan peletakan deposit dengan bank dan institusi kewangan berlesen yang mempunyai kepercayaan kredit. Suruhanjaya mengurus risiko kadar keuntungan dan faedahnya dengan meletakkan baki berkenaan mengikut terma kematangan, keuntungan dan kadar keuntungan dan faedah yang berbeza-beza.

Instrumen Kewangan

Analisa kadar keuntungan efektif

	Kadar Keuntungan Efektif Setahun %	Dalam Tempoh 1 Tahun RM	1 Hingga 5 Tahun RM	Lebih Daripada 5 Tahun RM	Jumlah RM
--	--	----------------------------------	---------------------------	------------------------------------	--------------

Baki pada 31 Disember 2011

Aset Kewangan

Peletakan deposit:

Bank tempatan dan institusi kewangan	3.15 - 3.65	278,921,063	-	-	278,921,063
Amanah Raya Berhad	5.0	-	-	54,148,676	54,148,676

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2011

24. POLISI PENGURUSAN RISIKO (sambungan)

Instrumen Kewangan

Analisa kadar keuntungan efektif

	Kadar Keuntungan Efektif Setahun %	Dalam Tempoh 1 Tahun RM	1 Hingga 5 Tahun RM	Lebih Daripada 5 Tahun RM	Jumlah RM
Baki pada 31 Disember 2011					
Aset Kewangan					
Sekuriti hutang dipegang sehingga matang:					
Keluaran Pelaburan Kerajaan	3.50-5.0	10,007,700	20,317,300	-	30,325,000
Cagamas Berhad	3.50-5.0	15,255,000	20,493,000	-	35,748,000
Kertas Komersial Islam	3.50-5.0	-	30,584,000	-	30,584,000

Instrumen Kewangan

Analisa kadar keuntungan efektif

	Kadar Keuntungan Efektif Setahun %	Dalam Tempoh 1 Tahun RM	1 Hingga 5 Tahun RM	Lebih Daripada 5 Tahun RM	Jumlah RM
Baki pada 31 Disember 2011					
Aset Kewangan					
Sekuriti hutang dipegang sehingga matang:					
Sijil Instrumen Hutang Boleh	3.15-3.65	8,215,383	-	-	8,215,383
Perjanjian Jual Beli Semula	3.15-3.65	70,427,559	-	-	70,427,559
		382,826,705	71,394,300	54,148,676	508,369,681

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2011

24. POLISI PENGURUSAN RISIKO (sambungan)

Instrumen Kewangan

Analisa kadar keuntungan efektif

	Kadar Keuntungan Efektif Setahun %	Dalam Tempoh 1 Tahun RM	1 Hingga 5 Tahun RM	Lebih Daripada 5 Tahun RM	Jumlah RM
--	--	----------------------------------	---------------------------	------------------------------------	--------------

Baki pada 31 Disember 2011

Aset Kewangan

Peletakan deposit:

Bank tempatan dan institusi kewangan	3.0-3.4	211,737,714	-	-	211,737,714
Amanah Raya Berhad	5.0	-	-	54,009,367	54,009,367

Instrumen Kewangan

Analisa kadar keuntungan efektif

	Kadar Keuntungan Efektif Setahun %	Dalam Tempoh 1 Tahun RM	1 Hingga 5 Tahun RM	Lebih Daripada 5 Tahun RM	Jumlah RM
--	--	----------------------------------	---------------------------	------------------------------------	--------------

Baki pada 31 Disember 2011

Aset Kewangan

Sekuriti hutang dipegang

sehingga matang:

Keluaran Pelaburan Kerajaan	3.04-5.0	15,015,000	25,328,700	4,996,300	45,340,000
Cagamas Berhad	3.04-5.0	15,407,500	35,748,000	-	51,155,500
Kertas Komersial Islam	3.04-5.0	39,724,000	-	-	39,724,000

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2011

24. POLISI PENGURUSAN RISIKO (sambungan)

Instrumen Kewangan

Analisa kadar keuntungan efektif

	Kadar Keuntungan Efektif Setahun %	Dalam Tempoh 1 Tahun RM	1 Hingga 5 Tahun RM	Lebih Daripada 5 Tahun RM	Jumlah RM
Baki pada 31 Disember 2011					
Aset Kewangan					
Sekuriti hutang dipegang sehingga matang:					
Sijil Instrumen Hutang Boleh	3.0-3.4	10,096,199	-	-	10,096,199
Perjanjian Jual Beli Semula	3.0-3.4	45,000,000	-	-	45,000,000
		336,980,413	61,076,700	59,005,667	457,062,780

(d) *Nilai Saksama*

Berhubung dengan tunai dan kesetaraan tunai, pelaburan jangka pendek, penghutang perdagangan dan penghutang lain, sumbangan kepada Kumpulan Wang Disatukan Persekutuan, pemiutang lain dan pemiutang projek jangka pendek, nilai bawaan adalah lebih kurang nilai saksamanya disebabkan oleh tempoh matang yang pendek yang dimiliki oleh instrumen kewangan ini. Nilai saksama aset kewangan lain dalam lembaranimbangan pada 31 Disember 2011 adalah seperti berikut:

	2011		2010	
	Amaun Bawaan RM	Nilai Saksama RM	Amaun Bawaan RM	Nilai Saksama RM
Aset Kewangan				
Pelaburan Jangka Panjang	95,880,216	97,155,715	135,309,047	135,399,547
Pembiayaan Pekerja	40,096,274	42,739,818	29,656,455	30,640,707

25. MAKLUMAT PEKERJA

Bilangan pekerja Suruhanjaya sehingga 31 Disember 2011 adalah seramai 1,238 termasuk 39 orang pekerja sambilan (2010: 1,239 termasuk 40 orang pekerja sambilan).

26. KELULUSAN PENYATA KEWANGAN

Penyata Kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2011 beraudit telah dibentangkan dan diluluskan oleh Anggota Suruhanjaya Syarikat Malaysia melalui Resolusi Edaran bertarikh 14 Jun 2012.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2011

27. ANGKA PERBANDINGAN

Angka-angka perbandingan tertentu telah diklasifikasikan amaunnya agar selari dengan persembahan penyata kewangan tahun semasa.

Angka-angka dalam Penyata Aliran Tunai telah dilaporkan semula seperti berikut :

	Seperti Laporan Terdahulu	Seperti Laporan Semula
Lebihan sebelum cukai	27,433,927	26,495,707
Pertambahan/(Pengurangan) Kumpulan Wang Disatukan Persekutuan	3,541,919	4,480,139



DIREKTORI SSM**IBU PEJABAT**

Menara SSM@Sentral
No 7, Jalan Stesen Sentral 5,
Kuala Lumpur Sentral,
50623 Kuala Lumpur.
Tel : 03-2299 4400
Faks : 03-2299 4411
Hotline : 03-2299 5500
Emel : enquiry@ssm.com.my

Suruhanjaya Syarikat Malaysia (ROB)
Tingkat 16, Putra Place,
100 Jalan Putra,
50622 Kuala Lumpur.
Tel : 03-4043 0811
Faks : 03-4043 0832
Emel : fekri@ssm.com.my

PEJABAT NEGERI**Perlis**

Kamarudin Mohd Daud
Tingkat 8, Bangunan KWSP,
Jalan Bukit Lagi,
01000 Kangar, Perlis.
Tel : 04-978 1877 / 976 7899 / 977 3182
Faks : 04-977 4758
Emel : kmrudin@ssm.com.my

Kedah

Abu Hassan bin Bin Kasim
Aras 1 & 2, Wisma Perkeso,
No. 186, Jalan Teluk Wanjah,
05538 Alor Setar, Kedah.
Tel : 04-733 0111
Faks : 04-731 5517
Emel : abu@ssm.com.my

Pulau Pinang

Rashidan bin Abd Rashid
Tingkat 6-7, Bangunan KWSP,
No. 3009, Off Leboh Tenggiri 2,
Bandar Seberang Jaya,
13700 Pulau Pinang.
Tel : 04-397 7793
Faks : 04-397 7713
Emel : rashidan@ssm.com.my

Perak

Norihan binti Elias
Tingkat 2C, Greentown Mall,
Jalan Hospital,
30450 Ipoh, Perak.
Tel : 05-241 6900 / 254 7913 / 253 3071
Faks : 05-255 7162
Emel : norihan@ssm.com.my

Selangor

Mohammad Nasir bin Zakaria
Tingkat 3-4, Plaza Alam Sentral,
Jalan Majlis, Seksyen 14,
40000 Shah Alam, Selangor.
Tel : 03-5511 6500 / 5513 9570 / 5513 5997 / 5513 3976
Faks : 03-5510 4200 (Tingkat 3) / 03-5510 6200 (Tingkat 4)
Emel : nasir@ssm.com.my

Negeri Sembilan

Khairudin bin Rusli
Aras 3, Wisma Perkeso,
Lot 3757 & 52,
Jalan Sungai Ujong,
70000 Seremban, Negeri Sembilan.
Tel : 06-761 9098 / 761 5506 / 06-764 1885 / 764 5598
Faks : 06-765 5877
Emel : krudin@ssm.com.my

Melaka

Ahmad Shatar bin Azizan
Tingkat Bawah, Menara MITC,
Kompleks MITC,
Jalan Konvensyen,
75450 Ayer Keroh, Melaka
Tel : 06-231 1717
Faks : 06-231 3502
Emel : ashatar@ssm.com.my

Johor

Rogayah binti Md Said
Podium 4B & 5, Menara Ansar,
65 Jalan Trus,
80000 Johor Bahru, Johor.
Tel : 07-223 3589 / 224 4710 / 224 4708
Faks : 07-224 1714 / 224 8169
Emel : rogayah@ssm.com.my

Pahang

Rozaini bin Muhamed
Lot 202-216, Tingkat 2, Blok B,
Kuantan Centre Point,
Jalan Haji Abdul Rahman,
25000 Kuantan, Pahang.
Tel : 09-516 4866 / 516 4600
Faks : 09-516 1869 / 516 3316
Emel : rozaini@ssm.com.my

Terengganu

Rohaimi bin Abd Manan
Tingkat 6-7, Menara Yayasan Islam,
Jalan Sultan Omar,
20300 Kuala Terengganu, Terengganu.
Tel : 09-623 7170 / 623 7127
Faks : 09-623 0945 / 6237172
Emel : rohaimi@ssm.com.my

Kelantan

Wan Abd Rahim bin Wan Daud
Tingkat 2, 3 & 4, Kota Sri Mutiara,
Jalan Sultan Yahya Petra,
15150 Kota Bharu, Kelantan.
Tel : 09-748 2860 / 748 4599
Faks : 09-744 7622 / 747 2607
Emel : wrahim@ssm.com.my

Sarawak

Hairul Anuar bin Yasin
Tingkat 2-3, Wisma STA,
26 Jalan Datuk Abang Abdul Rahim,
93450 Kuching, Sarawak.
Tel : 082-481 499
Faks : 082-334 622
Emel : hairul@ssm.com.my

Sabah

Datin Rosnah binti Ali
Tingkat 4, Menara MAA,
6 Lorong Api-Api,
Beg Berkunci 2039,
88999 Kota Kinabalu, Sabah.
Tel : 088-233 551 / 233 346
Faks : 088-237 884
Emel : rosnah@ssm.com.my

Wilayah Persekutuan Labuan

Muhd Nasir bin Mahmood
No. 6A1 & 6A2, Tingkat 6,
Blok 4, Kompleks Ujana Kewangan,
Jalan Merdeka,
87000 Wilayah Persekutuan Labuan.
Tel : 087-414 100
Faks : 087-414 152
Emel : mnasir@ssm.com.my

PEJABAT CAWANGAN

Tawau

Mohd Yasin bin Abd Malik
TB 4444, Tingkat Bawah & Tingkat 1,
Blok F, Sabindo Square,
Jalan Dunlop,
91018 Tawau, Sabah.
Tel : 089-750 585 / 752 585
Faks : 089-754 585
Emel : yasin@ssm.com.my

Miri

Abdul Rahman bin Rosli
Tingkat Bawah, Plaza Yu Lan,
97, Jalan Brooke,
98008 Miri, Sarawak.
Tel : 085-424 777 / 421 117
Faks : 085-422 225
Emel : arahman@ssm.com.my

Muar

Norsilawati binti Bachek
No. 1, Jalan Perdagangan,
Off Bulatan Jalan Bakri,
84000 Muar, Johor.
Tel : 06-954 6611 / 954 7711
Faks : 06-954 6600
Emel : norsilawati@ssm.com.my

Temerloh

Ahmad Tarmizi bin Hussain
No. 15 & 16, Tingkat Bawah,
Jalan Ahmad Shah,
28000 Temerloh,
Pahang Darul Makmur.
Tel : 09-296 4600/5600
Faks : 09-296 0010
Emel : atarmizi@ssm.com.my

PUSAT PERKHIDMATAN

Langkawi

Pusat Perkhidmatan
Suruhanjaya Syarikat Malaysia
No. 4, Tingkat Mezzanine, Kompleks LADA,
Jalan Persiaran Putra,
07000 Langkawi, Kedah.
Tel : 04-966 7943
Faks : 04-966 5318

**KAUNTER PERKHIDMATAN DAN PENDAFTARAN
PERNIAGAAN**

Selayang

Lobi, Blok A,
Majlis Perbandaran Selayang,
68100 Batu Caves, Selangor.
Tel : 03-6120 2642
Faks : 03-6120 2641

Putrajaya

Kaunter Khidmat Pengguna, Aras G,
Kementerian Perdagangan Dalam Negeri
Koperasi Dan Kepenggunaan (KPDNKK),
No. 13, Persiaran Perdana,
Presint 2, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62623 Putrajaya,
Wilayah Persekutuan Putrajaya.
Tel : 03-8882 6509/6480





